




MANUAL MBI

DALAM
PROFESIONALISME
KEGURUAN





**MANUAL MBI
(Membangun Bersama Islam)
Dalam Profesionalisme
Keguruan**

Penyusun :
Dr Yaacob bin Haji Yusoff Awang
Pengarah ILPK.

Pembantu Penyusun :
Us. Mohd Nordin Jaafar
Pegawai R&D ILPK

Penerbit :
Institut Latihan Perguruan Kelantan (ILPK)

ISBN : 978-967-5585-16-6

Edisi Pertama

Cetakan Pertama : 2018

Disedia, Disusun dan Diterbitkan Oleh :

INSTITUT LATIHAN PERGURUAN KELANTAN

Kompleks Yayasan Islam Kelantan

Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 09-712 7127

E-mel : ilpkel15@gmail.com

Dicetak Oleh :

UNI PRESS

Lot 104, Jalan Pencawang TNB Lundang,

Off Jalan Sultan Yahya Petra,

15150 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 09-743 4924 Fax : 09-743 4925

E-mel : unipresskotabharu@gmail.com

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sekali pun samada secara elektronik, fotokopi, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penulis atau penerbit.

Sepatah Kata
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan
dan Pengajian Tinggi Kerajaan Negeri Kelantan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Sukacita saya mengambil peluang dari ruang sepatah kata ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak ILPK khususnya penyusun bahan ini Dr Yaacob bin Yusoff. Bahan sebegini amat diperlukan bagi menjadikan kursus-kursus berbentuk modul akan menjadi lebih berkesan. Bahan-bahan ilmiah berperanan penting sebagai sumber ilmu, tetapi bahan yang berorientasi sebegini amat diperlukan untuk membolehkan para pembaca merasai realiti isu yang hendak diatasi.

Saya mengharapkan usaha untuk 'merakyatkan' dasar Membangun Bersama Islam kerajaan negeri Kelantan dalam pendidikan akan berlaku dengan lebih cepat melalui kursus-kursus khusus sebagaimana yang dijalankan sekarang. Strategi pemerakytan ini memerlukan pendekatan yang berbeza mengikut golongan sasaran. Dalam konteks ini guru adalah menjadi ejen penting bukan sahaja dalam sektor formal sekolahnya, tetapi juga masyarakat awam. Mereka berperanan menjadi model sebagaimana Rasulullah SAW, termasuk aspek sistem nilai atau akhlak sebagaimana yang menjadi fungsi risalah Baginda SAW selain akidah dan syariah.

Profesionalisme keguruan tidak terlepas dari ancaman salahlaku manusia yang kehilangan dasar dan halatuju. Dengan itu Kelantan mengambil sikap mengenengahkan sifat *rabbani* pendidikan serta matlamat *ukhrawinya*. Pendekatan ini lebih menjamin profesionalisme guru terselamat dari kecelaruan yang kadang-kadang membantut tujuan pendidikan itu sendiri. Dengan itu, bahan ini tidak sahaja penting kepada guru-guru, malah semua pihak yang terlibat dengan sektor pendidikan.

Semoga sumbangan bahan ini memberi makna yang besar kepada semua pihak.

YB Dato Dr Mohamed Fadzli bin Dato' Hassan
Pejabat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan

Kata Pengantar Dari Penyusun

Alhamdulillah, wassalatu wassalamu 'ala Rasulillah.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan inayahNya saya mempunyai sedikit masa dan tenaga untuk menyiapkan bahan ini walau pun dalam kepayahan kesihatan dan kesibukan tugas. ILPK amat memerlukan bahan-bahan seperti ini untuk meningkatkan lagi prestasi khidmatnya dalam konteks latihan terutama bagi mendokong visi dan misi kerajaan negeri dalam latihan guru dan pendidikannya.

Sehubungan dengan itu, bahan ini **bukan buku ilmiah**. Ia bersifat sebagai dokumen **manual modul** yang diharap dapat memenuhi keperluan tersebut sebagai bahan untuk para fasilitator juga peserta modul Membangun Bersama Islam (MBI) Dalam Profesionalisme Keguruan. Amat ketara sekali profesyen perguruan mesti dihubungkan dengan dasar yang lebih jelas untuk menjadikan pendidikan menarafi dimensi rabbani dengan hubungkaitnya kepada falsafah 'Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI).

Manual ini diharap dapat memandu para fasilitator juga peserta untuk memahami rangka modul yang telah diedarkan sebagai bahan latihan program berkenaan. Walau bagaimana pun, ia terbuka kepada sebarang idea-idea penambahbaikan yang akan diedit dan dikemaskini dalam edisi-edisi baru yang akan menyusul jika perlu. Ia juga boleh digunakan sebagai bacaan awam bagi mereka yang berminat.

Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat mengemaskinikan bahan ini terutama para staf ILPK, khususnya Ustaz Mohd Nordin Jaafar sebagai pembantu penyusun, penyemak, serta penterjemah beberapa bahan lampiran dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu, di samping Dr. Yusri Musa dari UMK yang menyumbang idea untuk

sebahagian bab 4. Terima kasih juga ditujukan kepada semua mereka yang terlibat menjadi peserta dalam program modul ini dari kalangan guru-guru YIK dan para pensyarah KIAS, terutama mereka yang mencetuskan idea-idea yang menjadi isi tambahan dan pengemaskinian bagi buku ini. Diharap pihak YIK juga dapat melihat bahan ini sebagai sebahagian dari dokumen penting latihan para staf akademiknya.

Semoga bermanfaat dan boleh dijadikan bahan asas modul berkenaan. *Wassalam.*

Dr. Yaacob bin Haji Yusoff Awang (*Dr. YaHYA*).

Yaacobyusoff173@yahoo.com

Isi Kandungan

| Kandungan | Muka surat |
|--|------------|
| Bab 1 : Pendahuluan | 5 |
| 1.1. Dasar MBI Dan Pendidikan | 6 |
| 1.2. Tujuan & Hasil Pembelajaran | 12 |
| 1.3. Kandungan Dan Strategi Modul | 13 |
| 1.4. Gred Kelulusan Peserta | 14 |
| Bab 2 : UMI Dalam Profesionalisme Keguruan | 15 |
| 2.1. Kosmologi; | 16 |
| 2.1.1. Latar belakang | 16 |
| 2.1.2. Objektif | 17 |
| 2.1.3. Hasil Pembelajaran | 17 |
| 2.2. MBI & UMI Dalam Pendidikan Di YIK | 18 |
| 2.3. Empat Asas Penting | 23 |
| 2.4. Aplikasi UMI Dalam Pendidikan | 26 |
| 2.4.1. Isu Dan Rasional | 26 |
| 2.4.2. Fungsi UMI Dalam Profesyen Guru | 29 |
| 2.4.3. Hakikat Kerja Dalam Melaksanakan Tanggungjawab | 33 |
| 2.4.4. Aplikasi (Pemakaian) UMI | 35 |
| 2.4.5. Contoh Sifat-sifat Anjuran al-Quran | 40 |
| 2.5. Fungsi Rukun Islam & Rukun Iman Dalam Profesyen Keguruan | 42 |
| 2.6. Pembetulan Persepsi Salah Terhadap Konotasi Islam | 47 |
| 2.7. Rumusan | 51 |
| 2.8. Contoh Soalan-soalan Untuk Perbincangan Bengkel | 53 |

| | |
|---|-----------|
| Bab 3 : Pengislaman Ilmu (PI) Dalam Pendidikan | 55 |
| 3.1. Kosmologi Modul Pengislaman Ilmu (PI) | 56 |
| 3.1.1. Latar Belakang | 56 |
| 3.1.2. Objektif | 56 |
| 3.1.3. Hasil Pembelajaran | 57 |
| 3.2. Pendidikan Dalam Islam Dan Rasional Gagasan Pengislaman Ilmu | 58 |
| 3.2.1. Idealisme Dan Jangka Hasil Pendidikan Kepada Pelajar | 58 |
| 3.2.2. Sejarah Pendidikan Moden Dan Kosmologi Ilmu Yang Dualistik | 60 |
| 3.2.3. Masalah-masalah Dan Implikasi Dari Pendidikan Moden / Barat | 62 |
| 3.3. Rasional Pengislaman Ilmu Di Malaysia | 64 |
| 3.4. Pendekatan Dan Strategi Pengislaman Ilmu | 68 |
| 3.5. Sejarah Idea Dan Perkembangan Gagasan Pengislaman Ilmu | 72 |
| 3.5.1. Idea Dan Perkembangan Gagasan | 72 |
| 3.5.2. Konsep Dan Kerangka Pengislaman Ilmu | 75 |
| 3.6. Perakuan Dan Strategi Pengislaman Ilmu | 79 |
| 3.6.1. Pendekatan Agenda Islamisasi | 79 |
| 3.6.2. Kritikan Dan Respons | 82 |
| 3.6.3. Sikap Modul Ini | 83 |
| 3.7. Hasil Jangkaan Gagasan - Ciri-ciri Ilmu dan Tradisinya | 86 |
| 3.8. Cabaran-cabaran Kependidikan Terhadap Gagasan Pengislaman Ilmu | 90 |
| 3.9. Contoh-contoh Soalan Untuk Bengkel | 95 |

| | |
|--|------------|
| Bab 4 : Modul 3A (Aqidah, Akhlak Dan Adab) | 97 |
| 4.1. Kosmologi Modul | 98 |
| 4.1.1. Rasional | 98 |
| 4.1.2. Objektif | 99 |
| 4.1.3. Hasil Pembelajaran | 99 |
| 4.1.4. Pendekatan | 100 |
| 4.2. Pendahuluan | 101 |
| 4.3. Akidah Dalam Kandungan al-Fatihah, Surah al-Ikhlas Dan Ayat Kursi | 106 |
| 4.3.1. Akidah Dalam Kandungan Surah al-Fatihah | 106 |
| 4.3.2. Akidah Dalam Kandungan Surah al-Ikhlas | 112 |
| 4.3.3. Akidah Dalam Kandungan Ayat al-Kursi | 114 |
| 4.3.4. Kesan Akidah Kepada Adab Guru | 115 |
| 4.4. Akhlak Dalam Pendidikan | 119 |
| 4.4.1. Pendahuluan | 119 |
| 4.4.2. Konsep Dan Definisi | 119 |
| 4.4.3. Asas-Asas Akhlak Dalam Islam | 121 |
| 4.4.4. Akhlak Fitriyah Manusia | 123 |
| 4.5. Adab Dan Etika Perguruan | 125 |
| 4.5.1. Pendahuluan | 125 |
| 4.5.2. Akhlak Kasbiyyah : Akhlak Rasulullah SAW | 126 |
| 4.5.3. Akhlak Mukmin Dan Akhlak Munafik | 129 |
| 4.6. Akhlak / Adab Guru Menurut al-Ghazali | 132 |
| 4.7. Contoh-contoh Soalan Untuk Perbengkelan | 135 |
| Bab 5 : Kesimpulan & Rumusan | 137 |
| 5.1. Skop Tanggungjawab Profesionalisme Keguruan | 138 |
| 5.2. Tanggungjawab Dan Sikap | 139 |
| 5.3. Rumusan | 148 |

| | |
|---|------------|
| Lampiran | 151 |
| Lampiran 1: Ayat-ayat Tema Pendidikan Rabbani | 153 |
| Lampiran 2: Pembangunan Insan dan Pendidikan Rabbani | 155 |
| Lampiran 3: Pendidik YIK – Guru 5 Dimensi | 156 |
| Lampiran 4: Skema Kedudukan Ilmu Islam | 160 |
| Lampiran 5: Petikan Dari Laporan Jawatankuasa Pendidikan & Masyarakat – Persidangan Mekkah 1977 | 163 |
| Lampiran 6: Gagasan Pengislaman Ilmu – Definisi, Sejarah Dan Premis Moden | 165 |
| Lampiran 7: Konotasi Maksud Islamisasi Dan Dewesternisasi al-Attas, al-Faruqi Dan Sardar | 175 |
| Lampiran 8: Terjemahan Fadhilat al-Ta'lim (فضيلة التعليم - Keutamaan Mengajar) – Petikan Kitab <i>Ihya Ulumiddin</i> | 177 |
| Lampiran 9: Penjelasan Tugas-tugas Guru Mursyid Mu'allim (وظائف المرشد المعلم) Petikan daripada kitab <i>Ihya Ulumiddin</i> | 192 |
| Rujukan | 207 |



Kerajaan Kelantan telah memperkenalkan dasar “Membangun Bersama Islam” (MBI) melalui sebuah dokumen sejak 2005. Kemudiannya dikemaskini pada 2015 dalam bentuk sebuah buku kecil. Tiap perkataan itu telah diberi definisi secara khusus dengan latar belakangnya. Kandungan buku dasar itu mempunyai kerangka isi seperti di bawah.

**Dokumen Membangun Bersama Islam
Satu Pemahaman - 2015
Oleh JAHEAIK (Buku Kecil)**

| Bab / Bahagian | Perkara | Perkara & Ringkasan Isi |
|--------------------|----------------------|--|
| I. Asas & Halatuju | 1. Pengenalan | Rujukan kepada beberapa firman Allah SWT dan Hadis Rasulullah SAW sebagai rujukan dan latar belakang dasar. |
| | 2. Asas-asas | Menghuraikan latar belakang sebab-sebab dasar ini diadakan, iaitu untuk membentuk satu panduan baru bagi umat Islam, khususnya rakyat Kelantan dalam membina tamadun baru dan pembangunan yang menepati acuan Islam. |
| | 3. Tujuan / Objektif | Menghuraikan lima tujuan Dasar MBI secara ringkas dalam konteks kedudukan dan peranan untuk Kelantan membentuk pembangunan. |

| | | |
|---------------------------|--|---|
| II. Landasan dan Takrifan | 4. Landasan | Menghuraikan dua landasan atau rasional Dasar MBI iaitu yang bersifat (1) sejarah, dan (2) 'keyakinan'. |
| | 5. Takrifan | Menghuraikan pengertian dan kaitan-kaitan tiga istilah penting, i.e. 'Membangun', 'Bersama', dan 'Islam', dalam bentuk huraian kontekstual. |
| III. Teras | 6. Teras : Ubudiyah Masuliyah Itqan | Menghuraikan tiga teras atau tonggak (i.e. UMI) dengan tiap satunya dihubungkan dengan ayat-ayat al-Quran serta Hadis-hadis Rasulullah SAW sebagai peneguhan berterusan. |

Dalam bahagian II-5 buku kecil ini dihuraikan secara ringkas maksud perkataan-perkataan MBI. Secara langsung ia membawa maksud; (petikan)

Membangun

Konsep yang merujuk kepada kreativiti responsif manusia dalam memenuhi naluri kehidupannya yang berbagai-bagai (dalaman dan luaran), bergerak dan maju (progres) serta berkembang mengikut sistem dan cara-cara yang standard.

Bersama

Konsep yang merujuk kepada keadaan bersekali dengan Islam sebagai dasar dan parameter atau kayuukur, di mana agama menjadi asas kepada pembangunan rohani, jasmani dan akal dalam segala segi secara seimbang dan sepadu.

Islam

Sebagai ad-Din (cara hidup) yang lengkap (akidah, syariat dan akhlak) melalui ajaran al-Quran, Sunnah, Ijmak dan Qiyas yang dilaksanakannya secara praktis oleh Rasulullah SAW, para sahabat dan tabiin.

Dasar ini didokong oleh 3 falsafah yang berupa tonggak atau teras iaitu *'Ubdiyyah*, *Mas'uliyah* dan *Itqan*. Ketiga-tiga perkataan falsafah itu diperincikan maksudnya dengan petikan berikut:

'Ubdiyyah

Manusia sebagai hamba Allah SWT yang diciptakan semata-mata untuk beribadat kepadaNya. Ia memberi signifikan dari sudut sifat diri, tujuan hidup dan juga cara menjalani kehidupan yang lahir dari pancaran iman dan akidah yang jelas.

Mas'uliyah

Kebertanggungjawaban (akauntabiliti), iaitu segala kerja (tanggungjawab) yang dilakukan di dunia ini akan dipersoalkan oleh Allah SWT di hari pengadilan kelak. Suatu proses khilafah yang memikul amanah bagi memakmurkan bumi Allah SWT melalui amalan yang berlandaskan syariat.

Itqan

Kualiti kerja yang boleh diterjemahkan sebagai ketekunan, komitmen dan kesungguhan kerja, membentuk peribadi yang berakhlak dan bermoral serta modal insan yang cemerlang dalam melaksanakan tugas.

Pihak portfolio Pembangunan Insan, Pendidikan dan Pengajian Tinggi Kelantan telah menggarap dasar (MBI) dan falsafah ini (UMI) ke dalam sektor pendidikan khususnya dengan mengadakan dua komponen tambahan iaitu agenda Pengislaman Ilmu dan sistem nilai 3A (Akidah, Akhlak dan Adab (etika)). Falsafah tanpa agenda atau program tindakan akan menjadi kosong. Begitu juga agenda tanpa falsafah akan bersifat buta. Sementara 3A adalah piawaian nilai secara dalaman (akidah), luaran (akhlak) dan aplikasi kontekstual atau amali (adab) iaitu etika kerja.

Tiga terma falsafah iaitu UMI adalah tonggak atau teras kepada MBI. Dengan itu dasar MBI bukan sahaja slogan dan ketandaan (symbolism), tetapi dipersadakan melalui tiga kebijaksanaan aplikasi iaitu 'Ubudiyah (kehambaan diri kepada Tuhan), Mas'uliyah (akauntabiliti kepada Tuhan juga manusia dan alam), serta *Itqan* (kualiti dan fokus kerja). *Mas'uliyah* bukan sahaja secara sosial kepada sektor-sektor perkhidmatannya, tetapi juga persoalan-persoalan di akhirat yang mempunyai implikasi hukuman dan anugerah (*punishment & reward*).

Pengurusan yang berorientasi kepada tujuan adalah kaedah dan budaya hidup Islam. Dengan itu modul MBI dalam Profesionalisme Keguruan dicipta sebegitu rupa untuk membina keupayaan guru dalam memahami asas-asas keperluan kepada usaha Membangun Bersama Islam (MBI) dalam pendidikan melalui beberapa aspek falsafah bagi guru sebagai pendidik. Mereka hendaklah berfalsafah atau berkepercayaan secara doktrin akan kaitan kerjaya dengan sifat 'ubudiyah. Mereka akan menterjemahkan sifat khalifah dalam pendidikan di mana akan menjadikan diri sebagai "Khalifah Pendidikan Rabbani". Mereka juga seharusnya percaya secara penuh keimanan akan implikasi dan konsekuen kerjaya itu bagi kehidupan akhirat melalui penunaian tugas secara pertanggungjawaban di dunia. Malah mereka juga sepatutnya percaya kepada nilai ketekunan sebagai nilai khalifah diri mereka. Ketiadaan sifat *itqan* akan menafikan kedudukan status keesahan 'ubudiyah dan mas'uliyah

Dalam konteks lain, perspektif UMI boleh dilihat berkorelasi dengan kandungan Islam seperti rajah di bawah;

| Aspek | Kandungan Islam | Kandungan UMI |
|-------|--------------------------------|---|
| 1 | Akidah (pegangan) | 'Ubudiyah (kehambaan kepada Allah SWT) |
| 2 | Syariah (aturan) | Mas'uliyah (bentuk tanggungjawab) |
| 3 | Akhlak (nilai yang dipakai) | Itqan (sifat & nilai amalan) |

Dengan itu boleh dipersepsikan kaitan UMI sebagai aplikasi kepada Islam dalam konteks kerjaya seseorang, termasuk kerjaya keguruan. Akidah seseorang guru misalnya adalah seperti yang dituntut iaitu kepercayaan kepada Allah SWT dan segala suruhanNya. Dalam konteks seorang guru, kehambaan diri kepada Allah SWT sebagai rasional menjadi guru adalah dalam usahanya untuk pengabdian kepada Allah SWT melalui sektor berkenaan. Pertanggungjawabannya dipandu dan dipantau oleh syariah. Sistem nilai dalam kerjayanya adalah manifestasi akhlaknya sebagai seorang Islam.

Secara khusus *MBI Dalam Profesionalisme Keguruan* mempunyai objektif yang digariskan oleh perkara-perkara tertentu. Butiran berikut adalah sebagai rujukan persoalan-persoalan berkaitan :

1. Sebagai murabbi dalam kelas pengajaran atau proses PdP, seorang guru akan dapat membuat perancangan pengajaran dengan mempunyai unsur-unsur berteraskan dasar MBI.
2. Kemudian melaksanakan PdP berdasarkan MBI dengan secara segar dan berprinsip sebagai satu proses pendidikan rabbani, serta menaksirkan prestasi tersebut untuk rujukan bagi usaha-usaha penambahbaikan.
3. Di samping itu seorang guru juga sepatutnya dapat menampilkan budaya MBI dalam kehidupan seharian mereka sebagai model di luar bilik darjah.
4. Seterusnya guru dapat merealisasikan misi ukhrawinya iaitu mempunyai jati diri bagi kehidupan abadi yang baik hasil dari kerjaya sedemikian.
5. Dalam aspek kewarganegaraan dan rakyat negeri ini, guru dapat bersama mendokong dasar MBI negeri ini melalui kerjaya mereka dengan agenda Pengislaman Ilmu (PI) juga aplikasi sistem nilai 3A yang dimaksudkan.

Secara ringkas sebagai hasil pembelajaran. Seorang peserta yang mengalami modul ini dijangka akan dapat:

1. Menjelas dan merancang MBI negeri sebagai dasar dan falsafah pendidikan.
2. Mengintegrasikan MBI dalam tugas dan tanggungjawab profesyen guru.
3. Membuat penilaian dan taksiran pelaksanaan MBI dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di bilik darjah.
4. Memanifestasikan penghayatan ukhrawi dalam watak kehidupan mereka.

Modul ini mempunyai 3 komponen iaitu:

1. Komponen 'Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI)
2. Komponen Pengislaman Ilmu (PI)
3. Komponen Akidah, Akhlak dan Adab / Etika (3A)

Di samping itu, dua dari mana-mana kuliah maghrib dan subuh akan digunakan untuk penjelasan ayat-ayat tema guru yang merujuk kepada tema Khalifah Pendidikan Rabbani. Sementara strategi pelaksanaan modul pula lebih bersifat perbincangan pengukuhan dalam aplikasi keguruan seseorang guru terhadap kerjayanya. Maka beberapa pendekatan berikut menjadi orientasi modul:

1. Mengaitkan tanggungjawab keguruan dengan dasar MBI dan falsafah UMI sebagai aspek doktrin tugas guru.
2. Mengaitkan tanggungjawab keguruan dengan agenda Pengislaman Ilmu (PI) dan 3A (Akidah, Akhlak dan Adab) sebagai sistem nilai dan tatacara profesionalisme guru.

3. Penglibatan peserta membuat sumbang saran idea-idea kreatif untuk pengukuhan, melalui perbincangan kumpulan dan pembentangan.
4. Penulisan refleksi (ujian terbuka), bertujuan untuk penilaian atau ukuran pencapaian hasil pembelajaran. Ia dimasukkan dalam markah untuk tujuan hasil gred (40%).
5. Memasukkan ayat-ayat al-Quran sebagai ayat tema profesionalime guru melalui kuliah-kuliah Subuh atau perbincangan khas.

1.4

Gred Kelulusan Peserta

Modul ini akan diberi penilaian berterusan oleh para fasilitator (60%) untuk tujuan pengredan bersama markah ujian (40%) di atas, dengan markah lulus 50%.



BAB 2



UMI DALAM PROFESIONALISME KEGURUAN



2.1.1. Latar Belakang

Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) bertonggak atau berteras kepada falsafah 'Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI). Dengan itu UMI mestilah difahami secara kontekstual kepada pendidikan oleh semua warga pendidik dan memerlukan satu kefahaman kritis terhadap falsafah kerjaya semasa. Pendidikan yang diwarisi dari penjajahan di negara ini masih berfalsafah kebaratan, walaupun telah mendapat anjakan-anjakan tertentu.

Komponen pertama modul ini iaitu UMI di dalam profesionalisme keguruan akan memberikan konsep dan falsafah orientasi pendidikan yang serasi dengan Islam. Ia akan memandu guru mempunyai misi dan visi yang selari dengan Islam sebagai sebuah cara hidup. Nilai-nilai yang dianjurkan oleh agama akan menjadi positif kepada kerjaya guru dan membantu mereka menduduki tingkat yang lebih mulia sebagaimana kemuliaan profesyen itu sendiri dalam Islam. (sila lihat *Lampiran 8*).

2.1.2. Objektif

Komponen pertama ini bertujuan:

1. Memahamkan peserta akan kedudukan UMI dalam pendidikan khususnya di YIK serta asas-asas penting bagi merealisasikan falsafah ini dapat berfungsi dengan baik.
2. Menjadikan para guru dapat menilai dengan kritis tentang falsafah kerja guru (i.e. Profesionalisme keguruan) bagi membentuk satu tindakan alternatif yang lebih kukuh dan menyelamatkan pendidikan dari terperangkap dengan orientasi kebaratan.
3. Menentukan para pendidik dapat mengaplikasi UMI dalam pendidikan dengan rujukannya kepada ajaran-ajaran Islam termasuk menghubungkan dasar-dasar asas Islam seperti rukun Iman dan rukun Islam kepada kerjaya tersebut.

2.1.3. Hasil Pembelajaran

Dari latarbelakang dan objektif di atas, maka selepas para peserta menjalani komponen ini, mereka akan dapat:

1. Faham akan kedudukan UMI dalam pendidikan khususnya di YIK serta asas-asas penting bagi merealisasikan falsafah ini dalam kerjaya mereka.
2. Menilai dengan kritis tentang falsafah kerja guru (i.e. Profesionalisme keguruan) semasa dan melihat keperluan alternatifnya melalui UMI.
3. Mengaplikasi UMI dalam pendidikan dengan rujukan kepada ajaran-ajaran Islam termasuk menghubungkan dasar-dasar asas Islam seperti rukun Iman dan rukun Islam kepada kerjaya tersebut.

Seperti yang dijelaskan dalam Bab 1, UMI adalah tonggak atau teras kepada dasar MBI dalam konteks falsafahnya. Ini memberi makna bahawa UMI membentuk satu pegangan atau kepercayaan seseorang dari segi niat dan dasar kerjayanya sebagai '*kerana Allah*', dengan pertanggungjawaban akhir kepadaNya serta dilaksanakan dengan penuh berkualiti atau tekun (fokus).

Konotasi atau konsep dan pengertian UMI dalam konteks ini boleh dilihat dari huraian berikut dalam kaitan dengan kedudukan manusia sebagai hamba Allah SWT yang diciptakan semata-mata untuk beribadah kepadaNya :

2.2.1. 'Ubudiyyah (aspek akidah)

Perkataan 'ubudiyyah' adalah berkaitan pada asal dengan perkataan 'abd' yang bermaksud hamba. Lumrah sifat seorang hamba adalah bergantung dan bernasib kepada ketentuan-ketentuan tuannya. Dalam konteks ini manusia adalah berkedudukan sebagai 'hamba' Allah SWT dalam maksud yang luas dan berstrategik kepada alam tinggi di mana mereka berasal. Kehadiran manusia di muka bumi ini dengan hikmah Allah SWT mempunyai visi sebagai khalifah bagi pemakmuran muka bumi. Mereka akan kembali ke negara asal mereka iaitu syurga jika menepati ujian-ujian Allah SWT di sini.

Dengan itu 'ubudiyah merujuk kepada kedudukan manusia sebagai hamba Allah SWT yang diciptakan semata-mata untuk beribadah kepadaNya. Tujuan akhir ialah untuk kembali kepada Allah SWT dan menerima keredhaanNya.

2.2.2. Mas'uliyah (aspek syariat)

Perkataan mas'uliyah berakar kata dari 'saala' (soal) dan dengan itu ia dikaitkan dengan persoalan-persoalan Allah SWT terhadap tugas manusia sebagai khalifah. Secara keduniaan atau tugas kemanusiaan dan alam, manusia bertanggungjawab kepada manusia lain seperti pemerintah atau orang-orang berkuasa. Tanggungjawab berkenaan bukan sahaja di alam fana ini, malah di akhirat di mana terdapat konsekuensi dan implikasi keakhiratan yang bersifat realistik dan benar. Pertanggungjawaban ini adalah maruah manusia. Tanpa pertanggungjawaban, digniti manusia akan hancur dan menarafi binatang yang bersifat bebas nilai.

Dengan itu, mas'uliyah boleh dilihat sebagai akauntabiliti yang merujuk kepada sifat kerja seseorang yang dikaitkan dengan kedudukan Allah SWT sebagai pemberi tanggungjawab. Inilah hubungan aplikatif manusia dan Tuhan di samping hubungan kehadiran diri sebagai ciptaanNya.

2.2.3. Itqan (aspek akhlak / kualiti)

Kekhalifahan manusia memerlukan tanggungjawab dilaksanakan dengan betul, benar dan menepati piawaian Tuhan Pencipta. Ia menjadi prasyarat atau aspek indikator tentang 'ubudiyah dan mas'uliyah seseorang. Itqan juga adalah manifestasi ketaatan, kecintaan, dan kebergantungan manusia kepada Allah SWT yang bersifat penuh sempurna seperti dalam nama-nama Allah yang indah (*Asma' ul husna*). Sebagaimana Allah SWT meng'*itqan*'kan penciptaan segala sesuatu olehNya, maka sebagai makhluk yang mencintai Allah SWT seharusnya ber'*itqan*' dalam kerjayanya. Itqan juga adalah tanda syukur manusia di atas keupayaan yang diberi Allah SWT dengan tidak membazirkan keupayaan tersebut.

Dengan itu itqan adalah merujuk kepada kualiti kerja yang boleh diterjemahkan sebagai **ketekunan, komitmen, kesungguhan, fokus, penumpuan dan semua sifat-sifat konstruktif kepada kejayaan maksimum.**

Falsafah pendidikan YIK dirakamkan dengan ayat seperti berikut;

“Melahirkan Muslim yang beriman, berakhlak mulia, berilmu pengetahuan, beramal soleh dan layak berkhidmat untuk membangun keluarga, masyarakat, negara dan ummah.”

Intisari personaliti dari matlamat ini adalah sifat manusia yang dianggap seimbang, sepadu dan rabbani. Sudah tentulah matlamat ini amat mulia dan semestinya bermekanisma kepada sistem dan pelaksanaan pendidikan yang betul. Perkataan-perkataan kunci dalam matlamat itu ialah; **beriman, berakhlak, berilmu** dan **beramal**. Unsur-unsur inilah yang memberi potensi untuk menjadi ejen pembangunan. Walau bagaimana pun semua unsur-unsur itu bertitik tolak dari kaitannya dengan Allah SWT sebagai ilah (Uluhiyah) dan Rab (Rububiyah).

Sementara matlamat pendidikan YIK pula dimatrikkan sebagai satu kepercayaan atau pegangan bahawa (petikan) ;

Pendidikan Islam sebagaimana yang diterangkan dalam istilah **tarbiyah, ta'lim, ta'dib, irsyad** dan **tadris** adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu Muslim sebagai hamba Allah dan khalifahNya di bumi secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan

yang seimbang dari segi rohani, aqliah, emosi dan jasmani berdasarkan ajaran Islam.

Pernyataan ini bukan sahaja menggambarkan orientasi pendidikan yang menjadi kepercayaan warga YIK iaitu lima terma berkenaan (i.e. *tarbiyah, ta'lim, ta'dib, irsyad dan tadris* – sila lihat **lampiran 3**), tetapi juga tujuan yang berlaku kepada seseorang yang ditarbiyahkannya. Jika dikaitkan dengan konsep 'hamba' dan 'khalifah' yang disebut dalam falsafah tersebut, ternyata hubungan ketuhanan (i.e. *Rabbani*) adalah ciri penting insan tersebut. Berbagai-bagai istilah digunakan untuk menyimpulkan bentuk manusia tersebut seperti *insan kamil, mukmin muslih, muslim muttaqin* dan sebagainya. Jauh terke bawah malah tersasar ialah istilah-istilah graduan mahir, warga negara yang baik atau modal insan. Status optimum dalam hal ini ialah insan Rabbani seperti mana yang disebut oleh Allah SWT sendiri di dalam firmanNya bermaksud;

“Tiada patut bagi seseorang manusia yang diberikan kepadanya oleh Allah akan al-Kitab dan Hikmah dan pangkat kenabian (untuk) mengatakan: hendaklah kamu menjadi hamba padaku, bukan hamba Allah, tetapi (sebenarnya) hendaklah kamu menjadi orang 'rabbaniyiin' dengan apa yang kamu ajarkan juga yang kamu belajar (dari kitab itu).”

(al-An'am (3):769)

Kegelinciran dari paradigma atau landasan ini akan memungkinkan keterlibatan manusia dengan unsur-unsur syirik seperti penegasan ayat tersebut. Dengan sebab itu, walau apa pun bentuk kenyataan falsafah tersebut, aspek penting ialah aplikasinya dalam profesyen keguruan oleh para guru. Bagi memenuhi ciri-ciri *rabbaniyin* ini dalam perlakuan profesyen

keguruan, paling kurang setiap guru mestilah memastikan usaha melaksanakan empat unsur dalam pengajarannya seperti firman Allah SWT bermaksud;

*“(Berdoa oleh Ibrahim & Ismail) ...wahai Tuhan kami utuskanlah kepada mereka seorang Rasul yang akan membacakan ke atas mereka **ayat-ayat engkau** dan **mengajar mereka akan al-kitab** serta **hikmah (hadis)** dan **mensucikan** mereka. Sesungguhnya Engkau Maha Agung dan Maha Bijaksana.”*

(al-Baqarah (2): 129)

* rujuk juga: (Ali-‘Imran (3): 164) dan (al-Jumuat (62):2)

Dalam konteks seorang guru YIK kertas ini mencadangkan pembentukan falsafah dan visi seorang guru diterjemahkan dalam objektif pelan pengajaran (*lesson plan*). Di samping tujuan jangka pendek dan jangka panjang, yang masih berorientasikan keduniaan, seharusnya dicatit juga tujuan jangka ‘abadi’ sebagai hasil akhir sesuatu tujuan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Dalam erti kata lain, selain dari berkerjaya, berkhidmat kepada keluarga dan negara, serta lain-lain, tidak harus dialpa tentang tujuan untuk mendapat keredhaan Allah SWT dan balasan syurgaNya. Justeru diri insan itu tentunya akan bergelar ‘*an-Nafsu al- Mutmainnah*’.

Nota: Untuk melihat ayat-ayat tema pendidikan Rabbani – sila lihat lampiran 1.

2.3

Empat Asas Penting

Sebagai asas dan prasyarat kepada gagasan UMI bagi profesionalisme keguruan ini, modul ini mencadangkan **empat perkara penting** dari segi pegangan strategik oleh seseorang guru atau institusi pendidikan yang mengendalikannya. Empat perkara tersebut ialah:

2.3.1. Doktrin hidup Islam dalam kerjaya

Sabda Rasulullah SAW bermaksud ; ‘*Dibina Islam di atas lima perkara iaitu ...!*’ (hingga akhir hadis¹). Lima perkara di sini ialah rukun Islam yang lima. Sementara rukun iman ialah asas akidah kepada lima rukun Islam tersebut. Ia menggambarkan kedudukan Islam dan kerjaya seseorang.

Aspek strategik dalam hal ini ialah bagaimana sektor pendidikan yang juga sebagai satu agenda Islam mesti terbina di atas lima asas tersebut. Syarat penting ini bermaksud bahawa pendidikan itu mestilah merujuk atau berdasarkan agama iaitu Islam. Ini bermaksud juga bahawa pendidikan itulah sebenarnya makna kepada Islam, sementara rukun-rukun Islam adalah asas-asas (*foundations*) untuk menjadikan pendidikan bersifat sebagai aspek keislaman seseorang atau bersifat ibadah.

¹ Dari Abu Abdirrahman Abdullah bin ‘Umar bin Khaththab Radhiyallahu ‘Anhuma, ia berkata: aku mendengar Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi wa Sallam bersabda, “Islam dibangun di atas lima teras: 1. Syahadat *lâ ilâha illâllâh dan muhammadur rasûlûllâh*, 2. Menegakkan shalat, 3. Menunalkan zakat, 4. Haji ke Baitullah, dan 5. Puasa Ramadhan.” (HR. Al-Bukhari no. 8 dan Muslim no. 16). Hadis ketiga dalam teks Hadis 40 oleh Imam Nawawi r.a.

2.3.2. Interaksi dua dimensi hidup

Seperti yang difahami kini bahawa Islam adalah cara hidup (al-Diin) bukan agama semata-mata. Dengan itu seseorang Muslim termasuk para bijak pandai malah para pendidik mestilah mempunyai dua dimensi hidup yang berinteraksi secara utuh. Dimensi menegak (*vertical*) dilambangkan oleh peristiwa mikraj Rasulullah SAW. Ia dikomponenkan oleh perkara-perkara *ritual* atau ibadat khusus. Pendidikan pula mewakili dimensi mendatar (*horizontal*) yang membawa manusia menjadi beribadat berbekalkan dimensi yang pertama.

Dua dimensi ini mesti berpaksi dan saling kukuh memperkukuh. Ibadat sembahyang misalnya membentuk keutuhan dalam pendidikan di mana sembahyang menjadi alat kawalan tingkah laku dan pemantauan dari unsur-unsur mungkar dan maksiat dalam pendidikan atau kerjaya. Jika berlaku pemisahan di mana kedua-duanya wujud tetapi dalam dikotomi yang memperasingkan antara kedua-duanya, maka ia tidak menjamin kelistarian falsafah hidup. Ini akhirnya akan mencacamarbakkan tindakan-tindakan hidup seseorang manusia.

2.3.3. Daulah Islamiah dan Pendidikan

Syarat penting bagi gagasan ini seperti yang disebut sebelum ini ialah sokongan politik sebagai sektor paling menentukan (*decessive*). Dengan itu gagasan sedemikian, malah gagasan-gagasan lain pun semestinya dalam kerangka kerajaan Islam. Hal ini dapat difahami dengan mudah jika dirujuk kepada sejarah kegemilangan ilmu Islam yang mana berlangsung dengan baik dalam zaman kekuasaan politik Islam dalam sejarah. Naungan kuasa politik malah penglibatan istana atau pemerintah memberi kekuatan kelangsungan gagasan ini sebagaimana yang berlaku di zaman kerajaan Abbasiyah dan lain-lain.

Jika gagasan ini dibawa dalam politik dan pemerintahan yang tidak bersifat Islam, ia tidak menjamin hayat gagasan berlangsung dengan genuin dan menjangkau masa yang lama. Hal ini dapat dilihat dalam perkembangan ilmu Islam di Eropah yang akhirnya ilmu menjadi sekular dan konvensional dengan kejatuhan kerajaan Umayyah di Sepanyol. Ilmu dikembangkan secara dikotomik dari agama. Malah zaman gelap Eropah (*The dark age of Europe*) kembali dalam bentuk zaman Renaissance yang hitam menyaksikan pertentangan gereja dan institusi sains. Sejarah Malaysia moden juga menyaksikan fenomena ini seperti yang diterangkan dalam faktor-faktor kelembapan gagasan Pengislaman Ilmu (PI) sekarang di Malaysia.

2.3.4. Hubungan kegiatan pendidikan dengan tugas dakwah dan jihad

Gagasan pendidikan rabbani akan mencetuskan ruang dakwah dan jihad bagi penggiat gagasan ini untuk terlaksananya dua tugas tersebut secara serentak malah sepadu. Gagasan pengislaman ilmu akan mengajak manusia memperakui kebesaran Ilahi dan akhirnya membuahkkan fenomena dakwah yang hebat. Kerja-kerja pendidikan yang bersifat rabbani dengan agenda pengislaman ilmu akan menjadi jihad para penggiatnya. Hasil langsung dari gagasan sedemikian ialah sektor pendidikan akan terselamat dari sebarang salah laku profesional terutama dalam aspek etika dan moral para pendidik.

Jika gagasan ini tidak dilihat dari dua perspektif tadi (dakwah dan jihad), kemungkinan gagasan malah kerjaya mengajar itu menjadi beban kepada sesetengah pihak. Mereka yang merasakan jihad dan dakwah adalah sebahagian tanggungjawab agama dalam hidup mereka akan merasa tugas pendidikan di sekolah atau universiti sebagai menghalang mereka dari tugas

agama tersebut. Sedangkan tugas berat yang dipikul dalam melaksanakan gagasan pendidikan sebegini juga merupakan tugas jihad. Malah tugas jihad itu sendiri akan terlaksana secara profesional dan hasilnya bersifat maksimum melalui sektor pendidikan yang mempunyai gagasan Pengislaman Ilmu ini.

2.4. Aplikasi UMI Dalam Pendidikan

2.4.1. Isu Dan Rasional

Pendidikan kini masih terperangkap dengan budaya Barat dan ditambah pula dengan perspektif serong dan naif sesetengah orang Islam tentang profesyen perguruan. Berbagai fenomena tidak profesional boleh dilihat dan masih mempengaruhi prestasi sesetengah guru. Antara yang boleh diamati, beberapa perkara berikut adalah di antara fenomena yang masih wujud;

- [1] Sesetengah pihak hatta masyarakat pendidik sendiri tidak menyedari falsafah pendidikan samada falsafah pendidikan negara, falsafah pendidikan dalam Islam hatta falsafah dan visi serta misi sekolahnya sendiri. Hal ini berlaku bila pihak berkenaan tidak melihat kerjayanya secara strategik dan bersifat sebagai doktrin hidup. Apatah lagi jika kerjaya berkenaan bukan pilihan utamanya, hanya sekadar kebetulan ketiadaan kerja lain di mana pilihan menjadi guru adalah tanpa kerelaan sebenar.
- [2] Kajian rambang menampakkan sesetengah guru tidak bersifat proaktif terhadap kerjayanya yang mungkin berakibat dari perkara [1] di atas. Mereka

sepatutnya bersikap pro-aktif, tetapi sebaliknya hanya bersikap aktif atau responsif bila ada tuntutan atau keperluan. Jika sedemikian, mereka terjebak dengan sikap pasif bila terdapat cabaran-cabaran atau tuntutan yang sukar dihadapi.

- [3] Rasa inferioriti yang tidak menentu terhadap profesyen sendiri kerana sistem nilai masyarakat yang berubah. Subjek-subjek agama dilihat sebagai subjek pelengkap sahaja dan dengan itu pendekatan yang dibawa dalam PdP adalah tidak strategik, tidak berkait serta tidak merentas nilai subjek-subjek lain. Perbahasan subjek-subjek juga berlaku secara eksklusif dan menyendiri dalam aplikasi yang sempit. Subjek berkenaan (agama) hanya dalam perspektif untuk diri sahaja dan berasas untuk pengetahuan dan amalan sendiri semata-mata, tidak kefahaman yang integral kepada bidang hidup lain dan tidak bersifat aplikatif kepada subjek-subjek lain.
- [4] Sehubungan dengan itu, sesetengah pelaksana PdP bagi subjek-subjek keagamaan bersikap anti kemodenan dari segi alatan dan pedagogi. Sifatnya penuh sentimental dan tradisional atau klasik. Lantas PdP bagi subjek ini menjadi sesuatu yang tidak menarik atau menjemukan. Hal yang sama berlaku kepada subjek-subjek lain juga bila persepsi tentang pendidikan itu tidak menepati fakta dan hakikat sebenar kemuliaan profesyen tersebut. Sikap sambil lewa dalam kerjaya guru masih menjadi fenomena kritikal.

- [5] Sikap-sikap di atas menghasilkan proses pendidikan hanya bersifat lokal atau tempatan. Unsur-unsur nasional dan antarabangsa tidak menjadi orientasi dalam pendidikan hatta dalam PdP. Fenomena ini menjadi sesuatu yang malang kepada pelajar sedangkan mereka akhirnya akan terdedah kepada kehidupan global malah paling kurang di peringkat arena nasional. Hal ini berlaku bila kandungan subjek hanya dalam ruang lingkup ilmu subjek berkenaan sahaja, tanpa mengaitkan dengan isu-isu semasa yang sepatutnya dihurai secara menjawab atau menyelesaikan masalah (*problem solving*).
- [6] Dengan itu juga hasil pendidikan tidak maksimum. Sifat guru adalah pasif, sentimental dan tidak profesional. Sikap agresif dianggap tidak sesuai dan 'biadab'. Dalam konteks dunia terbuka seharusnya pelajar diajar bersikap kreatif dan kritis dalam batas-batas adab dan prosedur profesional. Apatah lagi jika unsur-unsur atau matlamat ukhrawi dipadankan sebagai satu nilai yang perlu mendapat ukuran pasti bagi tiap-tiap perkara yang hendak ditanam sebagai nilai dan ilmu. Komitmen dan penerimaan kerjaya guru sebagai doktrin mestilah melalui kebijaksanaan atau hikmah (*wisdom*) yang boleh dibentuk oleh kreativiti dan kritisism.
- [7] Budaya profesional juga berkait dengan persoalan kebersihan dan keceriaan landskap. Nilai penting ajaran agama ini kadang-kadang tidak dipandang

serius bila profesionalisme berada dalam persepsi yang naif. Persekitaran kelas dan sekolah misalnya tidak menepati piawaian keimanan yang bersyarat kepada kebersihan. Sifat acuh tidak acuh atau sambil lewa ini adalah amat malang jika berlaku dalam sektor pendidikan. **Kebersihan hanya di atas sejadah kecil (tikar sembahyang), tetapi tidak pada 'sejadah besar' (kampus sekolah).** Ini berlaku bila ibadat bersifat dikotomik, di mana aspek-aspek 'ritual' sahaja dianggap ibadah, sedangkan aspek '*cultural*' tidak dilihat sebagai sedemikian (ibadah).

Berbagai persoalan kenaiifan profesyen guru dibahas dari semasa ke semasa dalam dunia pendidikan. Walaupun falsafahnya ditulis sebegitu rupa, tetapi fenomena praktis menampakkan falsafah memerlukan nilai-nilai yang konkrit terutama yang merujuk kepada ajaran wahyu. Oleh yang demikian, modul ini percaya bahawa falsafah UMI adalah kandungan penting bagi menjadi jawapan penyelesaian.

2.4.2. Fungsi UMI Dalam Profesyen Guru

Secara kontekstual, '*Ubudiyah*' boleh dilihat sebagai sifat diri seseorang dan menjadi tujuan hidupnya juga. Malah matlamat akhir hidup dan profesyennya adalah berkaitan dengan nilai tersebut. '*Ubudiyah*' juga adalah sebagai dasar hidup dan hubungan diri dengan Tuhan penciptanya, dan berupa tindakan merealisasikan syahadah dan ikrarnya tentang keesaan Allah SWT. Dengan falsafah sedemikian, manusia guru akan terselamat dari unsur-unsur syirik, serta unsur-unsur sepersis dengannya seperti munafiq, zalim, dan lain-lain. Guru akan

menjadikan Allah SWT sebagai sebab segala-gala tindakannya, bukan manusia, institusi atau organisasi. Maka melalui falsafah inilah aspek tauhidiah (pengesaan Tuhan) akan terlaksana sebaiknya.

Merujuk kepada al-Quran, falsafah ini didasarkan kepada ayat 56 Surah az-Zariyat yang bermaksud; *"Dan tidak Aku jadikan jin dan manusia kecuali untuk berabdikan (ubudiyah) kepada Ku."* Ayat ini menggambarkan tujuan penciptaan manusia yang boleh dirumuskan dengan maksud 'ubudiyah. Perkataan 'liya'buduun' dalam ayat tersebut adalah dalam bentuk perbuatan 'mudhari', yang memberi maksud sekarang dan seterusnya. Ia juga dalam bentuk kata 'jama', yang bermaksud dilakukan secara kolektif dan berterusan. Malah digunakan perkataan 'illa' (kecuali) yang menampakkan tujuan hanya yang berkenaan sahaja, bukan tujuan-tujuan yang lain. Kaitan-kaitan bentuk ayat dan olahan frasa ini ditekankan adalah untuk menampakkan betapa 'ubudiyah adalah satu terma yang sarat dengan implikasi-implikasi dan konsekuen tertentu. Dengan itu, terma ini bukan sekadar maklumat, malah sepatutnya menjadi satu pegangan atau doktrin.

Manakala **Mas'uliyah** pula sebagai falsafah kepada pertanggungjawaban (akauntabiliti) seseorang guru dalam konteks implikasi dan konsekuen tanggungjawab tersebut kepada dirinya. Pertanggungjawaban adalah satu aset bukan liabiliti. Dengan itu pertanggungjawaban terakhir ialah kepada Allah SWT secara menegak (*vertical*) di mana ia dilaksanakan melalui petanggungjawaban horizontal dengan manusia dan alam. Dengan menjadi guru, pertanggungjawaban yang dilaksanakan menghasilkan peninggalan aset di dunia yang berupa ilmu dan anak-anak didikan yang soleh untuk mencapai hasil bersifat ukhrawi. Ini adalah sebagaimana

penjelasan Rasulullah SAW². Dalam konteks kemanusiaan, pertanggungjawaban memberi nilai tambah kepada maruah dan keuntungan-keuntungan duniawi. Jika pertanggungjawaban gagal bersifat sedemikian, maka hasil duniawi akan terlepas dan hasil ukhrawi juga akan bersifat negatif.

Al-Quran menyebut dalam surah al-Baqarah ayat 30 - 33³ tentang bentuk kerja yang akan dilakukan oleh manusia. Ayat-ayat itu memberi signifikan dari segi bentuk kerja manusia yang disifatkan sebagai khalifah melebihi dari kerja-kerja atau tanggungjawab Malaikat. Dalam hal ini, Adam AS telah dijelaskan kerja-kerja tersebut dan diakuri oleh para Malaikat setelah Adam AS memberitahu perkara tersebut dengan perintah Allah SWT. Di sini Adam AS menjadi 'guru' kepada Malaikat hingga para Malaikat kemudiannya mengakuri untuk 'bersujud' kepada Adam AS. Dengan itu kemuliaan manusia terutama

¹ *"Apabila seseorang anak Adam meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: shadaqah jaariyah, atau ilmu yang bermanfaat, atau anak shaalih yang mendoakannya."* (Riwayat Muslim dalam Shahih-nya no. 1631, Ahmad 2/372, At-Tirmidziy no. 1376, Al-Bukhaariy dalam Al-Adabul Mufrad no. 38, dan lain-lain.)

² Surah al-Baqarah (30-31) :

[30. Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; *"Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi"*. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): *"Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?"*. Tuhan berfirman: *"Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya"*.

31. Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Ia berfirman: *"Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar"*.

32. Malaikat itu menjawab: *"Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana"*.

33. Allah berfirman: *"Wahai Adam! Terangkanlah nama benda-benda ini semua kepada mereka"*. Maka setelah Nabi Adam menerangkan nama benda-benda itu kepada mereka, Allah berfirman: *"Bukankah Aku telah katakan kepada kamu, bahawasanya Aku mengetahui segala rahsia langit dan bumi, dan Aku mengetahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembunyikan?"*]

mereka yang menjadi guru adalah melebihi para Malaikat bila manusia menunaikan tugas khalifah melalui pendidikan. Sementara itu pula para Malaikat membantu manusia dengan berbagai dimensi bagi tujuan pelaksanaan tugas Khalifah yang ditentukan oleh Rab (Tuhan). Justeru Guru adalah **khalifah pendidikan** yang bersifat *rabbani*.

Sementara itu, **Itqan** adalah nilaitara atau kayu ukur bagi perlakuan atau prestasi seseorang. Seorang guru diminta bersifat itqan iaitu tekun dan fokus bila bermatlamat kepada kerjaya yang berkualiti. Sifat ini disukai oleh Islam sebagaimana Rasulullah SAW mengingatkan perkara ini di sisi Allah SWT. Dengan kerja keguruan sedemikianlah juga seseorang guru akan mendapat kesayangan Allah SWT. Dengan itu **itqan** adalah strategi keagamaan yang dapat dilaksanakan dalam profesyen seharian seseorang guru. Itqan menuntut sifat berkomitmen, fokus dan berterusan serta daya usaha mengatasi piawaian biasa. Ia menuntut keluarbiasaan sebagaimana keluarbiasaan prestasi Rasulullah SAW dan para sahabat serta cendekiawan Islam dalam sejarah pendidikan Islam.

Hadis Rasulullah SAW dalam kaitan dengan hal ini ialah yang bermaksud; "*Sesungguhnya Allah suka apabila bekerja oleh seseorang akan satu amalan, maka ia menekuninya*"⁴. Ketekunan memberi maksud yang strategik termasuk apa yang disebutkan sekarang sebagai berfokus, berpengkhususan, (*specialised*) atau profesional. Di antara ciri itqan juga adalah melakukan muhasabah sebagaimana yang dituntut oleh Rasulullah SAW. Tindakan ini akan menghasilkan proses penilaian juga apa yang disebut sebagai analisis 'SWOT' atau *post mortem*. Hasil

⁴Imam al-Thabarani di dalam al-Mu'jam al-Awsath no. 897, dan Imam al-Baihaqi di dalam Syu'ab al-Iman tetapi dengan sanad yang berbeza, no. Hadith 4929, 4930 dan 4931. (*Irsyad al-Hadis siri ke - 217, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*)

dari analisis tersebut akan pula disusuli dengan kerja-kerja penambahbaikan atau pembedahan (*remedial works*). Hakikat yang jelas ialah itqan adalah aspek akhlak Islam bagi mereka yang profesional dan ikhlas. Itqan juga adalah digniti atau kemuliaan diri.

2.4.3. Hakikat Kerja Dalam Melaksanakan Tanggungjawab

Kerja selalu dianggap sebagai beban hinggakan setengah guru menamakan tugas PdP mereka sebagai 'beban kerja', menggantikan 'workload' yang sebenarnya bermaksud 'peruntukan kerja'. Islam dihurai sebagai mempunyai komponen **akidah**, **syariat** dan **akhlak**. Syariat merujuk kepada hukum-hakam tentang sesuatu kerja dari segi nilai, status dan kewajipan melaksanakannya. Di dalam konteks akidah, syariat dan akhlak inilah terletakanya tanggungjawab mengajar atau PdP.

Tanggungjawab yang dilaksanakan mempunyai implikasi dan konsekuen kepada seseorang. Misalnya kepada nilai keimanan seseorang (An-Nisa (4): 124)⁵, di mana jika kerja dilakukan dengan keimanan yang kuat, maka dijanjikan balasan syurga untuknya. Kerja-kerja juga memungkinkan penghapusan dosa-dosa jika ada di samping membuktikan ketaatan kepada Allah SWT dan Rasul SAW yang akan memberi kejayaan besar (al-Ahzab: 33: 70-71)⁶. Malah dengan kerjaya guru juga dapat

⁵Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk Syurga, dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedikitpun. (al-Nisa' / 124)

⁶70. Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara), 71. Supaya Ia memberi taufiq dengan menjayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besar. (al-Ahzab)

melaksanakan tanggungjawab menyelamatkan manusia dari kesesatan (ath-Talaq [65]:11)⁷. Ini memberi makna bahawa kerja adalah aset bagi beberapa perkara yang berkait dengan kejadian dan hakikat hidup manusia sendiri. Mereka yang berstrategik akan mendapat keuntungan dari kerja-kerja yang diamalkan termasuk keuntungan akhirat.

Di dalam surah al-An'am [6]: 54, Allah SWT berfirman bermaksud:

"Apabila datang kepada kamu mereka yang beriman dengan ayat-ayat kami, maka katalah 'salam' (sahut). (Dengan itu) Allah tulis ke atas dirinya rahmat. Sesungguhnya sesiapa yang berbuat dari kamu sesuatu yang buruk dengan secara jahil, ia bertaubat selepas itu dan membetulkannya semula, sesungguhnya Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasihani."

Ayat ini menekankan bahawa sesiapa pun yang melakukan kesalahan di mana kemudiannya bertaubat dan selepas itu membuat 'islah', maka pengampunan Allah SWT akan menyusul. Begitulah peluang yang disediakan untuk seseorang mukmin yang menyahut atau mendokong mereka yang beriman dengan ayat-ayatNya. Lebih dari itu Allah SWT akan memberi rahmat dengan menghapuskan kesilapan-kesilapan mereka yang terdahulu. Syarat penting untuk mendapat kedudukan

⁷11. (Dengan mengutuskan) seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) yang membacakan kepada kamu ayat-ayat Allah yang menerangkan kebenaran, supaya Allah mengeluarkan orang-orang (yang sedia diketahuinya akan) beriman dan beramal soleh - dari gelap-gelita (kesesatan) kepada cahaya (hidayah petunjuk). Dan (ingatlah), sesiapa yang beriman kepada Allah dan beramal soleh, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; kekalah mereka di dalamnya selama-lamanya. Sesungguhnya Allah (dengan yang demikian) telah mengurniakan kepadanya sebaik-baik pemberian. (al-Thalaq/11)

sedemikian ialah melakukan muhasabah (penilaian) dan membuat pembaikan (islah). Dengan itu semangat pendidikan rabbani dengan kaitan kepada budaya 'iqra' dan pola-pola bahasa yang digunakan seperti penggunaan bahasa ibunda untuk pendidikan dapat dilaksanakan dengan baik (*lihat lampiran 2*)

2.4.4. Aplikasi (Pemakaian) UMI

Dalam melaksana falsafah '**ubudiyah**', beberapa konsep dan sistem yang diajar oleh Islam boleh digunakan bagi mengawal manusia dari penyelewengan kehambaan daripada Allah SWT. Antaranya ialah konsep *khilafah*, *tauhidiyah*, *syura*, *al-musawah*, *al-'adalah* dan lain-lain. Konsep ini akan menelurkan tindakan-tindakan yang meletakkan Allah SWT sebagai rujukan. Konsep *khilafah* misalnya akan menjadikan manusia tidak bertindak kecuali mengguna pakai piawaian Allah SWT kerana khalifah itu sendiri dikaitkan dengan '**Khalifah Allah di bumi**'. Dalam tugas kependidikan, manusia menunaikan perintah ayat al-Quran pertama juga ayat-ayat lain yang merujuk kepada tugas mengajar. Lantas tugas guru adalah sebagai merealisasikan kehambaan manusia kepada Allah SWT melalui tindakan sebagai khalifahNya dalam sektor pendidikan.

Tauhidiyah pula membawa maksud tugas guru berpaksi kepada keesaan Allah SWT. Malah subjek yang diajar boleh diolah untuk menanam rasa 'tauhid' kepada Allah SWT di kalangan pelajar. Al-Quran dijadikan kitab rujukan utama, dan isi kandungannya adalah dari Tuhan Yang Esa. Semua ilmu adalah dari Allah SWT hatta yang dicari atau diusahakan oleh manusia. Konsep ini akan membentuk pendidikan sepadu dan bersifat *rabbani*. Tujuan pendidikan pula akan membawa kepada rasa keagungan Allah SWT terutama subjek sains yang mengkaji ciptaan-ciptaan Tuhan.

Satu dari kaedah membuat keputusan walau dalam sektor apa pun ialah mengguna **kaedah syura**. Keputusan-keputusan pendidikan sepatutnya dibuat melalui perbincangan yang adil dan diterima sebagai sesuatu keputusan yang mesti dipatuhi. Seorang pentadbir sekolah misalnya dapat melaksanakan keputusan bersifat syura sedemikian dalam mengatur agenda atau membuat keputusan sesuatu projek sekolahnya. Jika pun ada yang tidak menyetujuinya, tetapi keputusan syura adalah bersifat 'ubudiyah kerana ia diterima sebagai penentuan Allah SWT. Kesilapan secara syura tidak dianggap berdosa, hanya sekadar mendapat satu ganjaran sahaja. Kaedah membuat keputusan syura itu bersifat dinamik di mana keputusan boleh dibuat secara majoriti atau keputusan oleh azam seorang ketua setelah rundingan diadakan.

Konsep *al-Musawah* (kesamaan) dan *al-'Adalah* (keadilan) amat penting dalam pengendalian PdP. Sikap membezakan pelajar atau murid dan berlaku ketidakadilan layanan untuk mereka mendapat ilmu adalah satu kezaliman. Menyembunyikan ilmu adalah satu kesalahan. Dua sikap ini menjadi piawaian penentu sama ada seseorang yang melakukan PdP itu bersifat ibadat atau sebaliknya.

Aplikasi falsafah **Mas'uliyah** pula boleh dibuat melalui pemakaian kaedah-kaedah fekah yang ada dalam Islam. Ia bermaksud tanggungjawab itu dikaitkan dengan tuntutan syarak, bukan semata-mata tuntutan negara atau sosial. Satu dari kaedah fekah menyebut bahawa *setiap perkara berasas kepada niat*⁹ sebagaimana yang diambil dari maksud hadis

⁹ الأمور بمقاصدها

Rasulullah SAW⁹. Justeru niat yang baik serta ikhlas atau tulus terhadap Allah SWT akan membuat seseorang menunai tanggungjawabnya dengan sempurna. Malah tindakan-tindakannya tidak menjadi kontroversi atau dipertikaikan oleh Allah SWT kerana Dia tahu akan niat seseorang. Hal ini juga membuatkan seseorang mempunyai objektif atau tujuan tentang apa yang dilakukan. Tanggungjawabnya berpandu oleh tujuan-tujuan, memenuhi maksud '*management by objective*' dalam ucapan moden.

Begitulah juga dengan sikap melaksanakan tanggungjawab di mana sesuatu yang telah diyakini tidak lagi dapat digugat oleh syak wasangka. Kaedah fekah melatarkan kedudukan *sesuatu yang yakin tidak boleh diatasi oleh syak*¹⁰, misalnya sesuatu keputusan rasmi mesyuarat tidak boleh dihalang hanya oleh berita yang bersifat belum pasti. Dengan itu tanggungjawab terus dilaksanakan tanpa gugatan prasangka kedua. Dalam hal-hal yang memberatkan seseorang untuk bertanggungjawab justeru kelemahan dirinya, kaedah fekah memperuntukkan bahawa *kesukaran boleh membawa kepada kemudahan*¹¹. Ini bermakna bahawa seseorang terus dituntut melakukan tanggungjawab walaupun boleh dibuat alternatif dengan sesuatu yang lebih mudah. Pilihan lain ialah dengan melakukan

⁹ Daripada Amirul Mukminin Abu Hafsin 'Umar ibn al-Katthab r.a. beliau berkata: Aku mendengar Baginda Rasulullah SAW bersabda: "Bahawa sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat, dan bahawa sesungguhnya bagi setiap orang apa yang dia niatkan. Barangsiapa yang hijrahnya menuju kepada Allah dan RasulNya, maka hijrahnya kepada Allah dan RasulNya. Barangsiapa yang hijrahnya kerana dunia yang dia mahu mencari habuannya, atau kerana seorang perempuan yang dia mahu kahwininya, maka hijrahnya ke arah perkara yang ditujuinya itu." - Hadis ini diriwayatkan oleh dua orang Imam Ahli Hadis; Abu Abdullah Muhammad ibn Ismail ibn Ibrahim ibn al-Mughirah ibn Barzibah al-Bukhari dan Abu al-Husain Muslim ibn al-Hajjaj ibn Muslim al-Qusyairie al-Naisaburi dalam kitab sahih mereka berdua yang merupakan antara kitab yang paling sahih. (Hadis Arbain Imam Nawawi r.a.)

¹⁰ اليقين لا يزول بالشك
¹¹ المشقة تجلب التيسر

sesuatu yang lebih ringan mudharatnya jika bertembung dua pilihan yang sama-sama bermudharat. Kaedah fekah menyebut tentang mengambil *kemudharatan yang lebih ringan*¹². Ini memberi makna bahawa tanggungjawab diteruskan walaupun mempunyai pilihan sedemikian.

Dalam konteks nilai-nilai sosial standard sesuatu masyarakat, apa yang dianggap baik dan diterima oleh masyarakat tersebut boleh menarafi hukum atau tuntutan wajib. Kaedah fekah menyebut; *Adat kebiasaan adalah bertaraf hukum (muhakkamah)*¹³. Nilai-nilai sosial oleh sesuatu kumpulan masyarakat mungkin berbeza kerana perbezaan budaya dan cita rasanya. Justeru kaedah fekah mewajibkan seseorang mematuhi nilai-nilai sosial berkenaan walaupun tidak ditentukan oleh wahyu atau hukum yang jelas. Pakar-pakar ilmu (*al-Rasikhun fi ilm*) boleh dirujuk dan diambil keputusan untuk kepastian penunaian tanggungjawab tersebut. Justeru keseluruhan kerangka tanggungjawab ini dipandu oleh syariat dan dengan itu mempunyai nilai keredhaan Allah SWT sebagai hasil akhir aktiviti manusia.

Dalam memastikan falsafah *itqan* dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, ajaran dan tradisi Islam telah memaparkan sifat-sifat operasional Allah SWT terhadap alam dengan istilah al-Asma al-Husna (nama-nama yang indah). Pada hakikatnya nama-nama itu adalah lambang-lambang kesempurnaan Allah SWT dalam urusan pentadbiran alam olehNya. Allah SWT juga mempunyai sifat-sifat diri atau zatNya yang disebut sebagai sifat dua puluh yang tidak ada pada makhluk lain malah tidak dapat ditiru. Dalam konteks modul ini, adalah dicadangkan *Asma' al-Husna* itu dihayati oleh manusia dalam tindak tanduk dan corak

¹² إذا تعارضت مفسدتان روعي أعظمهما ضرراً بارتكاب أخفهما

¹³ العادة محكمة

kerja mereka. Antaranya Allah SWT disebut sebagai '*al-Jamil*' (indah / cantik)¹⁴, dan dengan itu manusia juga mesti bertindak melakukan kerja-kerjanya dengan cantik atau sempurna kerana Allah SWT menyukai kerja-kerja sedemikian. Sifat sambil lewa dan simplistik adalah tidak disukai oleh Allah SWT dan dengan itu manusia sepatutnya menjauhi sifat itu di atas asas tersebut.

Begitulah juga dengan Rasulullah SAW yang disifatkan dengan sifat-sifat wajib iaitu *sidiq, amanah, tabligh* dan *fatamah*. Di samping itu dijelaskan sifat-sifat yang berlawanan iaitu empat sifat mustahil. Seorang Muslim yang *beritqan* turut mewajibkan sifat-sifat wajib Rasul SAW tersebut ada berlaku pada dirinya serta menghindarkan empat sifat mustahil dalam kadar keupayaan maksimumnya. Dengan itu seseorang yang sedemikian telah menunaikan 'sunnah' Rasul SAW dalam kerjayanya tanpa yang berbentuk fizikal seperti bentuk pakaian dan rupa diri. Pelaksanaan itqan secara aplikatif sebegini akan memberi makna bahawa seseorang Muslim telah menghidupkan sunnah Rasul SAW secara profesional dalam kerjayanya.

Modul ini tidak menolak ciri-ciri profesionalisme moden yang dianjurkan oleh dunia korporat semasa. Walau bagaimana pun nilai-nilai sedemikian termasuk yang didatangkan dari Jepun atau timur dapat dikesani telah ada dalam ajaran Islam. Ketepatan masa (*punctuality*) misalnya menjadi peringatan penting al-Quran hingga Allah SWT bersumpah dengannya. Nilai-nilai masyarakat setempat (*local*) yang makruf atau positif diterima oleh Islam dengan menararkannya sebagai bersifat *muhkamat* (bernilai hukum). Kehendak pelanggan dalam perniagaan misalnya dianggap sebagai satu hak (*customers are always right*). Dalam hal ini Islam amat mementingkan hak-

¹⁴ Hadis: إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ "Sesungguhnya Allah itu indah. Dia sukakan keindahan."

Riwayat Muslim.

hak sedemikian dan dikaitkan dengan balasan-balasan negatif keakhiratan yang dahsyat akibat tidak menunaikan hak-hak manusia lain seperti jiran dan rakyat. Murid juga mempunyai hak yang tinggi ke atas guru sebagai pendidik dan sumber ilmu. Dengan itu sifat ketekunan atau *beritqan* oleh guru adalah amat dituntut.

2.4.5. Contoh Sifat-sifat Anjuran al-Quran

Al-Quran sebuah kitab lengkap, bukan sahaja menyentuh tentang kedasaran akidah, ketegasan syariat, juga aspek-aspek nilai yang dirangkum di bawah istilah akhlak. Dalam konteks kerjaya atau profesyen seseorang, al-Quran menggariskan beberapa perkara berikut sebagai contoh.

| Bil | Surah & Ayat | Sifat / Nilai |
|-----|-----------------------|--|
| 1 | An-Nahl (16):97 | Bekerja dengan azam yang kuat dan mempercayai pembalasan kehidupan yang baik hasil dari kerja tersebut. |
| 2 | An-Nisa (4): 58 | Melakukan penunaian amanah serta menegakkan keadilan dalam membuat sesuatu keputusan. |
| 3 | At-Taubah (9): 105 | Mempercayai Allah SWT Maha Melihat segala kerja dan akan diberi balasan. |
| 4 | Al-Maidah (5): 2 | Melakukan kerjasama dalam perkara-perkara kebaikan dan taqwa kepada Allah SWT. Jauhkan dari kerja-kerja dosa dan permusuhan. |

| | | |
|---|----------------------------|---|
| 5 | As-Syura (42) : 38 | Bersikap responsif dengan cara positif kepada perintah Allah SWT serta melaksanakan melalui kaedah mesyuarat. |
| 6 | Al-Hujurat (49) : 10 | Berorientasi mencari penyelesaian masalah dan kedamaian sejagat. |
| 7 | An-Nisa' (4) : 85 & 86 | Bersikap menolong perkara-perkara kebaikan dan menyambut salam dan ucapan selamat kepada seseorang lain. |
| 8 | Al-Maidah (5) : 20 & 21 | Mengingati nikmat Allah SWT dan bertekad untuk tidak undur ke belakang dalam melakukan pekerjaan. |
| 9 | An-Nahl (16) :125 | Bekerja dengan bijaksana, berperingatan yang baik serta berdialog dengan cara yang paling berkesan. |

Adalah diakui bahawa sifat-sifat atau nilai yang dipaparkan di atas juga bersifat logikal dan diterima oleh mana-mana manusia rasional. Bagi seorang Islam, jika sifat-sifat tadi dihayati dengan merujuk kepada perintah-perintah Tuhan seperti di atas, maka nilai dari sikapnya sedemikian adalah berupa ibadah kepada Allah SWT. Sekaligus ia menunaikan konsep *'ubudiyahnya* kepada Allah SWT. Kebertanggungjawaban (*mas'uliyah*) juga ditunaikannya dengan penuh tekun dan berkonsentrasi (*itqan*). Dengan itu seluruh kegiatan seorang yang sedemikian akan bersifat Islamik atau *Quranic* (keQuranan). Personel model dalam hal ini ialah Rasulullah SAW sendiri. Baginda adalah contoh (*Qudwah*) terbaik. Dengan bercontoh kepada Baginda SAW dalam menegakkan nilai-nilai yang baik akan

memberi makna bahawa seseorang itu telah melaksanakan sunnah Baginda SAW dalam pekerjaan mereka.

2.5 Fungsi Rukun Islam dan Rukun Iman Dalam Profesyen Keguruan

Dalam kehidupan seseorang Muslim, terdapat perkara asas atau rukun dari segi syariat atau perlakuan dan juga akidah (pegangan) iaitu rukun Islam dan rukun Iman. Rukun-rukun ini adalah asas-asas yang tentu mempengaruhi kehidupan terbuka atau budaya manusia Muslim.

Dalam konteks rukun Islam yang lima, sila perhatikan ringkasan dalam rajah berikut:

| Bil | Rukun Islam | Konteks ¹⁵ | Fungsi Dalam Pembinaan Kerjaya |
|-----|---|---|---|
| 1 | Dua kalimah Syahadah (<i>syahadatain</i>) | Pengakuan tentang ketuhanan Allah SWT dan kerasulan nabi Muhammad SAW | Deklarasi kepatuhan: Kerja sebagai tanggungjawab ketuhanan dan pembuktian akuan bahawa Rasulullah SAW menjadi contoh terbaik. |

¹⁵ Di sudut lain rukun Islam berfalsafahkan kepada *keilmuan* (Syahadah), *kepatuhan* (Solat), *kesucian* (Puasa), *kebajikan* (Zakat) dan *kesejahteraan/keamanan* (Haji).

| | | | |
|---|-------|---|--|
| 2 | Solat | Hubungan peribadi manusia dan Allah SWT | Latihan dan pendisiplinan fokus tentang penjadualan masa. Pengharapan dan penyerahan kerja kepada Allah SWT. |
| 3 | Zakat | Hubungan tanggungjawab kemasyarakatan | Motivasi kerja & prestasi hasil. Pembersihan sifat buruk / kedekut. Membina reputasi sosial. Pembangunan ekonomi. Dan lain-lain. |
| 4 | Puasa | Latihan intensif sendiri dan sosial | Latihan / tarbiyah, disiplin, latihan tambahan masa, aturan makan minum, kesihatan dan lain-lain. |
| 5 | Haji | Pendedahan global / antarabangsa | Latihan terbuka untuk jatidiri universal, hubungan antarabangsa, solidariti ummah dan lain-lain. |

Rajah di atas adalah idea ringkas yang mengaitkan bagaimana rukun Islam boleh berfungsi kepada kerjaya seseorang. Ibadat-

ibadat ini seharusnya membentuk prestasi dan kerjaya yang bersifat *rabbani* di mana kerjaya juga dengan demikian akan menjadi ibadat. Dalam erti kata lain, lima rukun Islam ini adalah sebagai prasyarat untuk menjadikan segala aktiviti manusia berada dalam 'ubudiyah kepada Allah SWT. Sebagai contoh, sembahyang sebagai tiang agama berfungsi mencegah manusia dari *fahsyah* dan *mungkar* yang berpotensi berlaku selepas sembahyang. Puasa juga disebut bertujuan supaya manusia menjadi orang-orang bertaqwa bukan sahaja pada sepanjang bulan Ramadhan, tetapi juga pada waktu-waktu kemudiannya. Ibadat haji juga adalah untuk menjadikan Muslim mempunyai semangat dan kekuatan baru bagi terus hidup dan beraktiviti, bukan sebaliknya menjadi pasif bersikap menunggu mati setelah kembali dari menunaikan fardhu tersebut.

Kedua malang ummah Islam ialah bila rukun-rukun Islam itu dianggap sebagai acara peribadi dan penentuan hubungan dengan Tuhan semata-mata. Ia dilihat secara eksklusif sebagai acara-acara *ritual* tanpa hubungan kepada profesyen. Dilema ini adalah berakibat dari sistem kehidupan dikotomik antara agama dan kerjaya yang mengecilkkan Islam dari bersifat ad-Din kepada agama semata. Ia adalah berupa fenomena peninggalan penjajah. Maka sayugia para guru khususnya mengembalikan rukun Islam itu berfungsi membentuk kerjaya mereka.

Dalam konteks rukun iman pula, rajah di bawah adalah ringkasan yang merujuk kepada maksud yang sama iaitu fungsi kepercayaan itu kepada nilai dan prestasi kerja;

| Bil | Rukun Iman | Konteks | Fungsi Dalam Pembinaan Kerjaya |
|-----|------------------|--|--|
| 1 | Allah | Asas dan piawaian | Allah SWT menjadi sebab utama segala tindakan manusia, juga kayu ukur penentuan kerjaya. |
| 2 | Rasul | Model / contohan | Rasulullah SAW dijadikan contoh terbaik di mana kerjaya sebagai penghayatan kepada sunnah Baginda. |
| 3 | Kitab (al-Quran) | Rujukan | Menjadi rujukan sistem dan aturan juga segala panduan kerjaya manusia. Juga bahan ilmu dan pengetahuan tentang berbagai dimensi hidup manusia. Ia juga perlembagaan hidup. |
| 4 | Malaikat | Pembantu bersifat ghaib | Mekanisma yang membantu manusia dalam menunaikan tugas terutama dalam 10 aspek keperluan manusia. |
| 5 | Qadha' & Qadar | Sistem alam yang ditentukan oleh Allah SWT | Sistem penentuan Allah SWT terhadap alam. Membentuk panduan perancangan dan potensi hasil. Menerima realiti kekuasaan Allah SWT dan hikmah-hikmahNya. |
| 6 | Akhirat | Matlamat akhir | Perkiraan akhir dari segi bentuk hasil. Matlamat kebahagiaan dalam susun-atur kehidupan manusia. |

Sebagaimana ringkasan fungsi rukun tersebut, rukun iman memberikan satu sistem pemikiran juga kepercayaan manusia kepada realiti dan hakikat kerjaya mereka. Seseorang Muslim akan berpandangan jauh menjangkau alam akhirat dalam perkiraan jangka hasil mereka iaitu balasan-balasan syurga. Mereka mempunyai model atau contoh paling ideal iaitu Rasulullah SAW di mana Baginda mestilah disayangi melebihi kesayangan manusia kepada makhluk-makhluk lain. Dengan itu kerjaya juga adalah terjemahan bersifat aplikatif sunnah Baginda SAW dalam kehidupan seseorang Muslim.

Orang-orang Islam mempunyai keyakinan yang tinggi kepada diri mereka bila memahami Qada' dan Qadar sebagai sistem Allah SWT dalam sunnah alamNya. Allah SWT telah menetapkan sistem perjalanan alamNya di mana keperluan kewujudan kaedah-kaedah tertentu yang akan melahirkan hasil tertentu. Tetapi jika Allah SWT menghendaki hasil yang sebaliknya atau berlainan, maka melalui qadha' yang sedemikian itu adalah suatu cara Allah SWT menunjukkan kekuasaanNya. Manusia Muslim akan merasai kebesaran Allah SWT dalam kes sedemikian. Dalam melakukan kerja-kerja mereka, manusia Muslim mempercayai mereka disokong atau diiringi restu malah penjagaan dan bantuan para Malaikat. Berbagai fungsi Malaikat dihuraikan dalam bentuk sepuluh jenis Malaikat yang mesti dipercayai oleh manusia. Dalam hal ini, jika pun terdapat manusia lain yang menentang tindakan-tindakan baik seseorang, percayalah di sana terdapat pembantu yang bersifat ghaib iaitu para Malaikat. Manusia Muslim diberitahu bahawa para makhluk lain seperti binatang dan pokok-pokok juga bersama mendoakan kejayaan kepada kerja-kerja baik oleh manusia. Dengan ini ternyata bahawa Rukun Iman itu sangat penting kepada kerjaya dan aktiviti manusia.

Dengan itu dapat diperhatikan bahawa dua jenis rukun (Islam dan Iman) disistemkan oleh Allah SWT sebagai aset dan kaedah rujukan bagi manusia menunaikan tugasnya sebagai khalifah di muka bumi. Dalam hal ini juga profesyen perguruan tidak terkeluar darinya sebagai satu bentuk tanggungjawab formal guru kepada sebahagian dari manusia iaitu para pelajar.

2.6

Pembetulan Persepsi Salah Terhadap Konotasi Islam

Islam telah mengajar manusia dengan dimensi-dimensi baru dalam hidup mereka yang merujuk kepada beberapa konsep, sikap, amalan dan nilai-nilai. Pada asalnya perkara-perkara tersebut memberi kesan positif dan rangsangan kepada prestasi kerja manusia. Tetapi oleh beberapa faktor, perkara-perkara tersebut berimej pasif malah negatif pada persepsi awam. Faktor terbesar adalah berkemungkinan dari persepsi terhadap Islam itu sendiri yang dilihat secara umum sebagai satu dimensi personal dan eksklusif. Islam dilihat sebagai agama semata-mata dan dengan itu tidak relevan kepada kehidupan profesional. Konsep pemisahan (dikotomi) ini adalah asing kepada Islam dan ajaran-ajarannya.

Antara yang diamati terlibat dalam keadaan ini ialah nilai-nilai dalam lapan perkara berikut:

| Bil | Nilai / sistem Islam | Konsep semasa / negatif | Konsep sebenar / positif |
|-----|----------------------|--|---|
| 1 | Sabar | (mengalah / dayus dan hanya berpada dengan apa yang ada) | Bertegas, tidak mengalah dan meneruskan tindakan dengan alternatif pilihan seperti hijrah Rasulullah SAW. |
| 2 | Ikhlas | (naïf / bermudah dengan tidak kompetatif) | Melaksanakan dengan sempurna seperti maksud perkataan ikhlas itu sendiri yang bermakna tulus dan telus. |
| 3 | Kerana Allah | (bersifat 'simplistik' dan dijadikan alasan untuk tidak berprestasi) | Melakukan terbaik sepertimana yang disukai oleh Allah SWT dengan pencapaian-pencapaian yang luarbiasa. |
| 4 | Taqwa | (bersifat pasif dan menyerah kepada apa yang ada - takut) | Bertindak menjaga perintah-perintah Allah SWT dan menjauhi laranganNya di atas usaha untuk menjadi seorang <i>muttaqin</i> . |
| 5 | Zuhud | (meminggiri keduniaan dan bersikap pasif kepada kepentingan-kepentingan duniawi) | Mendapatkan sebanyak mungkin keduniaan dengan cara yang halal tetapi hidup secara sederhana dan menggunakan kekayaan bagi tujuan Islam. |

| | | | |
|---|-------------|---|--|
| 6 | Warak | (Bersikap eksklusif dari aktiviti sosial dan tidak agresif) | Bersikap mempunyai sempadan baik buruk dan bertegas menjaga hal itu dalam diri dan masyarakat. |
| 7 | Tasawuf | (Imej eksklusif dengan ciri-ciri khusus - tidak dinamik) | Menjadi orang yang suci dari sebarang dosa dan kehidupan materialistik melampau. |
| 8 | Qiyamullail | (Sebagai <i>escapism</i> dan bersifat liabiliti kepada kerjaya dan kehidupan terbuka) | Menjadi mekanisma menambah kedekatan dengan Allah SWT serta mendapat rangsangan untuk perjuangan yang lebih dinamik kemudiannya. |

Kolum kedua dalam rajah di atas memuatkan kesimpulan-kesimpulan awam yang memberi kesan sinis kepada nilai-nilai tersebut, yang sepatutnya bersifat konstruktif. Fenomena ini ditambah lagi dengan adu domba moden yang anti-agama di mana agama dianggap sebagai berunsur anti-kemodenan dan kontra-progres. Susulan dari kefahaman naif sedemikian, maka nilai-nilai itu dianggap mengganggu profesionalisme dan tidak sesuai dalam kehidupan seseorang profesional.

Konsep dan manifestasi sebenar nilai-nilai berkenaan adalah ternyata sebaliknya sebagaimana yang berlaku kepada Rasulullah SAW, para sahabat dan pejuang-pejuang Islam. Sebagaimana diriwayatkan bahawa Raja Rome pernah membuat komentar mengejut dan hairan dengan kehebatan tentera Islam yang beribadat pada waktu malam tetapi menjadi pejuang-pejuang tangkas pada siang hari. Hakikat ini adalah

mesej dari tuntutan sedemikian yang dirakamkan dalam surah *al-Muzzammil*. Ini memberi makna bahawa qiyamullail bagi seseorang Muslim akan memberi keyakinan, persepsi dan tenaga hasil dari aktiviti tersebut. Isu kenaifan yang berlaku ialah berkemungkinan dari aspek pengendalian *qiyamullail* itu sendiri yang bersifat satu *escapism* atau pelarian dari realiti.

Budaya asal sesetengah orang-orang Islam masih bersifat budaya bangsa masing-masing yang mungkin mempunyai nilai-nilai tersendiri. Budaya asal ini diterapkan secara salah di mana terbina maksud-maksud yang naif kepada orang-orang awam tentang nilai-nilai Islam tersebut dan akhirnya memberi kesan negatif. Contohnya seorang yang akan dianggap warak ialah seorang yang bersikap tidak agresif dan pasif kepada situasi yang mencabar. Sedangkan sifat warak memerlukan seseorang itu bertindak secara sepadan dengan keperluan hatta melibatkan tindakan yang agresif. Sifat zuhud juga diimejkan dengan sikap tidak mementingkan dunia dan hidup secara berprestasi rendah. Golongan tasawuf pula dianggap golongan eksklusif yang tidak perlu menyertai kehidupan terbuka seperti peperangan dan gerakan ketenteraan, sedangkan kehidupan Rasulullah SAW dan para sahabat adalah sebaliknya.

Dengan itu adalah amat penting untuk masyarakat Islam membetulkan konotasi dan persepsi negatif dan naif ini supaya sifat-sifat yang mulia itu menjadi ciri-ciri orang Islam. Dalam kolum ketiga rajah di atas, modul ini memaparkan konotasi yang sepatutnya berlaku.

Komponen UMI dalam modul MBI ini meletakkan falsafah yang strategik bagi seseorang Muslim untuk membina profesyennya menepati kehendak Islam. Islam yang diperangkap sebagai agama semata-mata mestilah dihidupkan menjadi dimensi cara hidup pelbagai termasuk profesyen perguruan. Perbincangan di atas serta beberapa pernyataannya diharap dikongsi oleh semua bagi menjayakan tujuan modul ini serta hasil pembelajarannya.

Beberapa rumusan berikut penting untuk memperkukuhkan profesionalisme guru dalam konteks Islam.

(1) Profesionalisme guru harus menarafi doktrin bagi penjawatnya kerana terdapat keperluan penghayatan secara sepenuh hati dan fikiran. Usaha penarafan ke tahap ini memerlukan dasar dan falsafah yang jelas. Dasar MBI dan falsafah UMI adalah ramuan penting untuk mencapai taraf ini kerana Islam jugalah mempunyai dimensi yang lengkap mengenai kehidupan dunia, malah menjangkau kepada kehidupan-kehidupan abadi.

(2) Sektor pendidikan adalah teras pembinaan tamadun manusia. Hal ini telah dibuktikan oleh Islam sehingga pendidikan dari Islam telah mencetus dunia baru Eropah dengan kelahiran zaman *englightment* dan *renaissance*. Sumbangan ini bertunjang besar kepada peranan golongan bijak pandai dan guru atau para ulamak. Mereka mempunyai bukan sahaja kepakaran bidang berkenaan, tetapi juga aura keguruan yang tinggi. Dengan itu mereka dapat berperanan bukan

sahaja dalam aspek keintelektualan atau ilmu, tetapi model kebangunan tamadun manusia. Lihat sahaja bagaimana orang-orang Eropah hingga kini masih mengekalkan tradisi pakaian ulamak-ulamak Islam dalam bentuk jubah akademik (*academic gown*) mereka.

(3) Aplikasi `Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan mestilah bersifat tonggak dan teras kepada pendidikan atau pelaksanaan penyebaran ilmu-ilmu hatta ilmu-ilmu agama seperti fekah, syariat dan ilmu akhlak. Begitu juga dengan teori-teori dan nilai-nilai profesionalisme moden. Aplikasi yang sebeginilah yang akan menjadikan pendidikan dalam Islam berorientasi dinamik dan dapat menjawab persoalan-persolan moden. Ia tidak dianggap semata-mata teoritikal, malah bersifat praktikal. Model dalam konteks ini ialah Rasulullah SAW sendiri sebagai tokoh pendidik teragung. Seluruh kehidupan Baginda SAW merakamkan praktikaliti UMI termasuk dalam penyebaran dakwah dan ilmunya kepada umat manusia.

(4) Rukun Islam dan Rukun Iman mestilah digarap sebagai mekanisma kepada sistem nilai dan praktikaliti kepada profesionalisme keguruan. Dua jenis rukun ini yang telah sedia ada kepada seseorang Muslim sudah cukup berwibawa membentuk asas-asas tersebut kerana kedua-duanya adalah ajaran Allah SWT dan diperturunkan secara wahyu melalui al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Kitab al-Quran juga membekalkan bukan sahaja asas-asas tersebut,

tetapi arahan dan saranan kerjaya yang diselarikan dengan nilai-nilai yang mesti dihayati.

(5) Kenaifan sifat-sifat dan nilai-nilai Islam bukan pada maksud atau pengertian dan mesejnya. Kelemahan dan kesilapan persepsi umat menyebabkan persepsi naif tersebut beriak. Dengan itu amat perlu sifat-sifat itu mendapat anjakan paradigma kepada maksud asal sebagaimana yang dipamerkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat. Dunia pendidikan mestilah menterjemahkan sifat-sifat tersebut secara praktikal dalam amalan para guru samada kehidupan personal atau profesional mereka.

(6) Pengabdian (`ubudiyah) guru adalah melalui tanggungjawab berkualiti yang baik. Menjadi guru adalah menyahut seruan ayat pertama al-Quran. Justeru, sudah tentu sektor pendidikan adalah sektor utama dan para guru adalah aktor-aktor utama bagi tugas ini. ***Berbakti itulah harga sebenar seorang guru, bukan sekadar bekerja.***

2.0

Contoh-contoh Soalan Untuk Perbincangan Bengkel

Di sini dicontohkan beberapa soalan yang boleh menjadi isu-isu yang hendak dibengkelkan. Ia juga sebagai panduan atau rujukan tentang kandungan-kandungan penting komponen ini (i.e. `Ubudiyah, Mas'uliyah & Itqan).

1. Usaha menjadikan para guru bersifat rabbani memerlukan sekurang-kurangnya **lima dimensi** atau **sifat** sebagaimana yang disebut dalam falsafah YIK. Huraikan satu persatu lima dimensi tersebut dengan contoh-contoh praktikal dalam tugas anda sebagai guru.

2. Jelaskan **isu-isu di sekitar pendidikan Islam** sekarang yang dilihat sebagai halangan kepada kecemerlangan para guru. Serta nyatakan **cadangan** anda untuk mengatasinya dengan mengambil kira UMI sebagai jalan keluar.

3. Itqan dilihat oleh Modul MBI Dalam Profesionalisme Keguruan bukan sahaja '**ketekunan**' secara pasif, tetapi melibatkan **tindakan-tindakan aktif** dalam kerjaya seseorang guru sebagai signifikan dan aplikasinya. Jelaskan contoh-contoh tindakan tersebut.

4. Modul MBI Dalam Profesionalisme Keguruan meletakkan **empat syarat** atau asas penting bagi menjayakan pendidikan bersifat rabbani. Jelaskan perkara tersebut dengan memberi penekanan khusus kepada perkara ketiga iaitu kekuasaan dan sokongan politik atau pemerintahan Islam.


5. Perbincangan mengenai aplikasi mas'uliyah dalam profesionalisme guru juga mengaitkan dengan mesej-mesej kependidikan dari ayat 30 – 33 surah al-Baqarah serta penggunaan kaedah-kaedah fekah sebagai signifikannya. Jelaskan **dua perkara** bergaris tersebut.

6. Jelaskan bagaimanakah **Rukun Iman** dan **Rukun Islam** berfungsi memperkasakan profesionalisme keguruan.



BAB 3

PENGISLAMAMAN ILMU (ISLAMISATION OF KNOWLEDGE)



3.1.1. Latar Belakang

Modul ini bersifat agenda bertindak untuk pembetulan terhadap konsep ilmu kini yang banyak dipengaruhi oleh Barat. Falsafah UMI seperti yang telah dijelaskan dalam Bab 1 memerlukan modul khusus sebagai agenda bertindak sebegini di samping tuntutan oleh dunia Islam melalui keputusan beberapa persidangan sedunia mengenainya.

Orientasi modul ini lebih bermaksud untuk menghubungkan semula ilmu dengan tradisi Islam bagi mengisi dan memperkukuhkan misi, visi dan objektif pendidikan di YIK Kelantan khususnya dan Malaysia umumnya. Agenda ini dinamakan 'Pengislaman Ilmu' (selepas ini disebut PI).

3.1.2. Objektif

Secara fokus, modul ini bertujuan :

- [1] Membolehkan para peserta memahami latarbelakang idea PI, sejarah pertumbuhan, cabaran-cabaran juga tujuan-tujuan agenda tersebut.
- [2] Membuatkan peserta berupaya mengintegrasikan agenda PI dalam profesyen keguruan mereka bersama falsafah UMI dan sistem nilai 3A (akidah, akhlak dan adab / etika).
- [3] Membantu peserta membuat satu pentaksiran atau penilaian sejauh mana amalan PI berlaku dalam tanggungjawab mereka sebagai guru.

3.1.3. Hasil Pembelajaran

Adalah dipercayai para peserta telah mempunyai pengetahuan yang sedia ada iaitu tentang ayat-ayat al-Quran dan Hadis. Modul ini percaya mereka dapat menghubungialinkannya dengan subjek-subjek akademik seperti sains, kimia, fizik dan sebagainya. Dengan itu mereka dapat menerapkan ilmu-ilmu agama ke dalam kerangka ilmu moden secara sepadu. Ini adalah sebahagian dari pendekatan PI.

Dengan itu, setelah para peserta menjalani modul ini, dijangka mereka dapat :

- [1] Mengetahui, memahami dan menghayati rasional serta merancang keperluan agenda PI dalam pembinaan kurikulum serta kerjaya Pengajaran dan Pembelajaran (selepas ini di tulis PdP) mereka.
- [2] Mengenal pasti dan mengintegrasikan tema-tema penting berkaitan pendidikan dan PI dalam tanggungjawab keguruan mereka.
- [3] Menyediakan satu pelan tindakan di peringkat diri dan komuniti bagi menjayakan agenda PI.
- [4] Menaksir tentang penghayatan sendiri terhadap PI bagi tujuan penambahbaikan dan pemacuan seterusnya sehingga ke peringkat maksimum.

Modul ini menggunakan strategi atau kaedah penjelasan, perbincangan dan pembentangan. Jika kesempatan dapat disediakan, maka aktiviti penyelesaian masalah juga simulasi akan diadakan seperti *micro-teaching*. Penggunaan *i-think* juga KBAT (Kemahiran Berfikir Aras Tinggi) juga dimanfaatkan bagi menghasil kreativiti dan kritikism yang berguna.

3.2.1. Idealism dan Jangka Hasil Pendidikan Kepada Pelajar

Pendidikan yang didokong oleh gagasan ini adalah disokong oleh beberapa istilah seperti *tarbiyah*, *ta'lim*, *tadris*, *ta'dib* juga *irshad* seperti yang diterangkan dalam modul UMI (lihat juga *Lampiran 3*). Tema-tema ini menghasilkan sifat-sifat guru seperti *murabbi*, *mudarris*, *mu'allim*, *muaddib* juga *mursyid*. Tiap sifat itu mempunyai konsekuen tertentu terhadap tugas guru hatta dalam PdP. Ini adalah prasyarat bagi membolehkan guru berperanan melaksanakan gagasan PI.

Jika guru boleh bersifat seperti yang digambarkan di atas, serta berupaya pula melakukan agenda PI, beberapa ciri baru pelajar dijangka berhasil diserlahkan. Tindakan itu akan membolehkan keupayaan berikut;

- [1] Melahirkan pelajar yang **istiqamah dengan pembelajaran** serta mendokong cita-cita yang tinggi dalam aspek keilmuan. Mereka akan bermotif kepada pencapaian ciri-ciri rabbani, bukan sekadar menjadi modal insan kepada masyarakat dan negara. Mereka akan menjadi penemu berbagai teori dari anugerah ciptaan Allah SWT dalam alam ini seperti yang pernah terhasil oleh bijak pandai Islam silam.
- [2] Mewujudkan pelajar yang **berorientasi `ubudiyah** dalam kegiatan pendidikannya. Dengan itu mereka akan terselamat dari sebarang salahlaku atau ciri-ciri negatif. Keberkatan ini

akan membawa kejayaan dan kecemerlangan walau pun dalam kekurangan kemudahan fizikal yang diperlukan. Falsafah `ubudiyah ini akan membentuk hasil ukhrawi dari kerja-kerja keilmuan di dunia ini.

- [3] Membolehkan pelajar YIK khususnya **menjadi model** kepada komuniti pelajar lain dari sudut kehidupan kependidikannya. Ini adalah latihan bagi membolehkan mereka tampil dalam masyarakat dengan kelebihan bentuk ilmu yang dipelajarinya walau pun ilmu itu berupa ilmu moden atau akademik. Hal ini akan berlaku setelah mereka didedahkan dengan pengalaman proses PI di peringkat awal lagi. Mereka akan dapat menunaikan tugas sebenar sebagai graduan *rabbani* hatta dalam opsyen sains atau teknologi.
- [4] Membentuk pelajar yang **mempunyai jatidiri** sendiri dengan sifat yang mulia setelah mengalami proses PI. Mereka akan bersifat ilmuan sebenar secara Islam dan tidak terumbang ambing dengan budaya-budaya kebaratan yang mungkin menyesatkan. Kecintaan kepada ilmu yang benar akan menelurkan semangat patriotik kepada bangsa dan negara (*wataniyah*), bukan ciri-ciri kebangsaan yang sempit. Mereka akan menjadi manusia rabbani yang celik ilmu dan celik politik.
- [5] Membentuk pelajar untuk **berorientasi ukhrawi** sebagai tujuan akhir pembelajaran. Dengan ilmu yang bersifat keislaman, mereka akan menyedari kebesaran Tuhan juga merancang bagi kehidupan

ukhrawi yang diredhai oleh Allah SWT. Cita-cita keilmuan sebegini akan menyerlahkan sifat perjuangan yang kental dengan mana akhirat adalah motif akhir kehidupan mereka. Tanpa panduan ilmu yang Islamik, tentunya mereka akan buta dari melihat hakikat-hakikat kehidupan ukhrawi yang pasti tiba dan kekal nanti.

- [6] Kependidikan sedemikian (Islamik atau rabbani) tentunya **membentuk profesionalisme yang tinggi** dalam profesyen mereka. Sentimen dan emosi rendah yang merujuk kepada kepentingan diri, bangsa dan sektor semata-mata akan dapat diatasi oleh ilmu yang benar. Mereka akan menjadi cendekiawan berani dan bervisi dengan segala bentuk tindak tanduknya. Sifat-sifat hambar dan simplistik akan dapat dielakkan.

Gambaran di atas adalah cita-cita pendidikan baru dunia Islam yang diintisarikan dari beberapa pernyataan persidangan Islam sedunia yang telah diadakan sejak 1977. Tugas modul ini ialah untuk membantu bagi mencapai cita-cita tersebut.

3.2.2. Sejarah Pendidikan Moden dan Kosmologi Ilmu Yang Dualistik

Permulaan dibuat secara ringkas di sini untuk menjelaskan bahawa Islamlah yang membentuk celik huruf dan celak akal bagi Nusantara. Bersama kedatangan Islam ialah kehadiran pendidikan yang bermula dengan surau, pondok dan masjid. Tulisan jawi yang berunsur agama menjadi tulisan Nusantara dan membentuk identiti ilmu dengan segala sifat rabbani dari segi pendidikan. Kewujudan kerajaan Islam Perak, Kedah,

Kelantan, Melaka dan lain-lain memperkukuhkan institusi pendidikan dengan penglibatan pihak pemerintah yang turut menaungi aspek pendidikan sebagai satu dari dimensi istana dan keluarga diraja. Hubungan Nusantara dengan Timur Tengah; Mekah dan Madinah serta universiti al-Azhar di Kaherah mencetuskan sifat antarabangsa ilmu-ilmu dan institusinya.

Malangnya kedatangan penjajah Portugis, Belanda dan kemudian Inggeris membawa implikasi besar kepada pendidikan di Tanah Melayu. Pendidikan formal Barat yang bermula dengan penjajahan British membentuk pendidikan sekular di samping pendidikan Islam yang mencetus persaingan dan dimensi *dualism*. Di samping itu masyarakat China dan India menubuhkan sekolah-sekolah varnicular yang dirancang oleh Inggeris sebagai usaha ***pecah dan perintahnya (divide & rule)***.

Walau pun setelah merdeka, ironinya ialah tradisi dualism terus berlaku dalam pendidikan termasuk orang-orang Melayu Islam sendiri yang terpisah oleh dua sistem sebegini. Ia melahirkan implikasi berbagai termasuk dualism dalam politik, budaya, ekonomi dan lain-lain. Pendidikan menerima kesan buruk dari segi bentuk ilmu dan sekolah-sekolah. Akibatnya pendidikan subjek-subjek yang disebut sebagai akademik dibentuk oleh pandangan alam (*world view*) Barat. Dalam bidang sains misalnya terdapat konsep-konsep kebaratan yang bertentangan hatta dengan akidah dan pandangan atau kosmologi alam Islam. Walau bagaimana pun pada tahun-tahun 80an, terdapat gerakan-gerakan Islam yang mula mengambil inisiatif untuk mengembalikan sifat sepadu dalam pendidikan. Badan-badan politik Islam pula memberi sokongan.

(Nota: Untuk melihat Gagasan Pengislaman Ilmu; Definisi, sejarah dan premis moden - sila lihat lampiran 6)

3.2.3. Masalah-masalah Dan Implikasi Dari Pendidikan Moden / Barat

Secara khusus bahan ini cuba memaparkan isu-isu berkaitan dengan kesan negatif pendidikan moden Barat dalam konteks Islam. Ia bermaksud untuk melihat rasional bagi agenda PI dan kepentingannya untuk membentuk gagasan pendidikan rabbani.

- [1] Pendidikan moden hatta subjek-subjek tertentu **kehilangan kaitan dengan akidah** atau ketuhanan. Sains misalnya berbentuk falsafah dan orientasi kebaratan dan mewarisi idea-idea dari pandangan alam Barat yang menafikan hakikat penciptaan oleh Tuhan. Kedua-dua tauhid *uluhiyah* dan *rububiyah* tidak melatari konsep-konsep dan teori-teori sains. Ini adalah satu tragedi kepada akidah dan pegangan agama umat.
- [2] Pendidikan terperangkap dalam **doktrin dualistik** yang menerima kewujudan subjek atau ilmu agama, tetapi dalam konsep bersifat *dikotomik (pengasingan)*. Ia bermaksud bahawa subjek-subjek agama perlu ada tetapi terhad dalam peranannya yang tersendiri sahaja. Subjek-subjek 'akademik' terlepas dari akidah, hukum dan nilai-nilai agama dengan sifat konvensionalnya kalau pun tidak sekular. *Dualism* ini ternyata adalah dari ajaran Kristian Barat.
- [3] Lebih malang lagi ialah kewujudan sifat **antagonistik terhadap agama** di mana agama dianggap tidak menyumbang kepada

pembangunan ekonomi, politik dan lain-lain. Dunia Barat masih mendokong konsep *religion vs science*. Kesannya ialah kewujudan badan-badan yang memperjuangkan kebebasan hak manusia yang menolak hak Allah SWT dan kewibawaan agama. Fenomena ini sebenarnya adalah hasil dari pendidikan bersifat *dualistik* sedemikian yang menampakkan kesan penjajahan masih berlaku walau pun negara umat Islam telah didakwa mempunyai kemerdekaan politik.

- [4] Sektor pendidikan mempunyai **masalah-masalah perilaku** negatif dan korupsi yang sepatutnya tidak berlaku kerana sifatnya sebagai sektor yang mendidik manusia. Oleh kerana konsep *dualism* yang memisahkan pendidikan dari paradigma agama, maka perkara berkenaan semacam menjadi lumrah walau pun dalam sektor tersebut. Kes-kes polis juga melibatkan individu dari sektor ini. Pendidikan pula terjebak kepada kepentingan politik moden yang masih bersifat primitif yang bergantung kepada kepatuhan secara paksa individu-individu sektor ini untuk kepentingan politik tertentu.
- [5] Bersifat **materialistik dan keperniagaan** adalah fenomena baru dunia pendidikan dengan alasan-alasan politik dan pentadbiran. Lebih serius dalam hal ini ialah keberkaitan sektor ini kepada agensi-agensi di luar dari sektor pendidikan, misalnya sektor perniagaan dan pinjaman dana yang berorientasi perniagaan dengan alasan kepentingan pembiayaan pelajaran

yang memerlukan dana besar. Di peringkat operasi institusi pendidikan, pihak-pihak swasta mendapat peluang memperniagakan pendidikan melalui penubuhan institusi-institusi tersebut. Konsep *democratization of education bertukar menjadi commercialization of education*.

Kepada mereka yang berperi*iman*, bukan sahaja ber*prihatin*, tentulah keadaan-keadaan di atas menyentuh sanubari dan perasaan halus terutama mereka yang benar-benar sebagai pendidik. Justeru tindakan untuk mengatasi fenomena tersebut mesti diagendakan. Antaranya ialah PI.

3.3

Rasional PI di Malaysia

Fenomena dalam perkara 3.2 di atas turut menjadi rasional kepada agenda PI. Jika ilmu berada dalam kerangka, paradigma serta pandangan alam Islam, termasuk falsafah dan epistemologinya, maka dipercayai masalah-masalah dan implikasi itu tidak berlaku. Walau bagaimana pun, dari sudut budaya juga beberapa moto dan symbolism dalam politik dan pentadbiran Malaysia, kedudukan-kedudukan tertentu boleh membantu rasional gagasan PI. Antaranya;

- [1] Dalam Perlembagaan Malaysia, Islam adalah disebut sebagai **Agama Persekutuan**. Dengan itu Islam sepatutnya mendapat kedudukan istimewa dan mempengaruhi sesuatu sistem yang dikaitkan dengan Malaysia. Sesuatu yang tidak menepati dengan kehendak Islam sepatutnya diperbetulkan. Dalam hal ini orang-orang Islam berhak menseserakan pendidikan yang diterima

oleh mereka dengan Islam tanpa paksaan ke atas orang-orang bukan Islam.

- [2] Seperti yang dijelaskan bahawa pendidikan awal orang-orang Islam adalah dengan **ilmu-ilmu Islam**. Dengan itu, sebarang perkara yang asing kepada orang-orang Islam sepatutnya tidak mendapat tempat di kalangan mereka. Pendidikan yang bersifat kebaratan sepatutnya tidak dipaksakan ke atas orang-orang Islam kerana pendidikan sedemikian boleh mengancam akidah dan syariat serta akhlak Islam mereka. Dengan itu para ulamak sepatutnya memperjuangkan gagasan PI supaya ilmu-ilmu Islam tidak dicemari oleh pandangan alam Barat, malah dengan itu juga ilmu-ilmu moden atau akademik akan mendapat input agama Islam.

- [3] Gagasan PI telah mendapat **persetujuan dunia Islam** seperti yang berlaku dalam empat persidangan yang akan disentuh selepas ini. Terdapat puluhan lagi persidangan sedemikian yang menyusul di serata dunia Islam termasuk yang diadakan di Malaysia pada 1985. Malaysia sendiri telah bertindak dengan penubuhan UIAM di Gombak Kuala Lumpur serta pernah membawa International Institute of Islamic Thought (IIIT) ke Malaysia bertapak di universiti tersebut. Malaysia juga yang mendakwa sebagai Negara Islam [Negara orang-orang Islam?] sepatutnya mendepani agenda ini sesuai dengan kedudukannya sebagai anggota negara-negara Islam (Organisation of Islamic Conference - OIC).

[4] Malaysia pernah mempunyai **dasar 'penerapan nilai-nilai Islam'** yang mungkin boleh dimanfaatkan oleh gagasan PI. Hal ini bertepatan dengan sebahagian dari konsep gagasan ini yang menekankan nilai-nilai ketuhanan dan agama dalam pendidikan. Seorang bukan Islam juga seharusnya menerima dasar ini dengan terbuka berdasarkan perkara [1] di atas, di samping ajaran agama-agama lain jika agama-agama itu juga mahukan nilai-nilai agama dihayati dalam kehidupan terbuka mereka. Slogan '*Islam rahmat untuk sekalian alam*' boleh dilihat dari perspektif gagasan ini yang akan menjadikan pendidikan terselamat dari ancaman-ancaman sekularisasi. Mereka boleh mempunyai nilai-nilai dan kosmologi agama mereka sendiri, jika ada, mengenai pendidikan dan harus dikongsi bersama Islam. Contohnya nilai-nilai etika guru dalam 'Pengajaran dan Pembelajaran' (PdP), di mana semua agama bersetuju bahawa guru mestilah mempunyai satu set nilai yang standard dan bersifat normatif dari kacamata agama.

[5] Dalam konteks Kelantan secara khusus, terdapat **dasar Membangun Bersama Islam (MBI)** yang memperkukuhkan lagi rasional PI. Dasar ini disambung lagi dengan agenda pemerakytan [Dasar Merakyatkan MBI], dan ini perlu dijana sekarang secara serius. Dalam hal ini sektor pendidikan adalah sektor terbaik kerana melibatkan segenap lapisan atau peringkat masyarakat. Kelantan sendiri telah mempunyai institusi pendidikan tinggi Islam iaitu KIAS yang

dikira berupaya menjadi 'anchor' kepada gagasan ini. Kesenambungan KIAS dari Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) yang telah menjadi Akademi Islam Universiti Malaya (AIUM) sekarang adalah berupa usaha pengembalian semula tradisi Islam dalam pendidikan selepas kehilangan kewibawaan Bahasa Arab dengan peralihan ke Universiti Malaya tersebut. Harus diingatkan, salah satu pendekatan PI ialah Bahasa Arab sebagai medium dalam pendidikan.

[6] Dalam pada itu Kerajaan Kelantan juga memperkenalkan **falsafah 'Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI)**, yang memerlukan penggarapan rapi oleh semua sektor pentadbirannya termasuk pendidikan. Agenda bertindak kepada falsafah ini dalam pendidikan ialah gagasan PI. Gagasan sedemikian akan menjadikan falsafah '*ubudiyah*' ini menepati maksud sebenar kehidupan para pendidik dan mereka yang berada dalam sektor tersebut dengan kehendak Islam. Mereka akan mempunyai akauntabiliti (*mas'uliyah*) terhadap sektor ini termasuk akauntabiliti seorang guru terhadap muridnya. Mereka juga semestinya bersikap *itqan* (tekun dan fokus) dalam melakukan kerja-kerja pendidikan yang akan menjamin kejayaan lebih cemerlang.

[7] Kerajaan Malaysia juga pernah memperkenalkan **konsep 'Islam Hadhari'** walau pun mendapat reaksi kontroversi dari sesetengah pihak. Konsep ini menjadikan Islam diberi gelaran baru iaitu

'civilisational' sedangkan aspek berkenaan hanya satu fenomena dari Islam dengan istilah biasanya berbunyi 'Islamic civilisation' (Tamadun/Hadharah Islamiah). Walau bagaimanapun, jika tamadun atau hadharah di sini dikaitkan dengan sektor pendidikan, aspek PI hendaklah diambil kira supaya Islam itu benar-benar mempunyai tamadun di zaman moden ini. Jika sebaliknya, Islam hanya menumpang tamadun Barat dalam aspek pendidikan, dan dengan itu tamadun berkenaan adalah cacat dari aspek tersebut.

3.4

Pendekatan dan Strategi PI

Ulasan ini bermaksud untuk memberi idea dasar bagi melihat asas-asas persiapan seseorang untuk memberi laluan yang baik kepada strategi PI. Personaliti yang berkomitmen untuk agenda ini mestilah mempunyai sikap dinamik dan terbuka untuk perubahan dan bersedia menerima asimilasi dengan budaya baru dari segi keilmuan. Antara syarat dan keadaan strategik yang diperlukan ialah:

- [1] Dari segi keilmuan dan kemahiran, seseorang itu mestilah **bersedia menambahkan ilmu** serta memperdalamkannya. Adalah menjadi kewajipan seseorang guru untuk meningkat hatta menjadi ilmuwan rujukan atau pakar dalam bidang masing-masing. Seperti yang dibentuk oleh al-Attas dalam pelan struktur ilmunya (*lihat Lampiran 4*). Ilmu-ilmu fardu ain atau *turath* juga mesti ditahapkan sehingga mencapai pengkhususan atau kepakaran. Walau bagaimanapun ia

berkembang seiring dengan ilmu-ilmu akademik supaya berkorelasi dan membantu pemaknaan (memberi makna dan erti serta nilai) sebenar kepada ilmu akademik tersebut. Seorang pakar fekah misalnya hendaklah dapat menyumbang aspek-aspek kefekahan atau fatwa agama kepada bidang sains dan ekonomi. Contohnya mereka boleh menjadi pegawai syariah kepada sektor sains atau ekonomi.

- [2] Seseorang mestilah bersedia dengan sikap untuk menambahkan ilmu atau **meluaskan ilmunya** kepada bidang-bidang lain atau yang berkaitan. Mereka harus mempunyai bidang ilmu kedua terutama yang bersifat '*cross-subject*' terutama dalam agama dengan akademik. Seorang ustazah atau ustaz sepatutnya di samping subjek agama seperti Quran atau tafsir, juga memahiri sebahagian ilmu akademik seperti kimia, sejarah dan geografi. Ayat-ayat yang ditafsirkan olehnya bukan sahaja yang berkaitan dengan agama malah bidang-bidang lain yang begitu banyak terdapat di dalam al-Quran. Sebagai contoh terdapat lebih 1000 ayat al-Quran mengenai sejarah, malah sejumlah begitu juga tentang sains. Akhirnya tidak ada lagi istilah atau gelaran berasingan antara *ustaz* dan *cikgu*.

- [3] Dalam dunia pendidikan, seperti juga bidang-bidang lain, **guru mesti peka dengan kedinamikan pendidikan** yang terus berlaku dan berkembang dalam berbagai dimensi. Kandungan ilmu, metodologi hatta pedagogi dan

PdP dipertingkatkan mengikut budaya yang cepat berkembang, termasuk budaya teknologi dan komunikasi maya. Begitu juga dengan konsep ilmu dan keperluan-keperluan analisis yang realistik. Dunia Islam telah menyedari hal ini khusus dalam polisi pendidikan, metodologi, hatta buku teks dan pembinaan kurikulum. Dalam hal ini guru-guru mestilah berupaya mengadaptasi dengan cepat akan perkembangan-perkembangan tersebut dalam budaya dan kerjaya mereka. Empat Persidangan dunia Islam yang telah berlangsung pada 1977 di Mekah, 1980 di Islamabad, 1982 di Dakka dan 1984 di Jakarta adalah menjadi rujukan bagi maksud ini. Secara khusus mengenai pedagogi ialah persidangan pada tahun 1984 di Jakarta.

- [4] Orientasi PdP adalah perkara terdekat dengan pelajar, memerlukan para guru **memiliki satu kemahiran** bukan sahaja aspek teknikal, malah kemahiran psikologi juga emosi dan spiritualiti. Di samping itu kebolehan mempunyai aura *modelling* atau kecontohan yang tinggi hingga menjadi *'idola'* kepada pelajar amat diperlukan untuk meningkatkan diri ke status mahaguru dan kemurabbian dalam personaliti atau syaksiah mereka. Dengan itu pelajar akan menjadi *'disciple'* kepada guru untuk pendidikan berlaku secara *'turunan'* bukan sahaja ilmu pengetahuan, juga seluruh karektur pendidikan. Ia termasuk aspek budi bahasa, budaya hidup, hubungan kerohanian, pewarisan fikiran dan ideologi serta aspek-aspek tarbiyah lain yang begitu luas.

- [5] Aspek **kemahaguruan rabbani** yang penting seperti sifat Rasulullah SAW ialah *'qudwah'* atau *'uswah'* (*modelling*). Aspek ini bukan sahaja mesti berlaku dalam konteks kampus sekolah, juga di luar bilik darjah. Jika kejayaan ini dapat dicapai, maka pendidikan akan tidak terhad dalam bilik darjah semata-mata, malah ke dalam komuniti yang lebih luas. Guru akan dibanggakan oleh masyarakat dan menjadi harapan tinggi mereka. Jika masyarakat boleh mengembalikan status silam ini seperti dalam masyarakat awal Islam, banyak persoalan gejala sosial, gejala songsang, dan gejala hedonistik remaja dapat diatasi secara tidak formal. Kos dan pembiayaan tidak perlu.

- [6] **Budaya ilmu** guru dan para ilmuan juga memainkan peranan penting dalam mendokong gagasan PI. Budaya ilmu dalam konteks profesionalisme guru adalah bermaksud keadaan-keadaan di mana ilmu menjadi paksi dan doktrin hingga dimanifestasikan dalam gaya hidup dan keputusan-keputusan profesional guru. Misalnya sesuatu keputusan sosial seperti aktiviti pelajar, mestilah meletakkan kesan akhir yang bersifat kemuliaan ilmu serta keseronokan mencari dan memiliki ilmu. Guru juga menampakkan sebagai sumber ilmu, walaupun tidak dalam bentuk kepakaran menguasai ilmu, tetapi sekurang-kurangnya sebagai sumber dari segi pemilikan bahan-bahan ilmu seperti buku. Rumah seorang guru misalnya sepatutnya mempunyai ruang untuk bersifat keperpustakaan. Jika tidak rumah, masjid dan institusi-institusi sosial juga

mempunyai premis berkenaan. Guru mengambil inisiatif ini dalam masyarakat.

[7] Adalah amat penting kepada gagasan PI untuk mendapat sokongan keberkatan dari nilai juga **adab dan akhlak guru**. Dalam tradisi Islam, persoalan akhlak menjadi pendedahan dan perbincangan yang amat banyak. Dalam konteks guru misalnya al-Ghazali menekankan hal ini dalam 'wazaif'nya, (*sila lihat Lampiran 9*) yang bermaksud aspek ini sebagai 'tageline' seorang guru dalam Islam. Jika guru menyeleweng dari akhlak dan adab ini, pendidikan akan tercalar dan mungkin melahirkan generasi yang tidak bersifat *rabbani* dan 'disciple' kepada guru. Dengan itu aspek ini sepatutnya menjadi doktrin nilai guru (*segmen ini akan dibincang dalam modul komponen 3A*).

3.5

Sejarah Idea Dan Perkembangan Gagasan PI

3.5.1. Idea dan Perkembangan Gagasan

Idea dan perkembangan gagasan PI ini merujuk kepada kesedaran para cendekiawan dunia Islam sejak seawal zaman-zaman akhir 70an (*Sila lihat Lampiran 6*) dengan mengadakan persidangan termasuk empat yang terbesar iaitu Persidangan Pendidikan Islam Sedunia di Mekah (1977), Islamabad (1980), Dhaka (1982), Jakarta (1984). Persidangan-persidangan tersebut telah menyentuh empat aspek pendidikan seperti dalam jadual di bawah ;

| Bil | Tarikh & Tempat | Fokus / Agenda |
|-----|-------------------|--|
| 1 | 1977 Mekah | Konferen Pendidikan Islam 1 Fokus : J/kuasa 1: Definisi dan tujuan pendidikan J/kuasa 2: Pendidikan Islam – dulu & kini J/Kuasa 3: Polisi dan praktis pendidikan |
| 2 | 1980 Islamabad | Konferen Pendidikan Islam 2 Fokus ; [1] 'Curriculum design' (<i>faith-based curriculum</i>) [2] Etika dan nilai |
| 3 | 1882 Dakka | Konferen Pendidikan Islam 3 Fokus; Buku teks (bersifat 'integral part' kepada ilmu). |
| 4 | 1984 Jakarta | Konferen Pendidikan Islam 4 Fokus: [1] Metodologi pengajaran [2] Manual pengajaran |

Persidangan Pendidikan Islam 1 (1977) sebagai batu asas formal dalam isu-isu yang dikemukakan iaitu definisi dan polisi, telah mengemukakan beberapa keputusan melalui Laporan Jawatankuasa Pendidikan dan Masyarakat. Ia boleh diringkaskan seperti berikut (petikan):

[1] **Sesuatu pendidikan Islam itu bersifat Islam atau tidak, adalah di ukur dari berjaya atau tidaknya untuk menerapkan akidah dan larangan (batasan) Islam seperti yang**

dinyatakan dalam kitab suci *al-Quran* dan *Sunnah* sebagai fokus utama dalam semua kegiatan pendidikan. Malah inilah satu-satunya kriteria yang kita boleh nilai tentang sejauh manakah pengislaman matlamat, objektif, kurikulum dan bahan pengajaran sesebuah sistem pendidikan.

- [2] Matlamat dan objektif juga kurikulum bukanlah satu-satunya komponen pendidikan. **Pusat bagi sistem ini ialah guru.** Dengan itu perancangan program pendidikan guru Islam hendaklah diberikan keutamaan tertinggi. Begitu juga perancangan pendidikan, pentadbiran dan pembiayaan hendaklah disusun menurut Islam supaya ia memenuhi kriteria keberkesanan matlamat dan objektif serta keberkesanan dalam kos yang terlibat.
- [3] Institusi **politik** dan proses membuat keputusan politik dalam **negara Islam** hendaklah disusun semula menurut perspektif perwakilan Islam yang popular, perundangan, syura dan bersifat munasabah. Sistem pendidikan boleh secara jelas menyumbang kepada tanggapan sempurna dengan menumpukan kepadanya [pendidikan] dalam berbagai peringkat dan jenis kurikulum pendidikan.

(lihat: M. Wasillah Khan (pent. Mohamad Nordin Zainuddin) (1990) *Pendidikan Masyarakat Dalam Islam*, DBP Kuala Lumpur m.s. 147 & 148) (sila lihat Lampiran 5)

Petikan-petikan di atas adalah merujuk kepada sumber ilmu iaitu *al-Quran* dan *Sunnah*, hukum hakam dalam Islam sebagai parameter, di samping kedudukan guru sebagai faktor terpenting, dan pendidikan yang merentasi semua sektor lain. Kerangka polisi ini adalah amat penting dihayati di semua peringkat termasuk IPT-IPT seperti dalam perkara (3), politik dan Negara Islam. Ia boleh dilunaskan dengan komitmen sektor politik atau pemerintahan kepada pendidikan secara Islam.

3.5.2. Konsep dan Kerangka PI

Bagi menyusuri agenda ini, sayugia diingat bahawa sejak 1977 yang lalu termasuk sebuah persidangan di Switzerland oleh para cendekiawan Islam telah membawa kepada idea '*Islamisation of knowledge*' (PI) yang kemudiannya digarap secara lebih terperinci oleh empat persidangan dunia Islam seperti yang disebut di atas.

Pada peringkat tertentu al-Attas pernah mengemukakan konsep 'dewesternisasi' di samping Islamisasi. Ia lebih merujuk kepada pembersihan dari sifat-sifat kebaratan yang mencorakkan pendidikan seluruh dunia termasuk dunia Islam. Ini termasuk sifat Barat yang berorientasi ketiadaan unsur-unsur ghaib (*ghaibiyat*) dan kewujudan metos-metos Darwinism yang memperkuatkan lagi sekularisasi. Dengan itu 'dewesternisasi' berupa usaha untuk melepaskan diri orang-orang Islam dari sesuatu mitos dan proses yang bersifat pembaratan. Setelah proses dewesternisasi yang akan memperlepaskan dunia Islam dari Barat berlaku, maka persoalan berbangkit ialah mengenai agenda dan tindakan gantian. Di sinilah lahirnya idea Islamisasi sebagai satu agenda atau proses. Sebenarnya Islamisasi lebih berupa usaha mengembalikan tradisi Islam yang menjadi dasar asal ilmu

sejak Nabi Adam AS hinggalah disempurnakan oleh Rasulullah SAW. (lihat juga ; **lampiran 7**)

Walaupun Al-Attas, Al-Faruqi dan Sardar berbeza pendekatan tentang Islamisasi, tetapi yang sebenarnya hanya bersifat perbezaan penekanan dalam mengolah proses Islamisasi. Al-Attas lebih memberi tumpuan utama kepada **faktor manusia** itu sendiri. Beliau mempopularkan idea ini khususnya di ISTAC (International Institute of Islamic Thought and Civilisation) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Sementara al-Faruqi pula melihat bahawa sebelum seseorang Muslim mengalami proses tersebut, disiplin atau **bidang ilmu** itu sendiri hendaklah diIslamkan. Dalam erti kata lain ilmu-ilmu itu hendaklah dipersesuaikan dengan pandangan alam dan nilai-nilai Islam. Ringkasnya beliau menumpukan kepada objek Islamisasi itu sendiri iaitu ilmu. Beliau telah merangkakan 12 langkah-langkah Islamisasi ilmu.

Sardar pula lebih merujuk kepada **epistemologi Islam**, kerana bagi beliau adalah mustahil dan membuang masa sahaja untuk melakukan Islamisasi ilmu kalau pendidikan masih dalam kerangka 'world-view' Barat. Dengan itu 'world-view' atau tasawur Islam mengenai ilmu mestilah dipertegaskan dengan membangunkan epistemologi Islam, yang menjadi sebahagian aspek falsafah. Maka falsafah Islam tentang ilmu seharusnya diperkemas dalam satu rangka yang konkrit.

Dari sudut realiti sekarang, di mana orang-orang Islam terperangkap dengan Barat, serta faktor manusia yang dinamik itu, maka pendekatan al-Attas boleh diketengahkan dengan lebih utama. Inilah juga kenyataan laporan Persidangan Pertama yang melihat guru sebagai faktor penting (**Sila lihat Lampiran 5**). Lagi pun fakta-fakta pengetahuan akan menerima

nilai praktikal melalui tindakan dan amalan manusia. Hal ini boleh diperjelaskan lagi oleh idea al-Attas dalam kerangka skema kedudukan ilmu Islam (tradisi) dan sains dalam konteks klasifikasi dan hierarki ilmu (**Sila lihat Lampiran 4**)...

Rajah langkah-langkah oleh al-Faruqi pula adalah satu susunan tindakan terhadap ilmu yang dengan itu dipercayai akhirnya ilmu itu akan lahir dalam bentuk yang baru atau sepadu. Peringkat pertama adalah peringkat ke 5 di mana berlakunya penemuan relevansi ilmu agama dan moden atau akademik. Secara ringkas, langkah-langkah al-Faruqi adalah mengandungi 10 langkah. Langkah-langkah ke 11 dan 12 berupa langkah penyediaan dan sebaran semula ilmu tersebut.

Dalam hal ini Sardar melihat langkah-langkah itu boleh disekalikan dalam 5 tahap bagi maksud untuk tidak menunggu bagi dilakukan satu persatu. Kemudiannya tahap ke 11 & 12 boleh menjadi tahap 6 dan 7.

Rajah tahap-tahap dan langkah-langkah kedua pendapat tersebut adalah seperti berikut:

| 7 Tahap Sardar (1988) | 12 Langkah al-Faruqi (1982) Ke Arah 'Pengislaman Ilmu' | | |
|-----------------------|--|---|--|
| Tahap 1 | [1] Menguasai ilmu moden | [2] Kajian ilmu-ilmu moden | |
| Tahap 2 | [3] Menguasai Ilmu dan kaedah Islam | [4] Menguasai legasi Islam dan analisis | |

| | | | | |
|----------------|--|--|--|------------------------------------|
| Tahap 3 | [5] Hasil pertama: Memperkenalkan relevansi khusus Islam dan ilmu moden | | | |
| Tahap 4 | [6] Penilaian kritis terhadap ilmu moden – (state of art) | [7] Penilaian kritis legasi Islam – (state of art) | 8] Kajian terhadap problem majoriti umat | [9] Kajian problem manusia sejagat |
| Tahap 5 | [10] Hasil kedua Analisis dan sintesis kreatif (hasil) | | | |
| Tahap 6 | [11] Siaran semula (<i>recasting</i>) ilmu di bawah rangka kerja Islam | | | |
| Tahap 7 | [12] Penyebaran Ilmu bersifat Islamik | | | |

Faktor manusia mengatur dan menyusun klasifikasi ilmu dalam sistem pendidikan adalah amat penting dan hampir bersifat mutlak. Manusia yang bersifat dinamik itu akan menjadikan ilmu ditakrifkan dan disusun dengan baik dan menepati juga epistemologinya (konsep ilmu) yang betul. Manusia jugalah yang akhirnya melakukan penyebaran ilmu bersifat Islamik (i.e. tahap ke 7 oleh Sardar / langkah ke 12 oleh al-Faruqi).

3.6.1. Pendekatan Agenda Islamisasi

Dalam membicarakan aspek pendekatan yang pernah berlaku, Dr. Norhisyam (2015) telah menganalisis 11 pendekatan yang merujuk kepada personaliti atau tokoh juga institusi atau badan-badan, seperti berikut:

Sebelas Pendekatan (Noor Hisham [2015] m.s 57-68)

| Bil | Pendekatan | Orientasi |
|-----|---|--|
| 1 | Syed Muhammad Naguib al-Attas (Pendekatan faktor manusia) | <ul style="list-style-type: none"> - Orientasi Tasawuf – pembebasan manusia dan falsafah mereka dari tahyul kebaratan seperti Darwinism. - Rujukan ilmu adalah kepada bahan asas. i.e al-Quran dan Sunnah - Islamisasi hanya kepada ilmu sekular sahaja, tidak ilmu turath. |
| 2 | Ismail al-Faruqi [Pendekatan faktor subjek] | <ul style="list-style-type: none"> - Berorientasi fekah dan salafi (tradisi awal Islam) serta sentisis subjek-subjek. - Gabungan ilmu Barat kepada sistem Islam – melalui kerangka 12 langkah. |

| | | |
|---|---|---|
| 3 | Taha Jabir al-Awani [Pendekatan faktor subjek] | <ul style="list-style-type: none"> - Pendekatan dua bacaan sebagai sumber ilmu iaitu wahyu dan realiti (sains). - Mendahulukan ilmu warisan al-Quran |
| 4 | Alparssalan Acikgenc (Turki) (Pendekatan faktor manusia dan subjek) | <ul style="list-style-type: none"> - <i>Islamic worldview</i> (Pandangan alam Islam) sebagai dasar bagi epistemologi Islam |
| 5 | Osman Bakar [Pendekatan faktor subjek] | <ul style="list-style-type: none"> - Pendekatan struktur keutamaan / susunan pengetahuan Islam atau <i>Maratibul Ulum</i>. (classification of sciences) |
| 6 | Shahrir Mohamad Zain [Pendekatan faktor subjek] | <ul style="list-style-type: none"> - Menekankan sistem nilai setempat (i.e. Melayu-Islam) dalam sains. - Membina sains mengikut acuan budaya ilmu & bahasa sendiri. |
| 7 | Maurice Bucaile (Perancis) (Pendekatan faktor subjek) | <ul style="list-style-type: none"> - Mencari kesesuaian / relevansi penemuan ilmiah dengan ayat-ayat al-Quran. |

| | | |
|----|--|--|
| 8 | IFIAS (International Federation of Institute of Advance Study) (Stockholm 1984) (Pendekatan faktor subjek) | <ul style="list-style-type: none"> - Kepentingan Sistem nilai dalam kerangka penunaian tanggungjawab dan fungsi sosial ilmu. (<i>seminar knowledge & values</i>) |
| 9 | Kelompok Ijmali (Pelopor ; Sardar) (Pendekatan faktor manusia dan subjek) | <ul style="list-style-type: none"> - Sains adalah sarat nilai (<i>value laden</i> - tidak neutral) - Melakukan penyelidikan untuk masyarakat mengikut etika Islam dari al-Quran |
| 10 | Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI) - 1977. (Pendekatan faktor subjek) | <ul style="list-style-type: none"> - Ketidakterpisahan ilmu dari prinsip-prinsip Islam. - Mendokong al-Quran sebagai sumber inspirasi dan, - Bahasa Arab / Bahasa al-Quran mempunyai hak asli sebagai bahasa ilmu |
| 11 | Kelompok Aligard - Pelopor; Zaki Karmani. (Pendekatan faktor manusia dan subjek) | <ul style="list-style-type: none"> - Sains Islam berkembang dalam suasana <i>'ilm</i> dan <i>tasykir</i>¹ - gabungan sekaligus sains dan etika. |

Keseluruhan sebelas pendekatan-pendekatan tersebut boleh dirumuskan bahawa semuanya tidak terlepas dari dua pendekatan asas iaitu pendekatan oleh Naquib al-Attas dan al-Faruqi. Al-Attas melihat dari perspektif falsafah dan kedudukan faktor manusia dalam responsnya terhadap orientasi kebaratan yang menguasai ilmu sekarang. Sementara al-Faruqi mengatur agenda-agenda tindakan. Tiap pendekatan ini seharusnya dihadhkan oleh semua pihak terutama IPT-IPT. Pendekatan yang pelbagai tersebut boleh memperluaskan dinamika tindakan mengikut orientasi dan budaya serta keupayaan institusi berkenaan. Seharusnya pula tiap tindakan tersebut bersifat komplementer (sokong-menyokong) antara satu sama lain dengan kekuatan-kekuatan tersendiri yang berbeza-beza.

3.6.2. Kritikan & Respons

Terdapat tiga kelompok kritikan (Noor Hisham [2015] – ms. 68-70) terhadap agenda Islamisasi ini termasuk yang menolak gagasan tersebut secara keseluruhan seperti Afzalur Rahman (1988). Beliau berpendapat bahawa ilmu pengetahuan pada dasarnya adalah baik dan tidak perlu diIslamkan. Permasalahan ilmu hanya dari sudut penyalahgunaannya. Abdul Salam (1992) berpandangan bahawa sains adalah mengkaji fakta-fakta, objektif, dan bebas dari pengaruh manusia, budaya atau agama. Dengan itu kumpulan ini mendokong sains sebagai bebas nilai (*value-free*).

Sementara yang mengkritik dari sudut-sudut tertentu pula tetapi tidak menolak secara total ialah seperti Sardar (1990). Beliau melihat gagasan PI itu mempunyai kecacatan kerana terlalu bersifat teknikal seperti rajah 12 langkah oleh al-Faruqi khususnya langkah ke 5 (lihat rajah di atas) iaitu 'menentukan penyesuaian Islam yang khusus terhadap disiplin ilmu moden'.

Beliau berpendapat perkara itu sepatutnya berlaku sebaliknya iaitu dengan menentukan 'penyesuaian' fakta-fakta atau penemuan sains sains kepada prinsip-prinsip atau asas yang terdapat di dalam al-Quran. Dalam hal ini beliau lebih menumpu kepada perubahan 'pandangan alam' (*world-view*) berbanding ilmu dan aspek teknikal hatta objek ilmu itu sendiri iaitu manusia, seperti pendapat al-Attas.

Kelompok ke tiga pula melihat kepada keperluan ilmu itu untuk berfungsi memperteguhkan jati diri manusia atau keimanan mereka. Dengan itu kosmologi ilmu kebaratan kini mestilah di'agama'kan atau diIslamkan sebagaimana yang diresolusikan oleh Persidangan Mekah 1977 mengenai definisi, tujuan dan polisi pendidikan.

3.6.3. Sikap Modul Ini

Berbagai pendekatan, malah kritikan-kritikan di atas boleh dilihat sebagai keadaan yang membuka ruang untuk bersifat dinamik dan keterbukaan bagi pelaksanaan gagasan dan agenda PI. Ia juga merujuk kepada keupayaan yang berbeza untuk masyarakat berbeza juga zaman dan tahap berbeza. Dengan itu, gagasan ini memerlukan usaha-usaha yang bersifat konkrit menyusul dengan sebaiknya.

Asas bagi pendokongan terhadap gagasan ini ialah merujuk kepada isu-isu yang timbul dalam pendidikan termasuk pendidikan tinggi. Ternyata pendidikan moden gagal mencapai tujuan *rabbani* dan penghasilan '*an-Nafsul Mutmainnah*' seperti yang dikehendaki oleh Islam. Jika ditinjau dari segi latar belakang masalah ini, kegagalan ini berkait dengan berbagai aspek, dari aspek falsafah (metafizik dan epistemologi) hinggalah aspek teknikal hatta dalam bentuk kurikulum dan

PdP. Usaha ini pula lebih berbentuk untuk memberi keutamaan mengikut keupayaan institusi berkenaan dengan orientasi kepada penyelesaian masalah, bukannya untuk tiap satu mengatasi yang lain.

Modul ini menyarankan semua pihak mengambil pendekatan 'synchronisation' iaitu **rumusan adunan kepada berbagai kecenderungan pendekatan-pendekatan** (i.e 11 pendekatan) tersebut. Ia sesuai dengan sifat tamadun Islam sendiri yang bersifat *syncretic civilization*. Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) bertekad mendokong pendekatan sinkronisasi (*synchronisation*) ini. Dengan itu, semua pihak boleh berperanan mengikut keupayaan dan kecenderungan masing-masing sebagai unsur pelengkap kepada pendekatan al-Attas, al-Faruqi dan Sardar. Ia haruslah diterjemahkan dalam pelan mengajar (*lesson plan*) dalam kegiatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) seseorang guru.

Aspek yang jelas dalam falsafah pendidikan moden ialah ketiadaan tujuan ukhrawi. Orientasinya pula tidak kesampaian ke tahap *rabbani*, di mana tujuan-tujuan pendidikan hanya untuk keberhasilan modal insan atau kemahiran-kemahiran teknologi sahaja. Modul ini berpendapat bahawa gagasan 'modal insan' hanya menghasilkan warga negara duniawi yang baik tetapi belum tentu sebagai warga syurga yang diterima oleh Allah SWT. Ia tidak menghayati konsep manusia *rabbani* yang dikehendaki oleh Islam atau al-Quran.

Falsafah Pendidikan Tinggi Sains di Malaysia misalnya (lihat kenyataan awal di atas) walaupun menyebut tentang menjadikan ahli sains sebagai 'mendekati Tuhannya', tetapi tidak dinyatakan dengan jelas akan visi ukhrawi yang

dimaksudkan. Falsafah itu menyebut setakat tujuan mencipta diri ahli sains yang baik secara peribadi, tetapi tidak bersifat strategik keakhiratan bagi diri dan masyarakatnya. Bentuk ilmu yang sedemikian akan menghalang guru dari bersifat atau mendokong terma-terma *tarbiyah, ta'lim, tadrīs, ta'dīb dan irshad* (lihat **Lampiran 3**) yang diharapkan. Malah ilmu mereka tidak menepati kosmologi ilmu yang bersifat sepadu sebagaimana al-asma' (nama-nama / ilmu-ilmu) yang diperturunkan oleh Allah SWT buat pertama kalinya kepada manusia iaitu Adam (A.S.) di syurga. Ilmu kini menjadi bahan fizikal tanpa roh ketuhanan dan kenabian. Guru gagal mewarisi sifat nabi dalam profesyennya.

Dari sudut personaliti, Islam menyebut dengan panggilan orang-orang berilmu sebagai *Ulul Albab* yang mempunyai kriteria-kriteria tertentu seperti takutkan Allah SWT. Mereka itu seperti yang disifatkan oleh al-Quran bermaksud :

"Orang-orang yang mengingati Allah ketika berdiri dan duduk, ketika berbaring dan mereka memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (seraya mengatakan) tidaklah Engkau menjadikan ini dengan sia-sia, Maha-Suci Engkau, peliharalah kami dari azab neraka."

(Ali 'Imran : 191)

Ayat ini menunjukkan dengan jelas kumpulan yang dimaksudkan iaitu mereka yang dapat memikir dan menganalisis langit dan bumi. Mereka adalah para ilmuan khususnya ahli-ahli sains. Kegiatan mereka menghasilkan sifat merasai kebesaran Allah (*Rabbani*) dan berstrategi supaya terelak dari keterjebakan kepada neraka. Ayat ini juga adalah sebagai panduan atau hujayah kepada sektor sains dari sudut unsur-unsur ketuhanan dalam kurikulum pendidikan termasuk pelajaran sains hatta aspek PdP subjek tersebut.

Ternyata sifat-sifat sedemikian belum sepenuhnya dimiliki oleh ahli-ahli ilmu moden. Dengan itu, gagasan PI boleh menjadi agenda jawapan.

3.7

Hasil Jangkaan Gagasan - Ciri-ciri Ilmu dan Tradisinya

Hasil yang diharapkan berlaku dari gagasan ini ialah bentuk ilmu dan ahlinya yang kembali bersifat seperti yang wujud dalam Tamadun Islam. Di antara ciri yang dapat diperhatikan ialah ;

- [1] **Setiap ilmu bertunjangkan akidah.** Ia merujuk kepada Allah SWT sebagai sumber dan pemberi ilmu sesuai dengan sifatNya sebagai Yang Maha Mengetahui (al-'Alim). Manusia hanya objek yang berpengetahuan. Ini termasuk ilmu-ilmu yang diusahakan (*required knowledge*). Tidak ada ilmu yang terlepas dari persoalan akidah, di mana ilmu yang benar juga membawa kepada kekukuhan akidah terutama ilmu sains yang akan mencipta rasa kebesaran Allah SWT dalam diri ahli sains tersebut. Allah SWT Pencipta sistem graviti, dan manusia hanya penemunya (*discoverer*) sahaja. Inilah di antara maksud Allah SWT sebagai sumber ilmu.
- [2] **Wahyu adalah menjadi rujukan berwibawa** walaupun mungkin maklumat darinya tidak diterima oleh logika akal manusia. Aspek-aspek yang di luar jangkaan empirikal seperti alam ghaib, syurga dan neraka, malaikat, mukjizat dan alam kubur adalah ilmu yang membawa kepada kebenaran hidup

manusia yang mengakuinya. Dalam sains pun terdapat unsur-unsur yang diistilahkan sebagai 'miracle', yang menunjukkan ada sesuatu perkara yang berada di luar empirikalism [ujikaji] manusia. Dengan sifat sedemikian, manusia bukan sahaja mempunyai satu jenis ilmu yang 'acquired' (didapati secara kajian] tetapi juga yang bersifat 'transmitted' [melalui penurunan wahyu). Gabungan ilmu jenis 'akademik' dan 'turath' inilah yang menjadi ciri ilmu Islam.

- [3] **Ilmu bukan sahaja berkategori kepada dua jenis seperti dalam perkara [2] di atas, malahan juga bersifat saling kukuh memperkukuhkan antara satu sama lain.** Dalam keadaan tertentu ilmu dan maklumat di dalam al-Quran memberi penandaan (*symbolism*) dan galakan untuk kajian sains seterusnya. Begitu juga penemuan oleh sains boleh memperkukuhkan kebenaran wahyu di hati manusia, walau pun kebenaran wahyu tidak bergantung atau berdasarkan penemuan sains. Bila bentuk ilmu yang dimiliki adalah sedemikian, maka **ilmu juga akan bersifat sepadu atau integratif.** Ilmuan sedemikian disebut sebagai 'al-rasikhun fil ilm' yang menjadi pelita masyarakat. Hidup ilmuan adalah bagaikan pelita, bukan lilin yang membakar diri untuk menerangi orang lain.
- [4] **Ilmu yang diajar sepatutnya dapat menjelaskan kedudukan Islam sebagai pencetus ilmu berkenaan.** Bukan sahaja ilmu-ilmu agama atau turath juga ilmu sains dan teknologi yang ternyata dimulakan oleh manusia Islam. Nama-nama penting

ahli sains dan istilah sains di Barat sebenarnya adalah orang-orang Islam seperti *Avecinna* (IbnSina), *Al-Betegnious* (Al-Battani), *Algorism* (Al-Khawarizmi) dan lain-lain. Malah ilmu itu bermula dari pengetahuan Nabi Adam A.S. yang telah mempunyai ajaran langsung dari Allah SWT di alam arasy atau syurga. Para Malaikat sendiri menerima pengajaran dan ilmu dari Adam A.S. Ringkasnya pendidikan moden sepatutnya mempunyai hubungan dengan tradisi Islam ini dalam proses pendidikan yang dilakukan. Malangnya orientasi yang bersifat kebaratan (*western oriented*) menenggelamkan semua fakta dan tradisi ini hatta oleh orang-orang Islam sendiri. Untuk tujuan ini, matapelajaran sejarah dan falsafah sains Islam sepatutnya diadakan khusus untuk pelajar sains misalnya.

- [5] **Sifat Ilmu Islam bukan sahaja sepadu malah bersifat berhierarki.** Di dalam Islam terdapat falsafah dan sistem pengkelasan ilmu (*maratibul ulum*) yang merujuk kepada hierarki. Ilmu fardu ain misalnya berhierarki lebih tinggi dan menjadi kewajipan semua orang mempelajarinya. Sedangkan ilmu sains bersifat fardu kifayah dan wajib kepada sebahagian ahli masyarakat sahaja. Ilmu matematik (hisab) misalnya menyumbang kepada ketepatan waktu sembahyang, kiraan zakat, ketepatan jarak jauh untuk musafir dan sebagainya. Dengan itu, kandungan kurikulum juga mestilah bersifat sedemikian hatta kepada kandungan satu sukatan mata pelajaran tertentu.

- [6] **Komponen ilmu fardu ain mestilah wujud sama ada secara integratif atau dalam susunan antara ilmu-ilmu yang diajarkan.** Sayugia diingat bahawa sifat ilmu fardu ain itu anjal mengikut perkembangan dan keperluan ilmu fardu kifayah. Seorang pakar ekonomi misalnya memerlukan ilmu fekah yang lebih tinggi kerana komplikasi bidang ekonominya. Malah ilmu ekonomi dari sudut tugas mempelajarinya adalah bersifat kewajipan fardu ain kepada mereka atau pelajar di bidang tersebut, walau pun bersifat fardu kifayah kepada semua ahli masyarakat (*sila lihat lampiran 4*).

- [7] **Pembelajaran ilmu dalam Islam adalah berorientasi kepada rabbani dari sudut sebab musabab atau kaitan tentang arahan asal tugas tersebut.** Ini berkaitan dengan ayat pertama al-Quran yang merakamkan perintah belajar adalah di atas nama Allah SWT yang menjadikan manusia. Pendidikan pula seharusnya dalam bahasa ibunda masing-masing kerana bahasa itu sendiri adalah anugerah Allah SWT untuk tiap bangsa tersebut. Pendidikan dengan orientasi bahasa sedemikian akan membuka petunjuk Allah SWT akan khazanah alam ini. Dengan itu pendidikan akan mengembangkan pembudayaan tersendiri untuk bangsa tersebut melalui bahasa mereka. (*sila Lihat Lampiran 2*).

Ideal dan rasional PI telah ternyata, tetapi keadaan semasa termasuk di Malaysia tidak menjanjikan jalan pelaksanaannya semudah yang diharapkan. Banyak halangan dan gangguan menanti.

Secara institusi, Dr Noor Hisham (2015) memetik pendapat Shahrir Mohd Zain dan Rosnani Hasyim yang berpendapat 'stamina' untuk merealisasikan projek Islamisasi ini semakin menurun bahkan sudah berada pada titik yang paling rendah' (m./s 231 - 232).

Ini disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya:

1. Ketiadaan kepimpinan berwibawa untuk meneruskan kelangsungan misi ini kerana terpaksa mengundurkan diri atau diundurkan kerana desakan politik atau masalah-masalah dalaman yang lain.
2. IPT yang terlibat tidak mempunyai strategi jangka panjang dan jangka pendek untuk memberi kefahaman kepada seluruh warganya mengenai agenda pendidikan bersepadu dan PI serta langkah-langkah yang seharusnya diambil.
3. Kebanyakan IPT kini tidak lagi menggalakkan penuntutnya mempelajari secara serius bidang falsafah ilmu warisan Islam dan Barat. Pada masa yang sama, sebahagian besar para intelektual Muslim tidak menguasai bidang falsafah mahupun tasawur Islam.

4. Kesibukan intelektual muda membuat penyelidikan empirikal yang hanya membincangkan faktor-faktor luaran yang bersifat kuantitatif.
5. Kegiatan ilmiah ahli sains Muslim tidak berlandaskan prinsip tauhid dan akidah yang kukuh serta falsafah yang jelas.
6. Sejumlah besar ahli akademik kurang keyakinan terhadap potensi misi ini dan tidak melaksanakannya secara serius.

Modul ini melihat perkara-perkara di atas adalah cabaran semasa bersifat mikro yang memerlukan keperhatian malah keimanan Muslim seluruhnya. Dalam aspek alam pendidikan secara makro pula, beberapa perkara berikut adalah cabaran yang memerlukan keperhatian semua pihak. Antaranya ialah ;

Dasar Pendidikan Negara

Dasar pendidikan negara berorientasi nasionalism dan kapitalism yang tidak melihat unsur-unsur ukhrawi sebagai tujuan akhir. Tema 'modal insan' mengheret pendidikan hanya bermatlamat melahirkan ejen-ejen perubahan pembangunan fizikal. Aspek keagamaan hanya menjadi keperluan personal. Tujuan abadi atau ukhrawi tidak dinyatakan dengan jelas.

Keputusan-keputusan Dramatik Pendidikan

Hal ini merujuk kepada budaya politik yang banyak bergantung kepada kedudukan popular. Sektor pendidikan menjadi mangsa alat politik bagi mereka yang ingin mencuba idea-idea baru tanpa perancangan teratur. Kadang-kadang keputusan pendidikan hanya dibuat di atas sentimen seorang menteri baru yang ingin memperkenalkan sesuatu yang baru. Contohnya ialah isu Bahasa Baku juga PSMI.

Pemikiran Politik dan Ideologi Politik

Di Malaysia, pemikiran politik dan ideologi parti pemerintah banyak menentukan dasar dan polisi pendidikan. Seminar-seminar dan persidangan pendidikan mendapat hala tuju atau pengarah politik demi kepentingan politik berkenaan. Seorang menteri pendidikan juga seorang ahli politik yang menang pilihanraya, bukan seorang teknokrat pendidikan. Hasilnya terdapat sikap memberontak di mana lahirnya percambahan sekolah-sekolah yang tidak sealiran dengan kerajaan. Sekolah Agama Rakyat (SAR), dan sekolah tahfiz swasta adalah dalam contoh ini, dan akhirnya meningkatkan lagi kadar keterjebakan pendidikan dalam dikotomik dua dimensi (agama vs akademik). Di peringkat pengajian tinggi sendiri, kemahasiswaan dan akademia tidak terlepas dari kongkongan politik seperti akta Kolej dan Kolej Universiti (AUKU 1975, pindaan 1995).

Pemikiran Naif Profesionalisme Guru

Walau pun kerjaya guru dianggap sebagai satu bidang profesional, tetapi kemudahan, galakan, peluang dan insentif tidak berwatak sedemikian. Kerjaya guru menjadi pilihan tidak popular kerana faktor ini, apatah lagi bila dikaitkan dengan kepentingan politik. Guru kehilangan visi dan misi yang telah digarapkan hatta tidak pun menghayati falsafah pendidikan negara. Kerjaya guru tidak dilihat kerjaya yang mulia berbanding kerjaya lain kerana ukuran nilai kebendaan yang rendah. Terdapat salah laku guru yang menunjukkan mereka tidak menghormati profesyen mereka sendiri. Seorang guru didapati menghafal falsafah pendidikan hanya ketika ingin menghadiri temu duga sahaja.

Hambatan Atau Tekanan Nilai Sosial

Perubahan masyarakat dari segi ekspektasi dan keperluan kepada pendidikan amat tinggi. Tetapi secara kontra pula, nilai sosial yang diberikan oleh masyarakat kepada golongan guru amat rendah di mana tidak sepadan dengan ekspektasi. Golongan guru tidak ditanggapi sebagai golongan teras masyarakat seperti dalam tradisi Islam silam, hatta sesetengah guru agama. Masyarakat banyak bersandar kepada golongan-golongan politik dan korporat dalam membuat keputusan-keputusan sosial malah pendidikan. Apatah lagi jika guru itu sendiri bersikap inferior dengan tugas dan sektor berkenaan.

Karenah Pentadbiran - Pengurusan Primitif

Karenah pentadbiran yang banyak merujuk kepada perlakuan manusia juga boleh menjadi faktor penghambat kepada usaha-usaha kependidikan, khususnya agenda PI. Hakikat ini mungkin bermula dari ketidakfahaman dan ketiadaan maklumat latar belakang agenda tersebut. Para pentadbir institusi pendidikan melihat institusinya sekadar sebuah jabatan yang menguruskan pentadbiran manusia dan aktiviti. Misi PI dianggap hanya agenda akademik, malah bermotif politik, bukan keperluan pengurusan. Dengan itu agenda PI tidak mendapat sokongan padu dari pihak pengurusan institusi.

Jawapan ringkas kepada isu-isu berbangkit di atas hanya dengan satu tema iaitu '**Pengislaman Profesionalisme**'. Ia seharusnya dilakukan secara pelan tindakan yang Islamik dan strategik termasuk mengembalikan pendidikan ke dalam kerangka dasar **Membangun Bersama Islam (MBI)**. Pendidikan seharusnya bersifat *Rabbani* bukan sekadar manusiawi. Pendidikan mestilah menjadi sektor induk negara, bukan sekadar satu cabang keperluan negara.

3.9

Contoh-contoh Soalan Untuk Bengkel

Di sini dicontohkan beberapa soalan yang boleh menjadi isu-isu yang hendak dibengkelkan. Ia juga sebagai panduan atau rujukan tentang kandungan-kandungan penting komponen ini (i.e Pengislaman Ilmu).

1. Nyatakan **sejarah** kemunculan idea Pengislaman Ilmu di dunia Islam sejak zaman awal hingga ke zaman moden serta jelaskan rasionalnya perkara tersebut dalam konteks Malaysia.

2. Kepentingan agenda Pengislaman Ilmu dikaitkan dengan fenomena **masalah-masalah** dan **implikasi** hatta terhadap aspek akidah atau pegangan agama umat hasil dari pendidikan Barat terhadap dunia Islam. Jelaskan.

3. Pengislaman Ilmu dijangka menimbulkan nilai-nilai baru kepada pelajar juga bentuk ilmu yang mereka dijangka memilikinya. Jelaskan **dua perkara bergaris** tersebut secara berkaitan.

4. Apakah maksud '**sinkronisasi**' (synchronisation) yang menjadi pendekatan Kelantan dalam mengisi agenda 'Pengislaman Ilmu', serta nyatakan **lima dari pendekatan** berbagai tokoh dan institusi termasuk yang dinyatakan oleh al-Attas & al-Faruqi.

5. Anda berperanan menjayakan strategi Pengislaman Ilmu melalui **tindakan-tindakan sendiri**. Jelaskan hal ini melalui tata kelola diri, pelaksanaan tugas juga etika kerja anda sebagai seorang guru yang profesional.

6. Terdapat berbagai cabaran menunggu anda dalam menyokong agenda Pengislaman Ilmu dalam konteks Malaysia. Apakah **cabaran-cabaran** tersebut serta berikan **cadangan-cadangan** anda dalam menghadapi atau mengatasinya.



BAB 4

MODUL 3A [AKIDAH, AKHLAK & ADAB (ETIKA KERJA)]



4.1.1. Rasional

Kandungan Islam itu sendiri terdiri dari komponen akidah, syariah dan akhlak. Justeru kepentingan nilai adalah unsur pengesahan akidah dan syariat. Rasulullah SAW sendiri menyatakan risalah '**penyempurnaan akhlak mulia**' sebagai misi kerasulan Baginda SAW. Punca nilai adalah dari alam tinggi iaitu penentuan oleh Allah SWT, dan Rasulullah SAW adalah bertugas memanifestasikan sistem nilai tersebut dalam adab dan etika Baginda SAW. Ia terkandung di dalam al-Quran sebagai rujukan sebagaimana akhlak Rasulullah SAW itu adalah al-Quran itu sendiri.

Sistem nilai adalah menjadi kayu ukur normatif kepada prestasi sesuatu kerjaya. Begitu juga dengan kerjaya guru yang tentunya mempunyai tanggungjawab bukan sahaja menyampaikan maklumat dan ilmu, bahkan memberi dan menanam nilai kepada pelajar. Dengan itu mereka mestilah mempunyai kayu ukur atau piawaian yang tinggi dalam aspek ini sebagai prasyarat keesahan sifat keguruan mereka.

Nilai bukan sahaja penampilan etika secara normatif, juga bersifat dalaman yang menjadi asas dan orbit kepada akhlak (*morality*) dan adab (*ethics*). Modul ini mengambil terma akidah sebagai sistem nilai dalaman, dan akhlak sebagai sistem nilai keinstitutional sementara adab sebagai bermaksud kepada etika kerja dalam praktikaliti harian atau sifat-sifat normatif diri atau personal dalam kerjaya tersebut seperti etika guru dalam sekolah dan bilik darjah.

4.1.2. Objektif

Secara umum tujuan modul ini bermaksud kepada usaha untuk melahirkan guru yang memahami asas-asas akidah, akhlak dan adab (etika) sebagai sistem nilai, serta menghayatinya dalam lapangan kehidupan profesional juga personal. Sistem ini dilaksanakan berdasarkan kepada MBI dan falsafah UMI di samping Pengislaman Ilmu (PI) sebagai agenda.

Secara khusus modul komponen 3A ini bertujuan membolehkan peserta ;

- (1) Memahami dan menjelaskan akidah sebagai suatu pegangan hidup dan kepentingannya dalam mewujudkan pendidikan *rabbani*.
- (2) Bertindak memanifestasikan perkaitan antara akidah dan akhlak serta adab dalam usaha membentuk peribadi guru contohan (*mithali*).
- (3) Membuat taksiran ke atas penampilan akidah, akhlak dan adab (etika) dalam aspek P&P khususnya dan kehidupan umumnya.

4.1.3. Hasil Pembelajaran

Sebagai usaha untuk memastikan para guru menepati sistem nilai Islam, pada akhir kursus ini peserta dijangka dapat :

- (1) Menjelaskan aqidah dan tasawur tentangnya serta tuntutan berakidah berasaskan al-Quran dan Sunnah serta signifikannya kepada akhlak dan adab profesionalisme keguruan.

- (2) Menggunakan sistem akhlak Islamiah dalam tugas keguruan serta berusaha membentuk kesan tersebut kepada pendidikannya terhadap murid-murid.
- (3) Beretika secara profesional dan keagamaan dalam profesionalisme guru melalui tradisi keguruan dalam Islam.
- (4) Membuat taksiran ke atas penampilan aqidah, akhlak dan adab (etika) dalam PdP secara khusus.

Modul ini mengambil perhatian penting tentang kemuliaan-kemuliaan tugas mengajar sebagaimana yang dirakamkan oleh al-Quran juga hadis-hadis Rasulullah SAW. (sila lihat **Lampiran 8**). Dengan kepercayaan akan kemuliaan ini, barulah para guru dapat mendokong sistem nilai yang akan dibincangkan.

4.1.4. Pendekatan

Modul ini menggunakan kaedah perbincangan kepada ayat-ayat asas al-Quran dengan menggali isi-isi keaqidahan, keakhilkan dan adab serta membentangkannya dalam kumpulan. Panduan akan diberikan oleh fasilitator tentang cara-cara untuk unsur-unsur itu dikaitkan dengan UMI sebagai falsafah kepada MBI dalam konteks kerjaya keguruan.

Refleksi dan muhasabah tentang isu-isu berkaitan juga dilakukan dengan mengambil pendekatan alternatif penyelesaian masalah. Contoh-contoh praktikal dari pengalaman peserta diresolusikan dari perbincangan atau bengkel dalam bentuk konsensus sebagai pengukuhan dan tekad bersama.

Tiap peserta dikehendaki memiliki al-Quran terjemahan serta kitab tafsir jika ada untuk rujukan perbincangan.

4.2.1. Kandungan Surah al-Ikhlâs, al-Fatihah & ayat Kursi

Kandungan Surah al-Ikhlâs [terjemahan]

1. Katakanlah (wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa;
2. "Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat;
3. "Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan;
4. "Dan tidak ada sesiapaupun yang serupa denganNya".

Kandungan al-Fatihah [terjemahan]


1. Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.
2. Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang Memelihara dan Mentadbirkan sekalian alam.
3. Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.
4. Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari akhirat).
5. Hanya Engkaulah sahaja (Ya Allah) yang kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan.
6. Tunjukilah kami jalan yang lurus.
7. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai (Yahudi) dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat (Nasrani).

Kandungan Ayat Kursi

[Terjemahan ayat 255 surah Al-Baqarah]

"Allah, tidak ada Tuhan selain Dia yang maha hidup yang terus menerus hidup dan mengurus (makhlukNya). Tidak mengantuk dan tidak tidur. MilikNya apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi. Tidak ada yang boleh memberi syafaat di sisiNya tanpa izinNya. Dia mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, dan mereka tidak mengetahui sesuatu apa pun tentang ilmuNya melainkan apa yang Dia kehendaki. KursiNya meliputi langit dan bumi. Dan Dia tidak merasa berat memelihara keduanya. Dan Dia Maha Tinggi lagi Maha Agung."

Gambar rajah di bawah disusun sebegitu rupa untuk menggambarkan hubungan yang dicadangkan dilihat oleh para guru tentang kaitan ketiga-tiga surah dan ayat tersebut. Surah al-Ikhlas bermesej kepada status quo Allah SWT yang memberi makna kepada kedudukan manusia sebagai hambaNya. Begitulah juga surah **al-Fatihah** boleh dirumuskan akan bentuk dan kaitan-kaitan tanggungjawab [akauntabiliti / mas'uliyah] manusia dalam kehidupan mereka. Sementara ayat **al-Kursi** adalah menggambarkan sifat-sifat Allah SWT yang sepatutnya membentuk corak hidup manusia yang membuatkan mereka bersifat itqan dalam kerjaya.



Dengan itu korelasi falsafah UMI boleh dirumuskan seperti berikut; **'Ubudiyyah** dirumuskan dari kandungan asas imej dan mesej tauhidyyah Allah ke atas manusia seperti dalam surah al-Ikhlas. **Mas'uliyah** pula dirumuskan dari imej dan mesej surah al-Fatihah sebagai Ummul Kitab, sementara **Itqan** dirumuskan dari imej dan mesej ayat Kursi untuk aplikasi (diguna pakai) oleh manusia.

4.2.2. Tafsiran Struktur

1. Asas sesuatu adalah **akidah** kepada keesaan Allah SWT seperti imej dan mesej dari surah al-Ikhlas, yang dipamirkan melalui **tanggungjawab** sebagaimana tergambar dalam Surah al-Fatihah dan dijelmakan dalam **tindakan** seperti imej dan mesej ketuhanan dari ayat-ayat Kursi.
2. Guru adalah mustahil untuk menjadi Nabi atau Rasul sepenuhnya. Namun akhlak mereka dalam berdakwah & bekerja mestilah ditiru atau **dicontohi** oleh para guru. Itulah model syahsiah [*qudwah / uswah*] untuk Muslim.
3. Kita juga mungkin sukar mencapai tahap *siddiqin, syuhada'* dan *solihin* seperti para sahabat Rasulullah SAW. Tetapi boleh menghampiri tahap tersebut sebagai **cita-cita** setiap guru melalui profesyen mereka. Walau macam mana pun, potensi untuk menjadi demikian terbuka kepada semua.

Kerangka Konstruktif Sistem Nilai Islam :

| Status-Quo | Asas | Proses | Hasil |
|--------------------|----------------|-----------------|------------------------|
| Falsafah / Tonggak | 'Ubudiyyah | Mas'uliyah | Itqan |
| Kontekstual nilai | Akidah [dalam] | Akhlak [luaran] | Adab [aplikasi khusus] |

Komentar: Hasil kecemerlangan etika dan moral Islam di mana seseorang itu mempunyai adab dan itqan adalah berasas kepada akidah dan falsafah 'ubudiyyah. Ubudiyyah adalah falsafah dan tonggak serta teras kepada kerjaya manusia sementara akidah adalah nilai dalaman bagi entiti manusia.

Sementara kecemerlangan Barat adalah tanpa asas dalaman, iaitu tidak mempunyai agama (*akidah & `ubudiyah*). Inilah yang melahirkan ungkapan '*excellence without soul*' (*kecemerlangan tanpa roh*) bagi tamadun Barat kini. Asas kepada kecemerlangan mereka hanya bersifat ideologi atau ism-ism ciptaan manusia seperti humanism, utilitarianism dan lain-lain.

Modul ini mengambil pendekatan aplikasi mesej dari ketiga-tiga ayat di atas (al-Ikhlash, al-Fatihah dan ayat Kursi) terhadap sistem nilai manusia. Ia bermaksud ayat-ayat tersebut adalah sandaran kepada sistem nilai yang dipakai oleh manusia. Maka dengan sedemikian segala tindak tanduknya adalah bersifat rabbani atau keagamaan. Modul ini mengharapkan para peserta kursus menelurkan sistem nilai itu ke peringkat kerjaya mereka sebagai etika guru. Sebagai contoh terdapat ayat '*alhamdulillah Rabbi 'alamin*' yang memberi mesej atau makna bahawa di antara akhlak Islam ialah bersyukur dan memuji Allah SWT. Akhlak ini dilaksanakan oleh guru dalam etika atau adab mereka sebagai pendidik rabbani dengan selalu menyebut ucapan *Alhamdulillah*. Ucapan ini mempunyai akar umbinya kepada ayat-ayat Allah SWT yang memberi makna etika itu adalah tafsiran aplikatif kepada imej dan mesej al-Quran.

Modul ini melihat pegangan nilai dalaman tentunya akan melahirkan sistem luaran atau satu set sistem nilai yang menjadi praktis kehidupan seseorang. Seterusnya sistem nilai tersebut membentuk etika perilakunya dalam aktiviti khusus seperti bilik darjah. Ia boleh dihuraikan oleh rajah berikut :

| Pegangan Dalaman (Akidah) | Sistem Luaran (Akhlag) | Etika Guru (Adab) <i>Aplikasi / manifestasi dalam bilik darjah</i> |
|--|--|---|
| 1. Berkualiti dengan kualiti operasi ketuhanan (bukan zat) | Penampilan seluruh 'manifestasi Asma' al-Husna. | <i>(Para peserta kursus diminta membincangkan dengan contoh-contoh)</i> |
| 2. Rasa pujian & kesyukuran kepada Allah | Memuji dan bersyukur kepada Allah. | |
| 3. Bersifat pemurah & pengasihani | Memberi [ilmu] dan bersimpati melalui tindakan-tindakan mesra pelajar. | |
| 4. Berwawasan ukhrawi / orientasi abadi | Memikirkan serta membuat perkiraan keuntungan di akhirat. | |
| 5. Kehambaan & kebergantungan kepada Allah | Menjadikan kerjaya berciri ibadat dan mengharapkan pertolongan Allah. | |
| 6. Berpegang kepada jalan yang benar | Memilih dan melaksanakan cara hidup Islam dalam perlakuan. | |
| 7. Menjauhi pegangan Yahudi (Zionism) | Mengelak dari tatakelola bersifat Yahudi / Zionis. | |
| 8. Menjauhi pegangan Nasrani / Kristian | Mengelak dari tatakelola bersifat Nasrani (keKristianan) | |
| 9. Pegangan Tauhidiah Allah | Mengaitkan Allah sebagai sebab segala-gala. | |
| 10. Kebergantungan kepada Allah secara total | Berdoa kepada Allah selepas setiap kerja. | |

| | | |
|--|---|---|
| 11. Merasai keluasan kekuasaan Allah | Bersifat kerdil kepada Allah. | <i>(Para peserta kursus diminta membincangkan dengan contoh-contoh)</i> |
| 12. Merasai pengawasan Allah terhadap dirinya | Bersikap hati-hati dalam semua tindakan. | |
| 13. Merasai semua perkara adalah milik Allah | Menjaga sebarang perkara / harta sebagai amanah Allah | |
| 14. Mengakui semua samada yang terang atau pun gaib adalah dalam pengetahuan Allah | Bersikap benar walau dalam perkara sulit atau tidak. | |
| 15. Merasai potensi keampunan Allah terhadap kesalahan manusia. | Selalu meminta ampun kepada Allah bila membuat kesalahan. | |

4.3

Akidah Dalam Kandungan al-Fatihah, Surah al-Ikhlâs Dan Ayat Kursi

4.3.1. Akidah Dalam Kandungan al-Fatihah

Surah al-Fatihah adalah dinamakan juga sebagai *Ummul Kitab*. Ia adalah surah pertama kepada 113 surah-surah berikutnya dan mengandungi tujuh ayat. Bacaannya diulang-ulang dalam sembahyang juga bacaan-bacaan lain dan disebut sebagai '*as-Sab`ul Mathani`*'.

Secara ringkas, surah ini bermaksud [terjemahan];

1. Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani
2. Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang Memelihara dan Mentadbirkan sekalian alam
3. Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani
4. Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari akhirat)
5. Hanya Engkaulah sahaja (Ya Allah) yang kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan.
6. Tunjukilah kami jalan yang lurus.
7. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai (Yahudi) dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat (Nasrani).
Aamiin (Perkenankanlah ya Allah!)

Surah ini meletakkan pujian kepada Allah SWT yang bersifat Tuhan sekalian alam, yang merujuk kepada bukan sahaja alam manusia juga alam-alam atau makhluk lain. Malah ia juga boleh dimaksudkan sehingga alam yang tidak diketahui oleh pengetahuan manusia seperti alam akhirat. Dalam hal ini Allah SWT menyatakan sifat rahmat dan pemurahnya serta pengasihannya (al-Rahman) dan (al-Rahim) yang menunjukkan segala alam itu wujud dan hidup adalah dari dua sifat tersebut. Unsur akidah dalam dua ayat ini ialah kedudukan Allah SWT yang mesti dipercayai oleh manusia sebagai sumber kehidupan yang mesti disyukuri mereka.

Bagi mereka yang beriman, anugerah kehidupan yang dimilikinya adalah dari kedua-dua sifat tersebut, sedangkan mereka yang kufur hanya dari sifat pertama sahaja (Pemurah). Dengan itu tidak ada makhluk yang terlepas dari rahmat Allah SWT untuk hidup. Kebergantungan kepada Allah SWT ini sepatutnya mempengaruhi bentuk akhlak dan adab manusia dalam hidup dan kerjaya mereka.

Ayat ketiga surah ini mengingatkan manusia tentang hari pembalasan sebagai misi terakhir hidup mereka. Adalah menjadi akidah orang-orang Islam tentang perkara berkenaan yang disebut awal dalam kedudukan isi al-Fatihah malah keseluruhan al-Quran itu sendiri. Bagi setiap perbuatan manusia akan ada pembalasan dan hal ini dikaitkan dalam kerjaya sebagai mekanisma untuk hasil ukhrawi. Semua manusia mesti mengambil kira perkara ini dalam tujuan hidupnya sebagai tujuan abadi. Mekanisme penting untuk gagasan ukhrawi ini ialah *'ubudiyah* manusia kepada Tuhannya, mengabdikan diri dan meminta tolong dariNya, tanpa pilihan. Corak ayat dalam membentuk *'ubudiyah* dan ber *isti`anah* (bergantung pertolongan) adalah secara kata jamak atau kolektif, yang memberi makna bahawa tindakan-tindakan perlu berlaku bukan dalam bentuk ibadat khusus sahaja, juga dalam kerjaya dan budaya hidup lain.

Dalam memastikan pelaksanaan tindakan-tindakan untuk kehidupan ini, seluruh manusia sepatutnya mendapat `jalan yang lurus' (*sirat al-mustaqim*) yang pernah diberikan nikmat itu kepada para anbiya' (nabi-nabi) para siddiqin, para syuhada' dan orang-orang soleh. Mereka ini sepatutnya menjadi idola dan contoh bagi kehidupan orang berakidah. Pertolongan jalan yang lurus ini terus dijanjikan kepada manusia malah al-Quran mengajar untuk manusia mendoakan bagi memperolehinya.

Orang berakidah diajar oleh Allah SWT untuk mengelak diri dari terperangkap dengan golongan *al-maghdub* (Yahudi) dan *al-dhaaliin* (Nasrani / Kristian). Akidah dan cara hidup mereka ini adalah salah, dimurkai Allah dan bersifat sesat. Termasuk dalam kategori ini ialah ajaran-ajaran agama dan budaya lain selain dari Islam. Dalam hal ini orang-orang berakidah diminta memohon perlindungan, dengan maksud supaya berusaha bagi terhindar darinya dengan pertolongan Allah SWT. Mereka dari dua kumpulan ini amat licik dan strategik dalam menjadikan orang-orang Islam terperangkap dalam kerangka sistem mereka, termasuk kerangka sistem pendidikan.

Keseluruhan kandungan al-Fatihah ini amat bermesej strategik dari segi akidah. Dengan itu tiap personel dalam apa bidang juga mestilah meletakkan al-Fatihah bukan sahaja hiasan kosmetik kepada sifat Islam mengenai kerjaya mereka, tetapi satu asas akidah. Dengan asas akidah inilah manusia meneruskan misi-misi tuntutan al-Quran dalam seluruh 113 surah seterusnya sebagai tanggungjawab ketuhanan (*mas'uliyah*).

Struktur surah al-Fatihah menampakkan kedudukan akidah adalah dalam empat ayat pertama. Kemudiannya disusuli dengan aspek ibadat dan syariat. Ia boleh dirumuskan dengan rajah berikut:

| Terjemahan | Ayat | Aspek |
|---|--|---|
| Aqidah | | |
| Dengan nama Allah yang amat pemurah lagi pengasihani | بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ | Iman dengan Allah |
| Segala puji bagi Allah Tuhan penjaga sekalian alam | الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ | |
| Yang maha pemurah lagi maha pengasihani | الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ | |
| Tuhan penguasa hari pembalasan | مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ | Iman dengan hari akhirat |
| Ibadah | | |
| Hanya kepada Mu kami perhambakan diri dan hanya kepada Mu kami minta pertolongan. | إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ | Khassah [khusus]-ibadat khusus. Dan 'ammah' [ibadah umum] |
| Tunjukkanlah kami jalan yang lurus | اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ | Ammah [umum] Hidayah dalam kehidupan |

| Syariat | | |
|--|---|---|
| Jalan yang engkau beri nikmat ke atas mereka itu [di kalangan para Anbiya', Siddiqin, Syuhada dan Solihin] | صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ | Syariat yang benar [Islam] |
| Bukan jalan mereka yang dimurkai [Yahudi] - cara hidup | غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ | Bukan syariat yang batil [Yahudi] |
| Dan juga bukan jalan mereka yang sesat - akidah / agama. | وَلَا الضَّالِّينَ | (dan bukan) akidah yang batil [Nasrani] |
| Benarlah segala [yang dikatakan] | صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمِ | Perakuan |

Begitulah kedudukan al-Fatihah sebagai 'Ummul Kitab' (Induk Kitab) yang merangkumi segala aspek akidah, syariat dan akhlak. Berdasarkan kedudukan inilah segala ajaran Islam dihuraikan dalam bentuk sistem dan peraturan serta nilai yang dilaksanakan dalam pertanggungjawaban (akauntabiliti/mas'uliyah) di berbagai sektor hidup manusia termasuk pendidikan. Penjelasan sebegini sepatutnya dibuat dalam kelas pertama kepada pelajar di semua peringkat sebagai sebahagian dari pendahuluan atau aspek diagnostik.

4.3.2. Akidah Dalam Kandungan al-Ikhlâs

Surah al-Ikhlâs adalah surah ke 112 dari susunan surah-surah al-Quran dan mempunyai kedudukan tinggi dari segi status dan kaitan dengan keseluruhan al-Quran. Membaca tiga kali surah ini seperti membaca seluruh al-Quran sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dari Abi Mas'ud. Imam Ahmad juga meriwayatkan dari Abi Ibn Ka'ab bahawa orang-orang Musyrikin berkata kepada Rasulullah SAW supaya Baginda menasabkan Allah SWT kepada apa-apa keturunan, lalu turunlah ayat ini sebagai jawapan. Diriwayatkan juga bahawa ayat ini turun untuk kali keduanya di Madinah ketika orang-orang Yahudi membuat persoalan yang sama.

Terdapat banyak hadis-hadis yang menerangkan atau menyatakan kedudukan surah ini dalam konteks kehidupan manusia.

Maksud surah ini ;

*"Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi
Maha Pengasihani.
Katakanlah ; Dialah Allah Yang Esa.
Allah yang 'absolute' / tempat pergantungan .
(Dia) tidak beranak dan tidak diperanakkan.
Dan tidak ada sesuatu yang setanding bagiNya."*

Intisari penting aspek akidah dari surah ini ialah tentang keesaan Allah SWT yang diperintahkan setiap manusia berkata sedemikian. Dalam surah ini tersimpul konsep *uluhiyah* dan *rububiyah* Allah SWT juga ketauhidanNya (keesaanNya) yang menjadi pergantungan manusia. Ia juga sebagai deklarasi manusia tentang kedudukan atau status Allah SWT dalam

kehidupan mereka sama ada kehidupan personal atau profesional.

Di antara sifat-sifat Allah SWT yang boleh difahami dari surah ini ialah *wahdaniyah* dan *as-Samad*, malah *qiyamuhu binafsih* [berdiri sendiri - tidak beranak dan diperanakkan], juga *mukhalafatuhu lil hawadith* [tidak ada sesuatu yang sama / *sekufu* denganNya]. Sifat-sifat yang merujuk kepada zat Allah SWT ini adalah teras penting kepada akidah dan permulaan yang penting kepada segala sesuatu pegangan, kepercayaan atau doktrin.

Dalam aspek perhubungan seorang Muslim dengan Tuhan, Allah SWT mestilah dilihat sebagai segala-galanya tanpa kompromi. Di sinilah *'ubudiyah* seseorang berpaksi, bukan negara, manusia atau institusi yang dibina oleh manusia. Ketelusan dalam berkerjaya oleh manusia dilambangkan oleh nama surah ini dan menjadi sifat atau tatacara mereka bekerja dan berprofesyen. Aspek-aspek kesyirikan [*kufwan*] tidak boleh berlaku kerana tiada sesuatu yang setara dengan Allah SWT termasuk kedudukan dan kepentingan segala makhluk.

Dalam kehidupan manusia, termasuk mereka yang profesional selalu dihantui oleh rasa inferior atau kehambaan kepada makhluk lain yang lebih berkuasa seperti pemerintah atau ahli politik. Pihak kedua ini akan diambil kira oleh golongan pertama kerana ketakutan atau kebimbangan kepada implikasi negatif kalau tidak dipatuhi. Dalam keadaan ini syirik kecil akan mudah berlaku dan mengakibatkan hasil kerja tidak bernilai ibadah. Dengan itu surah ini adalah mekanisme penting untuk mengelak manusia dari ciri-ciri kemunafikan, terutama dalam profesyen mereka.

4.3.3. Akidah Dalam Kandungan Ayat Kursi

Ayat kursi dalam kehidupan orang Islam lebih merujuk kepada perlindungan Allah SWT terhadap manusia dengan kedudukannya Yang Maha Agung yang mempunyai 'kerajaan' yang besar.

Terjemahan ayat Kursi adalah:

Allah, tidak ada Tuhan selain Dia yang maha hidup yang terus menerus hidup dan mengurus (makhlukNya). Tidak mengantuk dan tidak tidur. MilikNya apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi. Tidak ada yang boleh memberi syafaat di sisiNya tanpa izinNya. Dia mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, dan mereka tidak mengetahui sesuatu apa pun tentang ilmuNya melainkan apa yang Dia kehendaki. KursiNya meliputi langit dan bumi. Dan Dia tidak merasa berat memelihara keduanya. Dia Maha Tinggi lagi Maha Besar.

(al-Baqarah [2] : 255)

Intisari penting ayat Kursi adalah kedudukan kemahaagungan Allah SWT yang menjadi akidah orang-orang Islam. Kelebihan ayat ini merujuk kepada janji bahawa bila membacanya selepas solat fardhu adalah jaminan syurga dan bila dibaca sebelum tidur adalah terpelihara dari syaitan. Kaitan kedudukan ini amat penting kepada kehidupan profesional seseorang di mana keterpeliharaan dari gangguan syaitan dalam kehidupan manusia adalah dalam konteks kehidupan terbuka. Biasanya manusia terdedah kepada kemunafikan, kezaliman, kefasikan dan lain-lain adalah dalam pekerjaan. Sementara tidur pula

ialah kedudukan separuh mati manusia yang kritikal. Manusia akan tidur tenang dengan segala hasil kerja pada siangnya dalam sektor pekerjaan tanpa gangguan syaitan lagi melalui pembacaan ayat ini.

Ayat Kursi juga mengingatkan akan kesiapsiagaan Allah SWT sepanjang masa di mana tidak ada sesuatu terlepas dari pengawasan dan kuasa penentuan dariNya. Sesuatu yang didapati oleh manusia adalah dari pemberianNya termasuk ilmu pengetahuan. Ilmu Allah SWT maha luas termasuk yang tidak diketahui oleh manusia. Ini menjadikan manusia amat bergantung kepadaNya dan dengan itu akan sentiasa mengusahakan untuk mendapat ilmu pengetahuan tersebut. Allah SWT bukan sahaja telah membekalkan ilmu kepada manusia, tetapi menjadi sumber berterusan. Ilmu adalah sifat Allah SWT yang memberi makna orang-orang yang berilmu adalah menanggung sifat-sifat ini dalam konteks sebagai khalifahNya untuk memakmurkan muka bumi dengan ilmu tersebut.

4.3.4. Kesan Akidah Kepada Adab Guru

Bagi orang-orang berakidah, kedudukan sebegini amat penting untuk menjadikan mereka tidak melakukan sesuatu yang bersifat 'salahlaku' dalam memikul tanggungjawab sebagai orang yang berilmu. Dengan hubungan kejiwaan dan pemikiran sedemikian, mereka yang berilmu akan menjadi ulamak yang disebut sebagai 'takutkan Allah' sebagai satu dari ciri-cirinya. Dengan itu ilmu tidak diperniagakan, juga tidak dijadikan alat untuk status keduniaan. Mereka yang berilmu akan menjadi manusia yang dekat dengan Allah SWT dan mendapat darjat-darjat yang lebih di sisiNya dengan syarat mereka juga beriman sepenuhnya (*al-Mujadalah [58]:11*). Inilah tujuan terpenting

dari ilmu yang akan membentuk manusia rabbani yang nilainya merentasi dunia ini hingga ke alam ukhrawi. Spektrum seseorang berilmu bukan sahaja bersifat kenegaraan dunia, juga hubungan dengan kenegaraan syurga di akhirat. Alam tinggi inilah merupakan tempat manusia mula menerima ilmu melalui ajaran Allah SWT kepada Adam A.S. (*al-Baqarah [2]:31*)

Pola-pola kejiwaan dan pemikiran yang bersifat rabbani sedemikian adalah doktrin penting seseorang manusia berilmu, apatah lagi bila mereka seorang guru. Kegiatan mengajar dan mendidik dengan segala tema-tema [*tarbiyah, ta'lim, tadris, irsyad, ta'dib*] adalah bersifat *Ilahi* dalam maksud sebagai tugas-tugas yang dihubungkan dengan ketuhanan. Aktiviti sedemikian dikaitkan dengan nilai ibadat dan jihad, di mana di sinilah guru melakukan ibadat secara bersungguh-sungguh iaitu menepati piawaian jihad melalui falsafah *itqan*. Tugas ini adalah dipertanggungjawab dalam dua dimensi, [1] keduniaan iaitu dalam tanggungjawab sosial atau dunia, dan [2] keakhiratan untuk perkiraan balasan (*al-Takathur [102]: 4*)

Ayat Kursi mengingatkan sifat Allah SWT yang bermaksud 'Hidup' (*al-Hayyu*) dan 'Berdiri Sendiri' (*al-Qayyum*). Dua kedudukan ini amat penting dihayati dalam profesionalisme guru dan pendidik. Allah SWT memberi mesej bahawa tugas kependidikan adalah sesuatu yang hidup dan dikaitkan dengan sifat Allah SWT yang sedemikian. Sektor pendidikan ini adalah mekanisma untuk menghidupkan kebesaran Allah SWT dalam diri manusia menerusi berbagai jenis ilmu termasuk sains.

Guru mestilah mendinamikkan manusia pelajar untuk penghayatan sifat Allah SWT ini. Guru khususnya mestilah 'menghidupkan' watak-watak *rabbani* dalam profesyen mereka


sama ada melalui pengajaran formal (i.e. PdP) juga informal (i.e. 'modelling'). Watak-watak ini bukan sahaja dilihat oleh murid berlaku pada guru, juga dapat dirasai sebagai kesan dari watak tersebut. Ini akan menjadikan pelajar sebagai 'disciple' kepada guru tersebut. Kata orang tua-tua ; 'kasih bukan untuk didengari, tapi untuk dirasai'. Kasih guru kepada murid adalah limpahan kasih Allah SWT kepada manusia melalui mereka.

Sifat 'berdiri sendiri' (*al-Qayyum*) boleh memberi mesej dalam pendidikan bahawa betapa Allah SWT tidak terlibat dengan kealpaan atau tidur (*sinatun*) atau kelalaian. Tiap aktiviti kependidikan adalah dalam kawalan dan kekuasaan Allah SWT. Kemuliaan kerja-kerja pendidikan tetap dalam pemerhatian Allah SWT, dan inilah akidah seorang guru atau pendidik. Signifikan dari doktrin ini ialah mutu profesionalisme guru yang tidak terpengaruh oleh faktor-faktor lain terutama faktor penghambat. Pemerhatian Allah SWT bukan sahaja dari segi kepahalaan yang akan mengganjari aktiviti tersebut, juga mekanisme pemantauan atau kawalan terhadap sebarang kemungkinan salah laku. Dengan itu sistem kawalan salah laku profesyen bukan bersifat manusiawi, tetapi kawalan langsung dari langit dalam diri manusia. Hubungan secara langsung dengan kawalan langit ini akan meningkatkan ciri-ciri ketasawufan diri guru melalui kerjayanya.

Di bahagian akhir ayat kursi ini, Allah SWT mengingatkan kekuasaannya yang maha luas. Ia tidak bertepi dan semua adalah dalam kekuasaannya. Hakikat ini menjadi akidah seseorang Muslim dan sepatutnya sudah cukup untuk menghidupkan rasa ketuhanan Allah SWT dalam setiap aktiviti termasuk pendidikan. Usah difikirkan ketidakupayaan Allah SWT dalam menguasai segala-galanya. Dengan itu tidak perlu manusia memikirkan

entiti-entiti atau kekuasaan lain yang boleh mempengaruhi visi dan misi serta objektif pendidikan. Kemahatinggian Allah (*al-'Aliy*) dan KemahaagunganNya (*al-'Azim*) mengatasi segala-gala.

Dengan itu modul ini meringkaskan korelasi surah-surah al-Fatihah, al-Ikhlash dan ayat Kursi dengan UMI seperti rajah berikut:



Peta minda di atas memperlihatkan peranan serentak ketiga-tiga ayat tersebut kepada falsafah UMI. Kandungannya yang dinamik membina falasah UMI menjadi dinamik. Walau macam mana pun, kedinamikannya bergantung kepada faktor manusia untuk memahami, mempersepsi, dan mengaplikasi fakta tersebut dalam kehidupan profesional mereka.

4.4.1. Pendahuluan

Aspek ini adalah merujuk kepada sistem nilai dalam masyarakat di mana manusia sebagai objeknya yang menjadi sentuhan al-Quran. Akhlak itu sendiri mempunyai status vital dari segi nilai keesahan manusia di sisi Allah SWT di samping akidah dan syariah. Akhlak boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu *kasbiyyah* [yang boleh diusahakan] dan *fitriyyah* [yang semula jadi ciptaan Allah SWT]. Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran tentang aspek akhlak yang seharusnya disedari oleh semua manusia. Dalam modul seperti ini sepatutnya para peserta dilatih secara kumpulan untuk mencari maksud-maksud ayat al-Quran yang benar-benar relevan dan aplikatif kepada profesyen perguruan.

4.4.2. Konsep Dan Definisi

Dalam menghuraikan konsep atau pengertian akhlak, di mana manusia sebagai objek, maka beberapa perkataan penting tentang manusia seperti *al-insan*, *al-ins*, *An-nas*, *al-basyar* dan *al-bariyyah* perlu diperincikan.

Perkataan *al-ins*, dan *an-nas* serta *al-insan* merujuk kepada maksud 'jinak, dan 'lupa'. Kejinakan ini dikaitkan dengan perakuan oleh manusia di alam tinggi tentang sifat *rububiyah* Allah SWT. Sementara kelupaan adalah dikaitkan dengan peristiwa kealpaan Adam dan Hawa terhadap larangan memakan buah khuldi (buah kekal) di syurga yang memang dilarang untuk Adam A.S memakan hatta mendekatinya. Al-Quran sendiri mempunyai satu surah bernama 'al-Insan' yang merujuk kepada manusia yang terlupa ini. Surah terakhir al-

Quran pula mengguna perkataan an-Nas yang kandungannya merujuk kepada kedudukan Allah SWT sebagai bersifat *rububiyah, mulukiyah* dan *uluhiyah*.

Objek yang terlibat dengan akhlak ini juga disebut sebagai *'al-basyar'*. Ia memberi konotasi betapa objek ini berpotensi membawa kegembiraan kepada alam. Kegembiraan, kedamaian, dan keindahan manusia tentunya berada pada akhlak bukan sekadar fizikal. Dengan itu sepatutnya manusia merasai betapa akhlak adalah unsur integral dengan kejadiannya untuk menjadikan mereka dapat berfungsi sebagai pengembira orang lain. Manusia juga digolongkan dari kalangan *'benda hidup'* atau makhluk hidup dengan istilah *'al-bariyyah'*. Mereka yang beriman dan beramal soleh akan menjadi *'khairul bariyyah'* Sebaliknya mereka yang kufur akan dikenali sebagai *'syarrul bariyyah'*. Dengan itu, dalam konteks makhluk yang hidup dan berdinamika, manusia terdedah kepada dua fungsi tersebut, kerana walau pun mereka pernah menjadi si jinak yang mengakui *rububiyah* Allah SWT, tetapi juga pernah terlibat menjadi pelupa terhadap laranganNya di syurga.

Konsep-konsep di atas adalah penting untuk melihat definisi akhlak dalam kaitan dengan objeknya iaitu manusia. Akhlak berkait juga dengan sifat Allah SWT yang bermaksud *'Pencipta'* (*al-Khaliq*). Penciptaan manusia adalah melalui *'fitrah'* Allah SWT. Dengan itu, pada dasarnya manusia sepatutnya tidak bersifat mengingkari Allah SWT. Justeru akhlak sebenarnya sudah mempunyai benih asas dalam diri manusia. Al-Ghazali dalam *Ihya Ulumiddinnya*, menjelaskan akhlak dengan ibarat seperti di bawah [terjemahan];

"Maka akhlak (perilaku) adalah satu ungkapan berkenaan satu suasana yang kukuh mantap dalam diri seseorang, yang lahir daripada keadaan itu perbuatan-perbuatan secara mudah (sepontan) tanpa memerlukan berfikir dan memerhatikan sesuatu."

Boleh juga disebut di sini bahawa akhlak itu adalah pantulan spontan yang lahir dari minda bawah sedar. Ia bukan lakonan yang dirancang dengan mengambil kira keperluan persekitaran.

4.4.3. Asas-asas Akhlak Dalam Islam

Dengan kedudukan seperti di atas, ahli-ahli ilmu Islam melihat asas-asas pembinaan akhlak bukan dirujuk kepada kepentingan luaran atau emosi dan persekitaran. Asasnya bersifat dalaman iaitu keimanan, walau pun emosi dan persekitaran juga adalah dipertimbangkan. Jika nilai-nilai baik berlaku pada seseorang yang tidak beriman, nilai itu tidak bersifat *'akhlak'*, dan mungkin boleh dilihat sebagai *instinct* yang baik atau moraliti sahaja. Dengan itu beberapa perkara berikut disebut sebagai asas-asas akhlak Islam.

- [1] Beriman dengan kewujudan dan kewibawaan Allah SWT.
- [2] Percaya bahawa Allah SWT telah memberitahu jalan benar dan jalan yang batil.
- [3] Keimanan kepada hari kebangkitan atau pembalasan.
- [4] Beriman dengan pembalasan baik dan buruk di hari akhirat mengikut perbuatan baik dan buruk di dunia.

Asas-asas yang bersifat keimanan inilah yang membezakan manusia dari haiwan juga manusia Muslim dengan mereka yang kufur. Ia juga menggambarkan akhlak bukan sahaja urusan keduniaan, tetapi perancangan seseorang manusia untuk akhirlatnya.

Dalam dunia moden dan sekular kini, banyak unsur-unsur keduniaan atau kemanusiaan semata-mata menjadi asas bagi pertimbangan baik dan buruk. Nasionalism misalnya boleh membentuk kecintaan rakyat kepada orang lain senegara, juga menimbulkan patriotism yang tinggi. Doktrin profesionalisme juga boleh membentuk perilaku yang baik dalam kerjaya atau profesyen. Ideologi-ideologi seperti komunism, kapitalism, chauvinism, sosialism, liberalism dan lain-lain juga memungkinkan penganutnya bersikap baik dan profesional. Malah kadang-kadang personaliti-personaliti atau individu hebat juga menjadi idola ikutan, malah menarafi ideologi (ism). Marxism dan Confusianism adalah contoh dalam hal ini.

Islam melihat unsur-unsur keduniaan dan kemanusiaan itu tidak kekal dan berubah mengikut peredaran zaman. Apabila ia tidak lagi didokong dengan baik maka akan berlaku pemberontakan nilai terutama bila penganutnya merasai tertipu dengan doktrin tersebut. Contoh terbaik kini ialah yang berlaku kepada komunism. Keruntuhan komunism adalah kerana ia bersifat ideologi ciptaan manusia. Sebaliknya, asas yang diletakkan oleh Islam adalah sesuatu yang kekal dan realistik serta berbentuk masa depan yang pasti iaitu akhirat dan pembalasan. Perkara-perkara tersebut berstatus keimanan (i.e. Rukun Iman) bagi orang-orang Islam. Ini memberi makna, mereka yang tidak berakhlak seolah-olah tidak mempunyai rukun iman tersebut.

4.4.4. Akhlak Fitriyyah Manusia

Secara *fitriyyah* (semula jadi dari ciptaan Allah) pada diri manusia mempunyai akhlak-akhlak dalam bentuk potensi baik dan buruk. Hal ini dijelaskan oleh al-Quran di mana manusia dilhamkan dengan '*fujur*' (kejahatan) dan '*taqwa*' (ketaqwaan). Setiap manusia penting memahami hal dirinya ini yang akan membuatkan dia juga menyedari kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku atau dibuat oleh dirinya.

Untuk tujuan peringkasan, modul ini menyenaraikan contoh-contoh perkara tersebut seperti dalam rajah berikut:

| Positif / baik | Negatif / buruk |
|--|--|
| Manusia berusaha gigih dalam kehidupan | Manusia sering engkar / kufur |
| Manusia makhluk hidup yang boleh berkompromi & menjelaskan isu | Manusia suka berbantah |
| Manusia boleh menerima ilmu | Manusia makhluk lemah |
| Manusia bertanggungjawab terhadap perancangan aktiviti | Manusia bersifat kedekut, keluh kesah, gopoh gapah dan sebagainya. |

Dengan realiti manusia seperti sifat-sifat yang diterakan di atas, maka akhlak amat penting bagi mereka. Mereka yang dapat '*membersihkan*' dirinya akan berjaya dan sebaliknya rusaklah mereka yang *mengotorkannya*. Peringatan Allah SWT ini memerlukan manusia mempunyai unsur-unsur usaha atau *ihadiyah* dalam menjayakan peringatan tersebut.

Berbekalkan al-Quran sebagai manual panduan bagi memperoleh maklumat lebih lanjut mengenai sifat fitrah manusia, maka beberapa ayat al-Quran berikut perlu diteliti. Antaranya:

- [1] Surah al-Zukhruf [5] dan al-`Adiyat [6-7]
- [2] Surah al-Ma`arij [19-23] dan al- insyiqaq [6]
- [3] Surah al-Fajr [15] dan `Abasa [17] juga al-Naziaat [8 & 35]
- [4] Surah al-Balad [4] dan an-Naba' [40].
- [5] Surah al-`Alaq [2-6].

Juga ayat-ayat lain yang membekalkan maklumat berkenaan dengan tingkah laku manusia yang harus disedari. Manusia berkecenderungan untuk tidak mengakui akan kelemahan atau keburukan yang ada pada diri sendiri, sedangkan perkara berkenaan adalah realiti. Dengan itu manusia juga ditugaskan mencari sesuatu yang benar dan baik yang ada dalam potensi diri mereka bagi ditonjolkan untuk memenangi ke atas keburukan-keburukan. Proses ini juga disebut sebagai *tazkiyatul Nafs (penyucian jiwa)*.

Dalam menonjolkan sifat atau akhlak yang baik, rujukan mestilah dibuat kepada realiti ketuhanan di samping pertimbangan-pertimbangan normatif manusia. Ini bermaksud kayu ukur atau parameter penting ialah nilai-nilai hukum di sisi Allah SWT tentang sesuatu perkara. Ia juga dilihat dari segi hasil keakhiratan sama ada menguntungkan kehidupan selepas mati atau tidak di samping kebaikan dan kesejahteraan dunia. Ini bermakna akhlak berstrategi bagi dua bentuk kebaikan atau keuntungan.

Oleh kerana nilai-nilai normatif berbeza antara masyarakat kerana perbezaan budaya setempat masing-masing, maka nilai rentas untuk semua adalah nilai-nilai akhlak yang merujuk kepada keagamaan. Jika mereka berbeza agama pun, terdapat nilai-nilai yang sama di antara agama-agama tersebut untuk dilihat sebagai merentasi perbezaan-perbezaan tersebut. Dalam Islam sendiri amalan baik yang diterima ramai oleh sesuatu masyarakat dikira *muhakkamah* atau berpiawaian hukum. [*al-adat muhakkamah*]

Dengan itu dapat dirumuskan bahawa sifat-sifat fitriyah manusia adalah keadaan-keadaan kejiwaan yang telah wujud dan dengan itu memerlukan sistem akhlak untuk membentuknya menjadi nilai yang benar, baik, produktif, dan harmonis. Nilai-nilai fitriyah yang buruk pula boleh menjadi cabaran, motivasi atau dorongan tetapi mestilah dipantau dengan sistem nilai yang baik. Model penting bagi pembinaan nilai-nilai ini ialah Rasulullah SAW yang disebut akhlaknya adalah *akhlak al-Quran*. Model ini merentasi bangsa malah agama dalam konteks nilai-nilai akhlak.

4.5

ADAB DAN ETIKA PERGURUAN

4.5.1. Pendahuluan

Bagian ini akan menumpukan kepada akhlak Rasulullah SAW sebagai model dan sunnah kepada orang-orang Islam. Baginda SAW juga guru teragung dan akhlak Baginda SAW dapat dilihat di manifestasikan dalam sunnahnya melalui berbagai sektor sama ada politik, pentadbiran, kekeluargaan, kejiwaan dan sebagainya.

Orang-orang Islam juga harus memerhatikan sifat-sifat atau akhlak orang-orang munafik kerana mereka dilihat sebagai orang Islam pada zahirnya. Oleh kerana kedudukan sedemikian yang mungkin mengelirukan, maka al-Quran menetapkan balasan mereka lebih buruk dari orang-orang kafir; di mana mereka ditempatkan di neraka paling bawah. Faktor-faktor yang menjadikan sedemikian adalah berbagai-bagai. Faktor atau sebab yang jelas ialah kerana asas akhlak mereka tidak merujuk kepada keimanan kepada kewujudan Allah SWT. Akhlak mereka hanya dibina di atas rasional dan logik sahaja.

Dalam tugas keguruan, al-Ghazali memberi perhatian khusus tentang beberapa perkara yang melibatkan akhlak guru dalam profesyen berkenaan melalui Kitab Ihya Ulumiddinnya, dinamakan sebagai 'wazaif' di bawah bab *Kitab al-'Ilmi* (lihat *Lampiran 9*).

4.5.2. Akhlak Kasbiyyah : Akhlak Rasulullah SAW

Firman Allah SWT bermaksud: "Adalah pada diri Rasulullah itu contoh terbaik bagi mereka yang mengharap Allah dan hari akhirat" (al-Ahzab [21]: 21). Dalam membina gagasan nilai dalam profesionalisme seseorang Muslim, al-Quran adalah sumber asas. Al-Quran telah menjelaskan contoh-contoh nilai tersebut yang telah pun menjadi sistem nilai dalam perjuangan Baginda Rasulullah SAW. Antara nilai tersebut adalah seperti dalam rajah di bawah. Sebagai latihan, anda dikehendaki mencari konteks asalnya dalam bahasa Arab dengan turut memaparkan rujukan ayat-ayat al-Quran, hadis atau sirah yang membuktikan perkara tersebut:

| Nilai akhlak | | Konteks asal / dalam bahasa Arab / Quran | Ayat al-Quran, hadis atau Sirah Rujukan peristiwa |
|--------------|--|--|---|
| 1 | Mempunyai akhlak yang agong | | |
| 2 | Lembut dan pengasih | | |
| 3 | Mengajak manusia kepada akhirat | | |
| 4 | Memberi kemaafan, menyuruh perkara baik dan berpaling dari orang-orang jahat | | |
| 5 | Memberi tanpa mengharap balasan dan bersabar [dengan pemberian] Allah. | | |
| 6 | Bersikap lemah lembut terhadap orang-orang Mukmin | | |
| 7 | Memaafkan dengan kemaafan yang baik | | |
| 8 | Menolak sesuatu keburukan dengan cara yang lebih baik | | |
| 9 | Membuat sesuatu dengan cara bersungguh-sungguh | | |

Sifat-sifat dalam al-Quran seperti dalam rajah di atas yang merakamkan sebahagian contoh sifat yang ada pada Rasulullah SAW itu membuktikan Baginda SAW adalah penafsir praktikal kepada sistem nilai yang terdapat dalam al-Quran itu sendiri. Ia berupa aspek nilai yang dianjurkan oleh al-Quran dan dimanifestasikan oleh Rasulullah SAW dalam sunnah Baginda. Konsep yang sama boleh dilaksanakan oleh seorang guru melalui aktiviti profesyennya hatta dalam kelas pengajarannya [i.e. PdP] untuk menjadikan aktiviti-aktiviti tersebut sebagai ibadat. Nilai-nilai di atas amat diperlukan dalam lapangan kependidikan. Inilah di antara maksud model (*qudwah*) atau 'idola' Rasulullah SAW kepada seorang guru.

Para guru diharap dapat menjadikan sifat-sifat itu bukan sahaja sebagai bahan tiruan dalam lakonan kerjayanya, tetapi doktrin nilai dalam sifat *'ubudiyah* dirinya kepada Allah SWT. Seorang manusia rasional mungkin secara spontan melaksanakan nilai tersebut, tetapi seorang guru Muslim seharusnya tahu rujukan atau ayat al-Quran berkenaan atau peristiwa dalam sirah Rasulullah SAW tentang perkara berkaitan. Jika ini dapat berlaku dengan jayanya, bermakna seseorang itu telah pula melaksanakan sunnah Rasulullah SAW dalam hidupnya. Sekaligus seseorang itu dapat membuktikan Rasulullah SAW adalah seorang yang paling disayanginya sebagaimana sifat yang sepatutnya ada bagi seseorang Muslim terhadap Baginda SAW.

Cabaran penting bagi seorang guru khususnya, malah seorang muslim umumnya ialah bagaimana untuk menggagaskan pendoktrinan ini dalam kehidupan kerjayanya. Tanpa kompromi nampaknya seorang guru khususnya mestilah memahami aspek-aspek atau ayat-ayat tertentu di dalam al-Quran, hadis dan sirah atau peristiwa-peristiwa tertentu dalam sejarah

Rasulullah SAW yang berkaitan seperti yang ditegaskan di atas. Ini adalah salah satu dari aspek 'agenda Pengislaman Ilmu' di mana sunnah Baginda SAW menjadi doktrin dan idealism seorang guru malah pensyarah.

4.5.3. Akhlak Mukmin & Akhlak Munafik

Kemunafikan adalah satu fenomena yang komplikated dalam kaitan dengan pelaksanaan nilai-nilai atau akhlak Islam. Mereka yang munafik ialah yang mendakwa dirinya Islam tetapi tidak secara dalaman. Sejak zaman Rasulullah SAW telah terdapat mereka yang bersifat sedemikian dan Allah SWT juga merakamkan sifat dan sikap serta tindak tanduk mereka di dalam al-Quran sehingga terdapatnya surah 'al-Munafiqun'. Dalam dua puluh pertama ayat-ayat dalam surah Al-Baqarah pula terdapat lima ayat pertama (ayat 1 hingga 5) mengenai orang-orang Muslim atau Muttaqin juga mereka yang berjaya (*Muflihun*). Dua ayat berikutnya (ayat 6 hingga 7) adalah mengenai mereka yang kufur. Sedangkan tiga belas ayat seterusnya (ayat 8 hingga 20) adalah tentang para munafiqin. Kedudukan ini menunjukkan betapa komplikasi munafiqin terutama kepada orang-orang Islam.

Dengan itu orang-orang Islam hendaklah berhati-hati tentang mereka ini termasuk dengan cara memerhatikan tindak tanduk, sifat atau akhlaknya. Secara mudah kita dapat memperbandingkan dua kumpulan ini dengan sifat-sifat berikut:

| Akhlak Mu'min | Akhlak Munafiq |
|------------------------------------|--|
| Benar / tepati fakta | Bohong / berfakta palsu |
| Amanah / tepati piawaian | Khianat / memungkir piawaian |
| Kasih sayang & komplen | Hasad dan dendam [marah] & mengadu domba |
| Adil / layanan yang sama | Zalim / diskriminasi |
| Merujuk kepada yang benar | Berhujjah dengan fakta yang salah |
| Mengakui kebenaran walau pun pahit | Berkeras dengan kedegilan hati |
| Memaaf dan merendah diri. | Suka mencerca / melampau bila bermusuh |
| [dan lain-lain] | [dan lain-lain] |

Perkara yang lebih serius mengenai kemunafikan dalam pengendalian masyarakat juga boleh berlaku dalam kependidikan. Sifat-sifat munafiq ini tidak disedari berlaku di kalangan yang mendakwa dirinya Muslim. Dalam erti kata lain ia berlaku tanpa sedar khususnya dalam melaksanakan kerjaya dan tugas termasuk keguruan. Indoktrinasi kenegaraan dan patriotism bangsa secara rasis akan memungkinkan perkara ini berlaku. Amat malang bila pelakunya menolak setelah diperingatkan. Kesan tragis ialah segala amalan baik pelaku tersebut tidak bernilai di sisi Allah SWT dan dengan itu tertolak. Mereka adalah tidak berakhlak terutama bila berlakunya perkara-perkara buruk walau pun tanpa sedar.

Muslim munafik lebih hina dari seorang kafir (Al-Nisa'[4] : 145). Kehinaan ini bukan sahaja mengundang kemurkaan Allah SWT pada dirinya sahaja, tetapi juga menimpa orang lain. Hal ini mesti disedari dan sebab itulah kemunafikan mesti diusahakan supaya berlaku penolakan oleh Muslim lain. Kemunafikan itu boleh menjadi sebab-sebab kegagalan kumpulan Islam kerana mereka tidak mempunyai kelayakan untuk diberi kemenangan. Ini kerana mereka masih berkongsi mempunyai sedikit sebanyak nilai-nilai tersebut iaitu sifat-sifat munafik.

Dektor pendidikan juga diingatkan akan kasus berkenaan di mana setiap orang guru mestilah bertekad untuk tidak terlibat dengan sifat-sifat atau nilai-nilai munafik. Kesan yang mengerunkan ialah fitnah Allah SWT yang bukan sahaja terkena kepada mereka yang salah laku, juga orang lain yang berkesampingan. Mungkin juga murid-murid menerima kesan kemurkaan Allah SWT tersebut, seperti dalam firmanNya bermaksud:

"Jagalah fitnah (kemurkaan, azab dan ujian Allah) yang bukan terkena kalangan orang yang zalim sahaja (dari kalangan kamu)"

(Q: al-Anfal [8] :25)

Modul ini mengambil kandungan 'Bayan Wazaif al- Mu'allim wal Mursyid' dari kitab *Ihya 'Ulumiddin* oleh Imam al-Ghazali r.a. Ia bertujuan untuk melangsungkan hubungan adab guru dengan tradisi besar Islam yang kadang-kadang kitab berkenaan dianggap hanya sebagai kitab agama semata-mata. Sementara itu juga ciri-ciri tersebut disandarkan kepada ajaran-ajaran asas Islam dan yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW. Lapan wazaif tersebut boleh diringkaskan seperti berikut :

- [1] Bersikap mengasihani ke atas pelajar dan mengurus mereka seperti anak sendiri. Rasulullah SAW bersabda bermaksud; "Sesungguhnya aku bagi kamu seperti ayah dengan anaknya." [Riwayat Abu Daud, Nasai, Ibnu Majah dan Ibnu Hibban dari hadis Abu Hurairah r.a. - Imam al-Iraqi.]
- [2] Bertindak mengikut Rasulullah SAW [sebagai *sahibus Syari'*- tuan punya syari'at] - untuk menjadi contoh ikutan dalam bimbingan kependidikan. Tidak berniat untuk ganjaran atau pujian.
- [3] Tidak berputus asa dalam menasihati pelajar akan segala sesuatu.
- [4] Mengingatkan pelajar tentang keburukan akhlak dengan penuh kasih sayang dan rahmat dan bukan mengeji. Ini adalah di antara seni mengajar.
- [5] Sayugia tidak memburukkan atau memperkecilkan kepada pelajar akan mata pelajaran lain.

- [6] Meletakkan pelajar mengikut kadar pemikirannya dan tidak menyampaikan sesuatu yang tidak difahaminya. Rasulullah SAW bersabda bermaksud;

"Kami para nabi-nabi disuruh mendatangi manusia dari peringkat kedudukan mereka dan bercakap kepada mereka mengikut kadar pemikiran mereka. [Kami riwayatkannya dalam satu bahagian daripada hadis Abu Bakar ibnu al-Syakhir dari hadis Umar lebih ringkas daripadanya. Di sisi Abu Daud daripada hadis Aisyah : Inzilunnaasa manazilahum... Dudukkan manusia pada tempatnya. - Imam al-Iraqi.]"

- [7] Tidak menganjur kepada sesuatu ilmu hinggalah sempurna ilmu sebelumnya, kerana ilmu mempunyai tertib dan keutamaan setengahnya ke atas yang lain.
- [8] Hendaklah mengamalkan ilmu yang diajarnya [supaya menjadi contoh dan membina keyakinan pelajar].

(Nota: Untuk lebih terperinci sila lihat lampiran 9)

Lapan etika [wazaif] ini menjurus kepada sikap profesionalisme guru dari aspek sasaran iaitu pelajar [etika 1] hinggalah watak diri guru [etika 8]. Ia dianggap begitu kritikal di zaman moden sekarang. Ini adalah seni seorang Rasul yang seharusnya menjadi doktrin guru dalam kerjaya mereka. Perguruan bukan sahaja penyampaian maklumat, malah pembinaan adab [etika 4] melalui nasihat dan kaunseling [etika 5]. Begitu juga dengan korelasi dan kedudukan komplemen antara subjek dan guru yang mana setiap ilmu mempunyai hierarkinya seperti sifatnya

sebagai ilmu asas [fardu ain] atau ilmu profesional [fardu kifayah]. Dalam hal ini konsep 'maratibul 'ulum' atau yang disebut sebagai *classification of sciences* hendaklah menjadi pengetahuan dan penghayatan oleh guru [etika 7].

Dari *wazaif* di atas ternyata guru juga mestilah mempunyai keupayaan 'seni' yang tinggi dalam melaksanakan pendidikan. Di antara kepentingannya ialah seperti kebolehan menegur perkara-perkara buruk dengan berkesan [etika 4]. Begitu juga keupayaan memahami kadar atau 'level' kebolehan pemikiran pelajar yang boleh digarapi melalui ujian dignostik. Ia boleh dilakukan secara formal atau informal sebelum pengajaran bermula atau dalam kelas pertama. Cabaran juga berlaku melalui sistem sekarang di mana pelajar akan meningkat mengikut tingkatan kelas secara automatik. Di zaman moden ini konsep pengkelasan mengikut keupayaan pelajar dihapuskan di atas dasar mengelak diskriminasi juga menggalakkan persaingan. Akhirnya gurulah yang terperangkap dalam delima kepelbagaian tahap kecerdasan ini. Mereka terpaksa mempunyai keupayaan keanjalan yang tinggi dalam melayani kerenah ini.

Di antara angkara dan kemurkaan Allah SWT dalam kehidupan manusia ialah tidak mengamalkan ilmunya oleh seseorang yang berilmu. Guru adalah kumpulan yang setiap hari terdedah dengan kasus ini dan perlu berhati-hati. Kemurkaan Allah SWT boleh menimbulkan keangkaan pelbagai masalah termasuk salah laku guru-guru dalam profesyen mereka. Kumpulan sedemikian adalah tentunya mereka yang gagal mengadaptasi falsafah UMI yang diharapkan. Ibu bapa pelajar tentunya kecewa dengan kejadian-kejadian berkenaan.

Seluruh spektrum lapan etika oleh al-Ghazali ini seharusnya menjadi etika guru malah doktrin nilai PdP mereka. Lapan

etika tersebut harus dianalisa secara kritis dan empirikal dalam tugas semasa guru. Dengan sedemikian barulah para guru dapat menyedari kelemahan dan dengan itu berusaha mengatasi kelemahan tersebut untuk menepati piawaian Islam.

4.7

Contoh-contoh Soalan Untuk Perbengkelan

Di sini dicontohkan beberapa soalan yang boleh menjadi isu-isu yang hendak dibengkelkan. Ia juga sebagai panduan atau rujukan tentang kandungan-kandungan penting komponen ini (i.e 3A [Akidah, Akhlak, Adab]).

1. Jelaskan maksud akidah, akhlak dan adab dalam konteks nilai-nilai yang mesti wujud kepada diri seseorang khususnya dalam profesyen perguruan dengan mengaitkan kepada **kedudukan dan kandungan** surah-surah al-Ikhlâs, al-Fatihah dan ayat kursi.

2. Rasulullah SAW adalah pendidik teragung dan contoh figura kepada seseorang guru dalam profesyen mereka, di mana Baginda mempunyai **ciri-ciri akhlak** tertentu dalam konteks tersebut. Jelaskan hal ini dengan menghuraikan **aplikasinya** oleh seorang guru dalam bilik darjah atau semasa aktiviti PdPnya.

3. Kemunafiqan adalah suatu nilai yang mengancam keislaman seseorang dan hasil akhirat mereka nanti. Perlakuannya mungkin secara bawah sedar. Dengan itu anda diminta menyenaraikan beberapa **sifat munafik** yang mungkin berlaku dalam kerjaya guru dengan turut memberikan **kaedah-kaedah** atau cara-cara mengatasinya.

4 Huraikan empat wazaif pertama [i.e 1 - 4] tentang etika guru yang disenaraikan oleh Imam al-Ghazali dengan memaparkan **rujukan-rujukannya**. Kemudian berikan ukuran aplikasinya secara kritis dengan menggunakan skala 1 [amat buruk] hingga - 10 [amat baik] dalam sektor pendidikan anda (i.e YIK / KIAS) dengan turut mencari **usaha-usaha untuk memaksimakan** perkara tersebut jika skalanya rendah.

5 Huraikan empat wazaif kedua [5 - 8] tentang etika guru yang disenaraikan oleh Imam al-Ghazali dengan memaparkan **rujukan-rujukannya**. Kemudian berikan ukuran aplikasinya secara kritis dengan menggunakan skala 1 [amat buruk] hingga - 10 [amat baik] dalam sektor pendidikan anda (i. YIK / KIAS) dengan turut mencari **usaha-usaha untuk memaksimakan** perkara tersebut jika skalanya rendah.

6 Islam amat memuliakan profesyen perguruan. Berikan **lima bukti** dengan huraian tentang dakwaan ini dengan merujuk kepada kenyataan-kenyataan al-Quran, hadis atau sirah.



BAB 5

KESIMPULAN DAN RUMUSAN



Kini dunia korporat menguasai pemerintahan negara Malaysia. Dunia korporat meletakkan pendidikan sebagai satu industri, di mana institusi pendidikan dianggap sebagai badan korporat yang memberi perkhidmatan iaitu perkhidmatan pendidikan. Fenomena ini membentuk satu budaya pemerniagaan (*commercialisation of education*) yang menjadikan pendidikan sebagai komoditi bagi tujuan keuntungan. Usaha sedemikian dilakukan secara terancang dengan bantuan dana untuk pelajar melalui skim-skim pinjaman. Pendidikan terheret disempitkan atau diselewangkan menjadi pelajaran dan pengajian sahaja.

Dengan itu mereka menggelarkan pelajar sebagai pelanggan (*customer*) di samping tiga yang lain iaitu industri (majikan-majikan), ibubapa (sebagai *stake holder*) dan guru (pensyarah). Penentuan utama pendidikan ialah menyediakan graduan yang mengisi keperluan industri dengan ibubapa diberi jaminan akan berlangsungnya usaha-usaha tersebut. Contoh mudah dalam hal ini ialah kecenderungan pihak tertentu melihat Pengajian Islam di IPT-IPT menjadi subjek umum pilihan institusi di bawah kod MPU (mata pelajaran umum), bukan lagi subjek wajib di bawah MPW (mata pelajaran wajib). Dengan itu para pensyarah adalah alatan-alatan bagi mesin tersebut dengan produk yang dinilai oleh industri.

Pendidikan *Rabbani* memberi kemuliaan kepada guru sebagai faktor penting pendidikan. Mereka digelar dengan istilah-istilah mulia dengan mengaitkan kepada kewibawaan ketuhanan termasuk perkataan **murabbi**. Justeru modul ini melihat pelajar dan pensyarah bukan pelanggan. Mereka adalah manusia yang mesti membina dan dibina bagi mewujudkan insan atau graduan *rabbani* dengan ciri-ciri integratif dan

berhierarki antara kehendak ukhrawi iaitu keredhaan Allah SWT dan duniawi seperti industri. Ini bermaksud kehendak ukhrawi diutamakan sementara keperluan dunia adalah mekanisme untuk kejayaan di akhirat.

Modul ini mengaturkan satu perspektif peranan guru sebagai unsur terpenting dengan melibatkan tanggungjawab seperti berikut:

1. Tanggungjawab terhadap pelajar
2. Tanggungjawab terhadap ibubapa
3. Tanggungjawab terhadap rakan sejawat
4. Tanggungjawab kepada masyarakat dan negara.

Semua tanggungjawab tersebut berkait dengan tanggungjawab ketuhanan. Paksi penting adalah para guru, di mana seluruh kedinamikan sektor tersebut (i.e. pendidikan) bergantung kepada mereka. Untuk mengurus kedinamikan tersebut, mereka diperingatkan dengan empat perkara di atas dalam konteks dan aplikasi berikut:

I. Tanggungjawab terhadap pelajar (kod: TP)

- TP.1. Mengutamakan pendidikan pelajar dan kebajikan serta keselamatan mereka dari hal-hal lain.** Kelemahan pelajar menjadi keprihatinan guru untuk membuat usaha-usaha mengatasi kelemahan tersebut. Kreativiti guru amat diperlukan dalam hal ini.

TP.2. Bersikap adil terhadap setiap pelajar dengan memberi perhatian yang sepatutnya mengikut keperluan. Faktor-faktor perbezaan jasmani, mental, emosi, politik, ekonomi, sosial, keturunan dan agama tidak boleh mempengaruhi guru untuk bertindak diskriminasi. Semua pelajar berhak mendapat layanan dan perhatian yang sama.

TP.3. Merahsiakan maklumat ikhtisas atau sulit mengenai pelajar kecuali kepada pelajar yang berhak mengetahuinya. Maklumat-maklumat itu menjadi amanah kepada guru demi kepentingan kepercayaan dan penerimaan mereka terhadap guru. Maklumat sulit itu sebagai satu strategi untuk guru mengendalikan secara khusus bagi kes-kes yang memerlukan perhatian khusus.

TP.4. Bertanggungjawab membimbing atau mengajar serta membuat pemudahcaraan tanpa bermaksud kepada perolehan sebarang bayaran dalam darjah sendiri atau dalam mata-mata pelajaran yang diajar di bilik darjah. Khidmat bakti adalah harga diri guru dan tidak boleh diukur dengan nilai-nilai kebendaan.

TP.5. Menjadi model kepada pelajar dengan menunjukkan satu cara pakaian, peraturan dan tingkahlaku yang dapat memberi contoh yang baik kepada pelajar. Tanggungjawab ini berkait dengan pendidikan secara 'hidden

curriculum' yang diperlukan secara formal dan informal. Budaya guru menjadi budaya murid.

TP.6. Meningkatkan dan memperbaiki kecekapan ikhtisas bagi menentukan kredibiliti sebagai sumber ilmu kepada pelajar. Ini dapat dilakukan dengan cara melaksanakan pengkajian, penyelidikan, lawatan dan menghadiri kursus ikhtisas, persidangan, mesyuarat atau seminar dan sebagainya supaya pengajaran berkembang dan meningkat mencapai mutu yang semakin tinggi.

II. Tanggungjawab terhadap ibubapa / keluarga pelajar (kod: TK)

TK.1. Menghormati tanggungjawab utama ibubapa pelajar terhadap anak-anak mereka. Ibubapa diberi peluang untuk memberi komentar, teguran atau mendedahkan maklumat mengenai anak-anak mereka bagi membantu guru memahami tugas khusus mereka bagi kes-kes yang tertentu.

TK.2. Berusaha mewujudkan hubungan yang baik dan kerjasama yang erat di antara institusi dan rumahtangga pelajar dan ibubapa. Penglibatan ibubapa dalam urusan persekolahan anak-anak mereka diatur oleh pihak guru melalui cara-cara yang profesional dan standard.

TK.3. Bersifat amanah kepada ibubapa dengan menganggap semua maklumat yang diberikan oleh ibubapa mengenai pelajar dan rumah tangga mereka adalah rahsia,

kecuali perkara-perkara yang patut diberitahu kepada pelajar berkenaan. Guru mestilah mendapat kepercayaan ibubapa dalam hal ini dengan mempunyai bentuk hubungan yang baik dan mesra ibubapa.

TK.4. Memenuhi tanggungjawab memberikan maklumat-maklumat penting kepada ibubapa dan menggunakan maklumat tersebut dengan cara yang teliti dan penuh kerjasama. Ibu bapa berhak mendapat maklumat sedemikian untuk membantu guru dalam pendidikan murid-murid terutama mereka yang mempunyai masalah-masalah khusus.

TK.5. Mengelakkan diri dari dipengaruhi oleh kedudukan sosial atau ekonomi ibubapa dalam urusan sekolah. Ibubapa berhak mendapat peluang serta layanan yang sama dari sekolah atau guru bagi memastikan hubungan yang saling membantu. Sektor rumah tangga murid adalah asas pendidikan bagi mereka, dan justeru seorang guru perlu mengenali rumah tangga murid. Dengan itu guru perlu mengelakkan diri dari mengeluarkan kata-kata atau melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan kepercayaan pelajar kepada ibubapa atau penjaga mereka.

III. Tanggungjawab terhadap rakan sejawat.

(kod: TR)

TR.1. Mengelak diri dari membuat kenyataan, ulasan atau tindakan yang boleh mencemarkan nama guru lain di hadapan pelajar atau ibubapa. Sebaliknya seorang guru haruslah membantu reputasi guru lain dengan memberi kerjasama dan bersikap bantu membantu atau komplemen. Kehormatan kawan sebaya adalah kehormatan diri sendiri dalam kumpulan secara kolektif.

TR.2. Tidak melibatkan diri dengan sesuatu yang boleh menjejaskan imej, reputasi juga kecekapan sebagai seorang guru. Ini adalah kerana sama ada sesuatu yang bersifat tidak profesional hatta kelakuan-kelakuan personal yang naif akan menjejaskan kredibiliti guru terutama bila diketahui oleh pelajar dan rakan sebaya guru. Dalam erti kata lain ialah sentiasa menjaga diri supaya tidak mencemari profesyen perguruan.

TR.3. Menghormati profesyen diri dengan berusaha bersungguh-sungguh dan sepenuhnya dalam menunaikan tanggungjawab sejajar dengan kemajuan ikhtisas dan sosial. Kesungguhan adalah unsur itqan yang menunjukkan digniti guru. Kerja sambil lewa menunjukkan kenaifan komitmen guru kepada kerjayanya. Di antara ciri kesungguhan ialah mempunyai perancangan dan tindakan-tindakan kerja secara kolektif.

TR.4. Sentiasa sedia membantu rakan sejawat terutama mereka yang baru dalam profesyen tersebut. Pengalaman guru-guru lama amat berguna kepada guru baru. Pengalaman seseorang adalah satu cara terbaik sebagai latihan kepada orang lain. Amalan ini akan melahirkan sikap kerjasama serta budaya kerja berorganisasi dan tegur menegur yang sihat.

TR.5. Terlibat sebagai ahli masyarakat dan pertubuhan guru. Satu dari ciri profesional ialah seseorang itu mempunyai persatuan dan berorganisasi dengannya. Ini adalah keperluan yang tidak boleh dikompromi jika ingin menjadi guru yang baik dan luas pemikiran dan strategi kerjayanya. Keadaan ini juga akan membuatkan seseorang dapat mempertahankan hak-hak kerjayanya jika terdapat ancaman atau cabaran-cabaran,

IV. Tanggungjawab kepada masyarakat dan negara. (kod: TM)

TM.1. Mengelakkan diri dari menyebarkan sesuatu ajaran yang boleh merosakkan kepentingan masyarakat atau negara atau pun bertentangan dengan Rukun Negara. Peraturan dan undang-undang negerahendaklah dijunjung tinggi dengan meletakkan kepentingan negara didahulukan. Sementara aturan dan hukum-hukum agama adalah basis yang tidak dikompromi.

TM.2. Memupuk sikap dan nilai dalam diri dan masyarakat yang boleh membantu dan membimbing mereka menjadi warga negara yang baik, taat setia, bertanggungjawab, berguna dan menghormati adanya perbezaan kebudayaan, keturunan dan agama. Ini dapat dilakukan juga melalui pelajar yang disampaikan kepada ibubapa secara tidak langsung melalui anak-anaknya.

TM.3. Menghormati masyarakat setempat di mana guru bertugas serta memenuhi tanggungjawab sebagai seorang warga negara yang sentiasa sanggup mengambil bahagian dalam sebarang kegiatan masyarakat. Masyarakat adalah sebahagian komponen pendidikan yang mesti dilibatkan sama berperanan dalam mendidik pelajar.

TM.4. Menggalakkan kerjasama dan persefahaman di antara guru dengan ibubapa serta masyarakat, samada secara formal melalui PIBG atau tidak formal dalam pergaulan hidup dan kecaknaan kepada isu-isu masyarakat. Guru adalah sebahagian dari ibubapa dan masyarakat, malah masyarakat guru adalah sepatutnya menjadi tempat rujukan masyarakat awam.

TM.5. Memberi sumbangan cergas untuk meninggikan kehidupan, moral, kebudayaan dan kecendekiawanan masyarakat. Sebagai golongan pendidik tentunya para guru berkeupayaan membina moral dan keilmuan

Adalah penting untuk seseorang guru melihat aspek akidah, akhlak dan adab (3A) sebagai sistem nilai bagi mendokong falsafah UMI ('Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan) untuk dasar MBI dalam pendidikan. Sementara sistem nilai tersebut pula dilunaskan melalui tanggungjawab kerja (*mas'uliyah*). Asas dan akarnya ialah pengabdian diri kepada Allah SWT ('*ubudiyah*) dan dengan itu tiga perkara atau 'doktrin' berikut mestilah disedari;

1. Profesyen perguruan yang begitu mulia adalah sebagai **gagasan 'ubudiyah para pendidik** kepada Allah SWT. Ia menjadi parameter asasi yang tidak ada dalam gagasan pendidikan konvensional atau Barat. Kerjaya guru dalam Islam ialah bahagian kedua ibadahnya setelah ibadah bahagian pertama iaitu ibadat-ibadat khusus ditunaikan. Dua kumpulan ibadah ini mempunyai pertalian sepadu dan bersifat komplemen antara satu sama lain. Contohnya, sembahyang akan memantau kerjaya seseorang sementara kerjaya itu mengisi makna sembahyangnya.
2. **Mas'uliyah** bagi seorang guru adalah pelaksanaan gagasan '*ubudiyah* yang dilunaskan melalui tanggungjawab tugas khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi melahirkan graduan *rabbani*. Tanggungjawab itu bukan sahaja kepada manusia dalam konteks '*hablum minannas*' (*hubungan sesama manusia*), tetapi juga sebagai kebuktian atau lanjutan kepada '*hablum minallah*'

(*hubungan dengan Allah*). Mereka pasti akan dipersoalkan di akhirat tentang apa yang mereka lakukan di dunia sebagai akauntabiliti sosial dan agama.

3. **Itqan** dapat dilaksanakan dengan mengambil prestasi istiqamah dan fokus guru dalam hubungan dengan murid, ibubapa, kawan sejawat juga masyarakat dan negara. Mereka yang tidak beritqan adalah tidak disukai oleh Allah SWT, juga oleh manusia yang rasional. Dengan itu *itqan* adalah maruah dan digniti seseorang yang membentuk integritinya dengan Allah SWT dan makhluk. Tiada *itqan* bermakna tiada integriti dan maruah diri.

Agenda Pengislaman Ilmu (PI) juga adalah penting dalam melaksanakan falsafah UMI bagi dasar MBI dalam pendidikan. Ia bukan sahaja sebagai tindakbalas kepada kesesatan Barat dalam konsep ilmu dan pendidikan, tetapi merupakan hak orang-orang Islam untuk mngembalikan ilmu ke tempat yang benar. Kepentingan agenda ini telah dijelaskan dalam bab 3 (i.e. PI) yang lalu dan tindakan sekarang ialah pelaksanaan dan pelunasannya dalam kerjaya guru atau pendidik.

Aspek nilai adalah kayu ukur bagi kebenaran dan *autentisiti profesionalism* guru. Mesej kerasulan Rasulullah SAW ini (i.e sebagai penyempurna akhlak mulia) dapat dilaksanakan oleh para guru dan pendidik melalui kerjaya mereka.

Keseluruhan profesionalisme seorang guru yang bersifat *rabbani* sudah cukup untuk melaksanakan misi kekhalifahan (*khilafah*) dan kehambaannya kepada Allah SWT. Ia bersyarat

jika diisi dan disandarkan kepada **dasar Islam** melalui pendokongan kepada **falsafah, agenda** serta **sistem nilai** yang dianjurkan oleh Islam. Modul ini membawa pendekatan **UMI, PI & 3A** untuk tiga pengisian tersebut.

Disemak kali pertama pada 23/7/2018
Bersamaan 10 Zulqaidah 1439H.

Disemak kali kedua pada 8/8/2018
Bersamaan 26 Zulqaidah 1439H.

A decorative border with intricate floral and scrollwork patterns, framing the central text. The border is composed of two ornate, symmetrical floral motifs at the top and bottom, connected by a vertical dotted line on the left and right sides.

LAMPIRAN

| Bil | Bahan | No Lampiran | Muka Surat |
|-----|---|-------------|------------|
| 1 | Ayat-ayat Tema Pendidikan Rabbani | Lampiran 1 | 153 |
| 2 | Pembangunan Insan dan Pendidikan Rabbani | Lampiran 2 | 155 |
| 3 | Pendidik YIK - Guru 5 Dimensi | Lampiran 3 | 156 |
| 4 | Skema Kedudukan Ilmu Islam | Lampiran 4 | 160 |
| 5 | Petikan Dari Laporan J/K Pendidikan & Masyarakat - Persidangan Makkah 1977 | Lampiran 5 | 163 |
| 6 | Gagasan Pengislaman Ilmu - Definisi, Sejarah Dan Premis Moden | Lampiran 6 | 165 |
| 7 | Konotasi Maksud Islamisasi Dan Dewesternisasi al-Attas, al-Faruqi dan Sardar | Lampiran 7 | 175 |
| 8 | Terjemahan <i>Fadhilat al-Ta'lim</i> (Keutamaan Mengajar) - Petikan Kitab <i>Ihya Ulumiddin</i> . | Lampiran 8 | 177 |
| 9 | Penjelasan Tugas-tugas Guru Mursyid Mu'allim (وظائف المرشد المعلم) Petikan daripada kitab <i>Ihya Ulumiddin</i> . | Lampiran 9 | 192 |

Ayat-ayat Tema dan Agenda Pendidikan Rabbani

Ayat TEMA 1 (Ali Imran / 79)

مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِي مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّانِيِّينَ بِمَا كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ ﴿٧٩﴾

Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya Kitab agama dan hikmat serta pangkat Nabi, kemudian ia tergamak mengatakan kepada orang ramai: "Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah". Tetapi (sepatutnya ia berkata): "Hendaklah kamu menjadi orang-orang Rabbaniyyin (yang hanya menyembah Allah Taala - dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya.

(Aali Imran / 79)

Ayat TEMA 2 (al-Baqarah / 30)

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالِ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".

(Al-Baqarah / 30)

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ
وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢﴾

Dia lah yang telah memutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) dari bangsa mereka sendiri, yang **membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah** (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan **membersihkan mereka** (dari iktiqad yang sesat), serta **mengajarkan mereka Kitab Allah** (Al-Quran) dan **Hikmah** (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad SAW) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.

(Jumuat / 2)

Ayat AGENDA 2 (al-Haj / 41)

الَّذِينَ إِن مَّكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ
وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَاللَّهُ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka **mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar**. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.

(al-Haj / 41)

Pembangunan Insan Dan Pendidikan Rabbani

Islam telah menetapkan acuan pembangunan Islam dengan ilmu secara jelas melalui ayat yang pertama diwahyukan kepada Rasulullah S.A.W. Firman Allah :

"Bacakanlah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menjadikan (sekalian makhluk) [1] Dia menciptakan manusia dari sesuatu yang bergantung [sepermi] [2] Bacalah dan Tuhanmu yang Maha Pemurah [3] Yang mengajar manusia melalui pena [4] Yang mengajar manusia apa yang ia tidak mengetahui [5]"

(Surah al-Alaq / 1-5)

Peranan ilmu adalah berkonsepkan *Rabbani* (Ketuhanan) dan alatnya melalui pembacaan dan penulisan. Di sini al-Quran mengiktiraf peranan bahasa kaum ibunda masing-masing dalam dunia ilmu. Allah berfirman :

"Dan Kami tidak memutuskan seseorang Rasul melainkan dengan **bahasa kaumnya** supaya dia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. Maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturannya), juga memberi hidayat petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturannya) ; dan Dialah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."

(Ibrahim / 4)

Pendidikan adalah melalui ilmu **Fardu 'Ain** bagi setiap manusia yang wajib membina jati diri berlandaskan **Iman, Islam dan Ihsan** (Aqidah, Syariah dan Akhlak). Selepasnya ilmu yang khusus bagi peranan masing-masing dalam urusan agama dan dunia yang disenaraikan dalam urusan **Fardu Kifayah** merangkumi hubungan manusia dengan Tuhan Penciptanya, diri sendiri, keluarga, masyarakat dan hubungannya dengan alam sekeliling di bumi dan angkasa lepas, nyata dan ghaib, serta berwawasan jauh daripada dunia sehingga akhirat.

Pendidik YIK : Guru 5 Dimensi

Falsafah Pendidikan YIK menyebut lima istilah yang menjadi imej dan orientasi guru-guru YIK dalam tugas mereka. Istilah-istilah itu membawa mereka menjadi *murabbi*, *mu'allim*, *mudarris*, *muaddib* dan *mursyid*. Tiap gelaran itu mempunyai signifikansi tertentu yang mesti dibahui oleh mereka dalam menjalankan tugas.

Perkataan falsafah secara ringkasnya merujuk kepada lima aspek iaitu **metafizik, epistemologi, logik, etika dan estetika**. **Metafizik** merujuk kepada hakikat-hakikat ketuhanan juga perkara-perkara ghaib atau makna-makna yang hakiki tentang sesuatu perkara. **Epistemologi** pula adalah tentang takrif dan kedudukan sesuatu perkara. **Logik** adalah merujuk tentang kemunasabahan atau kesepatan tentang sesuatu perkara. Sementara **etika** adalah sistem nilai baik atau buruk yang dipakai oleh seseorang, dan **estetika** pula ialah persoalan tentang keindahan atau keharmonian sesuatu perkara atau tindakan.

Bila YIK mengaitkan lima istilah-istilah keguruan dalam falsafahnya, maka lima dimensi tadi tentunya mempunyai makna-makna dan signifikansi tertentu dalam penampilan seseorang guru. Sebagai **Murabbi**, seseorang guru seharusnya **dapat membawa pelajar mendekati diri kepada Allah sebagai Rab**, hatta melalui mata pelajaran sains yang diajar kepada murid **dapat menimbulkan rasa kebesaran Allah SWT**. Ilmu sains itu sendiri mestilah mempunyai epistemologi yang betul sebagai sesuatu anugerah Allah SWT. Logik sains perlu dihubungkan dengan kehendak Allah SWT (metafizik)

dan mestilah mempunyai piawaian baik dan buruk (etika). Malah di sinilah nilai-nilai syariat atau hukum fekah mesti diambil kira.

Seorang **Mu'allim** tentunya mempunyai bukan sahaja maklumat yang berupa kandungan kognitif atau akal. Hakikatnya ilmu itu berkaitan dengan sesuatu yang bersifat metafizik iaitu ketuhanan. Ilmu itu adalah sifat Allah SWT. Ilmu dari aspek epistemologi adalah sesuatu yang berada dalam dada atau hati manusia, bukan setakat akal. Dengan itu seorang guru bukan bertugas hanya memindahkan maklumat dari buku kepada kognitif pelajar sahaja. **Guru bertugas memindahkan makna atau mesej dari maklumat tersebut kepada aspek efektif**. Jika tidak, guru hanya akan menjadi pembekal beban seperti seekor keldai dibebani oleh tuannya. Allah menggambarkan hal ini sebagai kelakuan Yahudi. Kalau setakat melakukan pemindahan fakta ke kognitif, maka guru bukan seorang *mu'allim*.

Seorang **Muaddib (pembentuk adab/ pengasuh)** pula adalah seseorang yang membina keseluruhan potensi pelajar sama ada kognitif, efektif, emosi juga rohani. Ini telah berlaku kepada Rasulullah SAW di mana Baginda SAW bersabda: *'Tuhanku telah membina adab padaku dan ia sebaik-baik pengadaban'*¹. Hal ini serasi dengan sabda Baginda juga yang bermaksud; *'Sesungguhnya aku dibangkitkan adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia'*².

Konotasi *ta'dib* membawa maksud kepada nilai yang dihasilkan oleh *tarbiyah* dan *ta'lim* kepada individu. Nilai ialah yang menjadi pemberat timbangan manusia di akhirat nanti, malah

¹ Faik Atiyah Shaqar dalam *الإفتاء المصرية* (http://www.islamic-council.com - Mei 1997) menyebut hadis ini dhoif tetapi maknanya adalah sah/betul.

² Riwayat Ahmad, Baihaqi dan lainnya dengan lafaz yang berbeza.

menjadi syarat penerimaan amalan manusia di dunia. Akhlak adalah satu komponen dari makna Islam di samping akidah dan syariat.

Bertindak sebagai seorang *Mudarris* pula, seseorang guru akan memacu pelajar menjadi seorang yang matang dan berinstitusi dari sudut ilmunya. Seseorang pelajar di bawah pendidikannya akan menjadikan ilmu sebagai satu komponen hidupnya di mana ilmu itu menjadi rujukan dan panduan dalam hidup. Ilmu diinstitusikan dalam masyarakat hingga menjadi faktor penting dalam penentuan sesuatu keputusan. Dalam konteks sebuah sekolah, guru akan menjadikan ilmu mempunyai struktur hierarki juga organisasi yang baik, misalnya dari segi keutamaan *fardhu ain* dan *fardhu kifayah*. Begitu juga proses pengajarannya mempunyai struktur dan penataran yang standard. Inilah yang menjadikan tempat pengajian itu sebagai sebuah madrasah.

Dimensi ke lima seorang guru adalah sebagai *Mursyid*. Ia berkonotasi kepada tugas kepimpinan juga pembawaan diri yang boleh menjadi jalan panduan kepada pelajar. Beliau adalah seorang guru yang diyakini segala ajaran dan nasihatnya. Dalam konteks tertentu beliau adalah 'idola' kepada pelajar. Penampilan seorang guru bersifat mursyid akan membawa ketenangan, keselesaan dan kedamaian kepada pelajar. Ia dilihat sebagai seorang 'suci' yang mengkagumkan. Malah hal itu terbukti dari cara hidup dan gaya tingkah laku seharian guru tersebut termasuk orientasi komunikasi hidupnya dalam konteks hubungan sosial, politik, ekonomi dan aspek-aspek lain. **Amalan-amalan kesufian adalah amalan rutin seseorang mursyid.**

Lima dimensi tersebut akan memangkingkan kepada pendidikan Rabbani (Rujukan : Ayat 79 surah Aali 'Imran³) yang menjadi tuntutan Allah kepada golongan terpelajar tersebut. Maka guru adalah 'pelita' masyarakat, bukan sebagai sebuah lilin yang naif.

(Disusun oleh : Dr Yaacob bin Yusoff, Pengarah ILPK)

Surah Aali 'Imran / 79 :

مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ
لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِي مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّانِيِّينَ بِمَا
كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ ﴿٧٩﴾

Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya Kitab agama dan hikmat serta pangkat Nabi, kemudian ia tergamak mengatakan kepada orang ramai: "Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah". Tetapi (sepatutnya ia berkata): "Hendaklah kamu menjadi orang-orang Rabbaniyyin (yang hanya menyembah Allah Taala - dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya.

Skema Kedudukan Ilmu Dalam Pendidikan Islam
Oleh Syed Mohd Nagiub al-Attas.
(Dengan Huraian Tambahan Bahasa Melayu
Oleh Dr Yaacob Yusoff, Pengarah ILPK)

Syed Mohd Nagiub al-Attas telah membuat skema yang menerangkan kedudukan ilmu sebagai anugerah dari Allah SWT kepada manusia. Anugerah secara langsung ialah kepada Nabi Adam A.S. di samping secara *ladunni* kepada manusia biasa. Manusia lain mendapat ilmu dari Allah SWT melalui usaha ikhtiar atau proses pembelajaran oleh mereka.

Berasaskan kitab al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW manusia mempunyai dua jenis sumber ilmu. Pertama yang bersifat wahyu [Revealed] dan kedua adalah hasil usaha dari kemakrifatan (kebijaksanaan) mereka (required). Kumpulan ilmu pertama adalah seperti ilmu tauhid, prinsip-prinsip Islam, sunnah Rasul dan lain-lain dan ianya bertaraf **fardu ain**. Sementara jenis kedua ialah seperti ilmu sains, humaniti (kemanusiaan), ekonomi dan lain-lain yang bersifat **fardu kifayah**.

Ilmu *fardu ain* adalah ilmu teras kepada ilmu *fardu kifayah*. Ia mestilah diajar pada episod-episod awal kehidupan manusia. Ia menjadi kewajipan kepada setiap orang mempelajarinya. Sedangkan ilmu *fardu kifayah* cukup dipelajari oleh sebahagian ahli masyarakat yang berkeupayaan menguasainya. Walau bagaimana pun ilmu *fardu kifayah* seperti kejuruteraan misalnya adalah bertaraf *fardu ain* ke atas mereka yang menceburi bidang berkenaan.

Dalam konteks pengajian tinggi, ilmu *fardu ain* tetap mempunyai tahap pengkhususan di mana ia berkembang ke peringkat pakar dan profesional, bukan awam lagi. Misalnya ilmu syariah di peringkat ijazah kedoktoran (Ph. D). Ini bermakna bahawa ilmu *fardu ain* bukan bersifat statik di tahap awal sahaja. Sementara itu ilmu-ilmu *fardu kifayah* di peringkat tinggi atau pengkhususan mempunyai fokus masing-masing. Walau pun sedemikian, ia mempunyai kesatuan di peringkat *fardu ain* yang disatukan oleh ilmu agama.


Konsep universiti dalam Islam dari segi struktur ilmu adalah dalam kerangka atau skema sedemikian. Dengan itu tidak ada konsep dan struktur bersifat dikotomi/ pengasingan. Walau pun pengkhususan mungkin berbeza antara sesuatu institusi atau universiti, tetapi mereka mempunyai persamaan pada asas ilmu *fardu ain*. Dengan itu tidak ada pemisahan di antara 'ustaz / ustazah' dengan 'guru' di peringkat rendah dan menengah.

Skema beginilah yang akan melahirkan insan *Rabbani*, bukan sekadar modal insan sahaja.

(Disusun oleh: Dr Yaacob Yusoff, Pengarah ILPK)

Rajah Skema:

**Skema Kedudukan Ilmu Islam (Tradisi) & Sains
Dalam Konteks Klasifikasi dan Susunan Hirarki Ilmu
Oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas**



Note : With respect to the system of order and discipline in the educational sphere, the above Schema descends to the university, which is the highest level of the education system. However the same pattern as outlined for the university applies to the lower levels in gradations from the lowest to the highest.

**Petikan dari : Laporan Jawatan Kuasa Pendidikan
Dan Masyarakat,
Persidangan Dunia Pendidikan Pertama
- Mekkah 1977**

[Petikan].....

3.1. Apa yang menjadikan sesuatu sistem pendidikan itu Islam atau pun tidak ialah penerapan atau pun gagal menerapkan **aqidah** dan **larangan** (batasan) Islam seperti yang dinyatakan dalam kitab suci al-Quran dan Sunnah (sebagai) fokus utama dalam semua kegiatan pendidikan. Malah inilah satu-satunya kriteria yang kita boleh nilai sejauh manakah pengislaman matlamat, objektif, kurikulum dan bahan pengajaran sesebuah sistem pendidikan.

3.4. Jawatankuasa juga menekankan bahawa matlamat dan objektif juga kurikulum bukanlah hanya satu komponen sistem pendidikan. **Pusat bagi sistem ini ialah guru**. Dengan itu perancangan program pendidikan guru Islam hendaklah diberikan keutamaan tertinggi. Sama juga perancangan pendidikan, pentadbiran dan pembiayaan hendaklah disusun menurut Islam supaya ia memenuhi kriteria keberkesanan matlamat dan objektif dan keberkesanan dalam kos yang terlibat. Jawatankuasa ini mengesyorkan bahawa sebahagian besar **Keluaran Negara Kasar** bagi setiap **Negara Islam** hendaklah **diperuntukkan khusus untuk tujuan pendidikan**.

5.2. Institusi politik dan proses membuat keputusan politik dalam Negara Islam hendaklah disusun semula mengikut prinsip perwakilan Islam yang popular, perundangan, syura dan (bersifat) munasabah. Penilaian prestasi seseorang yang memegang kedudukan amanah, samada birokrasi politik atau pentadbiran hendaklah diinstitusikan berdasarkan kriteria objektif sebenar. Sistem pendidikan boleh secara jelas menyumbang kepada tanggapan sempurna dengan menumpukan kepadanya (pendidikan) dalam berbagai peringkat dan jenis kurikulum pendidikan, dan secara menyusun rancangan dan kegiatan yang memberikan pelajar peluang untuk mengamalkan tanggapan ini. Hanya dengan inilah proses pendidikan dapat menyediakan generasi muda untuk mengatur kehidupan mereka secara individu dan secara kolektif menurut Islam.

[Dipetik dari : M. Wasiullah Khan (Pent. Mohamad Nordin Zainuddin) (1989) *Pendidikan Dan Masyarakat Dalam Dunia Islam*,

DBP : Kuala Lumpur. M.s 147 & 148.]

Gagasan Pengislaman Ilmu - Definisi, Sejarah dan Premis Moden

[Petikan dari : Nor Hisyam Md Nawi (2015) *Perjuangan Pendidikan Dari Kesepaduan ke Islamisasi*, UMK.]

PENDAHULUAN

Bertolak dari keterangan sebelumnya, ilmu yang bersepadu merujuk kepada kesepaduan di antara ilmu *fardhu ain* yang bersumberkan wahyu dengan ilmu *fardhu kifayah* yang bersumberkan pemikiran manusia. Kedua-dua ilmu ini bersifat dinamik dan perlu dipelajari secara berterusan. Perkembangan ilmu *fardhu kifayah* perlu berpaksikan kepada ilmu *fardhu ain*. Walau bagaimana pun, ilmu *fardhu kifayah* yang berkembang pesat masa kini khususnya ilmu sains moden Barat terpisah dari paradigma *tauhid*. (al-Attas 1878 ; Fazlur Rahman 1982 ; Syed Ali Asyraf 1981). Ini menjadikan proses kesepaduan ilmu *fardhu ain* dengan ilmu *fardhu kifayah* seperti ilmu sains kemanusiaan tidak lagi dapat dilakukan dengan mudah. Justeru proses kesepaduan ilmu di peringkat IPT memerlukan satu pendekatan yang jitu dan tepat. Jika ia tidak dilakukan dengan sempurna, proses tersebut hanya akan mengulangi kesilapan yang sama iaitu mengekalkan kesinambungan keterpisahan ilmu *naqli* dan *aqli*.

Untuk itu, lahir gagasan Islamisasi ilmu moden yang cuba merungkaikan permasalahan umat Islam dengan memberi tumpuan kepada agenda pendidikan (Mohd Nasir Omar, 2001). Pendidikan sepadu dan Islamisasi ilmu pada dasarnya

adalah perkara yang sama. Pun begitu konsep pendidikan sepadu bersifat lebih umum manakala Islamisasi ilmu pula lebih mengkhusus. Ini bermakna bahawa tidak semua konsep kesepaduan boleh dikaitkan dengan Islamisasi ilmu tetapi sebaliknya pula bagi gagasan Islamisasi ilmu. Walau bagaimana pun, tujuan dan matlamatnya adalah sama. Pendidikan sepadu bermatlamatkan untuk meletakkan kembali sistem pendidikan pada landasan yang betul selepas tergelincir disebabkan oleh pengaruh sekularisme dan dualisme dalam bidang pendidikan. Komponen asas yang terlibat dalam pembentukan pendidikan sepadu ialah manusia dan ilmu. Manakala gagasan Islamisasi ilmu pula berfungsi secara lebih mengkhusus dari sudut untuk meletakkan kembali ilmu sains moden ke dalam kerangka ilmu yang berteraskan prinsip *tauhid*.

Hubungan antara keduanya juga boleh dilihat dari sudut bahawa konsep pendidikan sepadu diperlukan di semua peringkat pendidikan khususnya di peringkat rendah dan menengah. Manakala gagasan Islamisasi ilmu pula diperlukan di peringkat pendidikan tinggi bagi menghadapi cabaran perkembangan ilmu pengkhususan yang semakin kompleks. Menurut Wan Mohd Nor (2003) gagasan Islamisasi ilmu tidak perlu diperkenalkan di peringkat rendah dan menengah bagi mengelakkan kekeliruan yang mungkin timbul. Setiap konsep tersebut (pendidikan sepadu dan Islamisasi ilmu) mempunyai pendekatan yang pelbagai walau pun dasar dan matlamatnya adalah sama. Kepelbagaian ini adalah sesuatu yang sihat dalam rangka memantapkan lagi konsep tersebut. Menurut Tajul Arifin (1993) pendidikan sepadu mempunyai empat pendekatan yang bertindak saling melengkapi antara satu sama lain iaitu pendekatan kurikulum, kesuburan hati, falsafah ilmu dan pembangunan ummah. Walau pun pendekatannya pelbagai tetapi semuanya bersetuju bahawa sumber pendidikan

yang teragung ialah al-Quran dan al-Sunnah serta terasnya adalah *tauhid*. Menurut Syed Azad Syed Attar (1998), gagasan Islamisasi ilmu juga mempunyai pelbagai pendekatan walaupun matlamatnya adalah sama.

DEFINISI ISLAMISASI DAN ISLAMISASI ILMU

Terdapat pelbagai pandangan dikemukakan terhadap definisi Islamisasi atau Islamisasi ilmu moden. Kebanyakan definisi yang dikemukakan bergantung kepada tafsiran dan kefahaman masing-masing. Terdapat beberapa istilah lain yang digunakan membawa pengertian yang hampir sama seperti *desekularisasi*, *dewesternisasi*, *integrasi*, *holistik*, *kebangkitan semula*, *kesepaduan sejagat* dan lain-lain. Meskipun begitu, ia tidak sekali-kali membawa maksud yang sama dengan istilah '*Islamisasi ilmu moden*' sebagaimana yang telah diperkenalkan oleh pihaknya yang asal (Imron Rosidy, 1998).

Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978), definisi Islamisasi ialah "*pembebasan manusia ; pertama dari tradisi tahyul, mitos, animis, kebangsaan dan kebudayaan dan selepas itu (pembebasan akal) dan bahasa dari sekularisme*". Definisi ini menjadikan manusia sebagai sasarannya, bukan sistem, struktur atau pun organisasi yang terdapat dalam masyarakat. Berdasarkan definisi tersebut, Islamisasi berfokuskan perubahan pemikiran dan keilmuan setiap individu muslim. Definisi Islamisasi ilmu moden yang dikemukakan oleh al-Faruqi (1989) ialah "*memberikan definisi baru, mengatur dan menghubungkan data-data, menilai kembali kesimpulan-kesimpulan, mengulangkaji semula tujuan-tujuan sehinggalah disiplin ilmu tersebut memperkayakan wawasan Islam dan bermanfaat bagi cita-cita Islam*." Walaupun terdapat

pentafsiran yang berbeza-beza tentang Islamisasi, ramai tokoh yang berpendapat bahawa kepelbagaian istilah bukanlah suatu masalah selagi mana intipati, prinsip dan matlamatnya adalah sama.

Selain daripada Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Ismail al-Faruqi, terdapat beberapa tokoh lain yang turut membincangkan gagasan Islamisasi seperti Syed Hussein Nasr (1984), Ziauddin Sardar (1984), Jaafar Syeikh Idris (1977), Shaharir Mohamad Zain (1984) Hassan Langgulung (1984) dan lain-lain. Menurut Imron Rosidy (1998) terdapat dua tokoh yang paling menonjol dan telah memberikan penjelasan mengenai gagasan tersebut secara menyeluruh iaitu Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Ismail al-Faruqi.

SEJARAH PERKEMBANGAN ISLAMISASI ILMU MODEN

Peradaban Islam telah mencapai zaman kegemilangan khususnya pada zaman Abbasiyah. Walau bagaimanapun peradaban tersebut kemudiannya merosot disebabkan oleh pelbagai faktor luaran dan dalaman. Eropah kemudiannya bangkit dan mengepalai kepimpinan intelektual daripada umat Islam terutama selepas era revolusi perindustrian. Ulama, cendekiawan dan pemimpin Islam yang sedar cuba bangkit untuk menyelesaikan masalah ini. Banyak pendekatan telah digunakan seperti pembangunan ekonomi, penyucian hati dengan tarekat, pembaharuan politik, modenisasi dan lain-lain. Namun ia masih gagal untuk memulihkan penyakit umat yang semakin parah kerana asas permasalahannya tidak diselesaikan (Barzinji, 1996). Menurut Abu Sulayman (1997) permasalahan utama yang dihadapi oleh umat Islam kini ialah krisis pemikiran yang tidak keruan dan teruk. Oleh itu, pendekatan pertama yang

perlu digunakan ialah membaiki dan memperbetulkan kembali salah faham umat terhadap ilmu. Usaha untuk memulihkan semula pemikiran umat dan membina kembali peradaban Islam inilah yang dinamakan Islamisasi ilmu moden.

Menurut Anees (1997), usaha dan tindakan ke arah pengislaman ilmu asing bukanlah sesuatu yang baru dalam sejarah intelektual Islam. Ramai cendekiawan Islam lampau menyatakan idea yang sama walaupun caranya berbeza-beza. Ini bermakna dari sudut sejarah, ia telah pun mempunyai asas yang jelas dan secara konsepsualnya ia berasal dari asas-asas Islam. Malah sebenarnya umat Islamlah yang mempelopori gerakan penerimaan ilmu dari tamadun lain dan melakukan pengubahsuaian menurut prinsip kerangka *tauhid* yang jelas. Banyak contoh boleh dinyatakan untuk membuktikan perkara tersebut. Karya Imam al-Ghazali "*Tahafut al-Falasifah*" adalah contoh yang jelas di mana beliau telah membersihkan kerangka ilmu falsafah daripada peresapan unsur-unsur asing yang bertentangan dengan tasawwur Islam. Dalam karyanya, beliau telah mengenalpasti dua puluh idea utama di kalangan ahli falsafah Islam yang diambil daripada falsafah Greek dan empat daripadanya benar-benar bertentangan dengan prinsip asas kepercayaan Islam. Beliau melakukan semua ini dengan cara biasa tanpa menyebut '*pengislaman ilmu*' kerana agama dan umat Islam pada waktu itu merupakan salah satu agama dan umat terkuat di dunia. Oleh itu, usaha yang mereka lakukan adalah dalam suasana psikologi yang kuat.

Menurut Syed Azad (1998) apa yang berlaku sekarang ini agak berbeza jika dibandingkan dengan umat Islam zaman lampau kerana penguasaan ilmu pada hari ini bukan lagi di tangan umat Islam. Kebanyakan umat Islam pada hari ini terlalu mengagumi tamadun Barat dan mempelajari ilmu mereka dengan rasa

rendah diri. Justeru, mereka menerimanya bulat-bulat tanpa mengubahsui kembali supaya bertepatan dengan pandangan alam Islam. Dalam keadaan umat Islam yang begitu lemah dari semua aspek inilah lahirnya gagasan Islamisasi ilmu moden untuk meningkatkan kembali jatidiri umat Islam.

Menurut Siddiqi (1988), gagasan Islamisasi ilmu diperkenalkan buat pertama kalinya oleh Muhammad Iqbal apabila beliau menanggapi ketidakseimbangan tamadun Barat moden yang berpunca dari dasar ilmunya yang menderhakai agama. Beliau lalu menggesa cendekiawan Islam untuk mengislamkan ilmu tetapi tidak pula menjelaskan maksud dan cara melakukannya. Terdapat beberapa individu lagi yang turut memperkatakan perkara yang sama seperti Syed Husein Nasr dalam bukunya *"Science and Civilization in Islam."*

Namun individu yang pertama mendefinisi, menerang dan meletakkannya dalam bentuk formula yang sistematik ialah Syed Muhammad Naquib al-Attas. Beliau telah mengemukakan secara rasmi gagasan tersebut di hadapan 313 para ilmunan dan pemikir Islam dalam *Persidangan Pertama Sedunia Mengenai Pendidikan Islam* di Makkah pada tahun 1977 (Wan Mohd Nor, 1991). Persidangan tersebut merupakan satu peristiwa yang sangat penting dalam sejarah pendidikan umat Islam. Ia telah membuka mata intelektual muslim tentang bahayanya pendidikan sekular dan dualis kepada keimanan umat Islam. Keputusan telah diambil untuk menyingkirkan dualisme pendidikan dan menggantikannya dengan pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu.

Persidangan Dunia Pendidikan Islam Kali Kedua diadakan di Pakistan pada 15 sehingga 20 Mac 1980. Dalam persidangan ini, al-Attas sekali lagi mengulangi dan melanjutkan lagi gagasan

Islamisasi ilmu moden yang telah dinyatakan sebelumnya. Di samping itu, beliau turut menerangkan tujuh konsep utama yang saling berkaitan iaitu : *konsep al-Din, insan, ilm dan ma'rifah, hikmah, 'adl, 'amal sebagai adab dan universiti (kulliyah-jami'ah)*. Rentetan daripada itu, pelbagai institusi telah ditubuhkan sebagai respon kepada persidangan tersebut. Pada tahun 1981, al-Faruqi dan Adul Hamid Abu Sulayman telah menubuhkan *Institut Pemikiran Islam Antarabangsa (IIIT)*. Pada tahun 1983, Shaikh Ahmad Solah Jamjoom, Abdullah Omar Naseef dan Syed Ali Asyraf telah menubuhkan Akademi Islam di Cambridge. Pada tahun yang sama *Universiti Islam Antarabangsa Malaysia* telah ditubuhkan. Manakala pada tahun 1987, al-Attas telah menubuhkan *Institut Pemikiran Islam dan Peradaban Antarabangsa (ISTAC)* di Kuala Lumpur (Saqeb 1998).

Institusi yang aktif memperjuangkan gagasan tersebut ialah *Institut Pemikiran Islam Antarabangsa (IIIT)* yang berpusat di Virginia, Amerika Syarikat. Penggerak utama institusi ini ialah Ismail al-Faruqi. Di bawah kepimpinan beliau, gagasan Islamisasi ilmu moden dipopularkan khususnya dengan terhasilnya buku *'The Islamization of Knowledge : General Principles and Workplan'*. Institusi ini sangat aktif menerbitkan pelbagai bahan penulisan, menganjurkan persidangan, seminar, bengkel, diskusi intelektual, kajian dan kerjasama dengan beberapa universiti dan pusat kajian di seluruh dunia. IIIT kerap menadakan persidangan Islamisasi Ilmu peringkat antarabangsa iaitu pada tahun 1977 di Switzerland, 1982 di Pakistan, 1984 di Kuala Lumpur dan 1987 di Khartoum.

Institut Pemikiran Islam dan Peradaban Antarabangsa (ISTAC) ditubuhkan oleh al-Attas pada tahun 1987. Selepas persidangan *Persidangan Dunia Pendidikan Islam Kali Kedua*, nama al-Attas

semacam dipinggirkan dari perbincangan Islamisasi ilmu moden. Beliau beberapa kali menyatakan kekesalannya bahawa terdapat sesetengah ilmuan yang mengambil idea tersebut tanpa mendapatkan penjelasan yang sewajarnya dari tuannya yang asal. Akibatnya idea tersebut telah disalahgunakan dan diragui kesahihannya untuk mengatasi kelesuan umat. Tugas utama institusi ini ialah untuk mendefinisi, membina, dan mempertahankan konsep Islamisasi ilmu moden sebagaimana maknanya yang asal menurut *Persidangan Pendidikan Islam di Mekah (Imron Rosidy, 1998)*.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) turut memainkan peranan yang aktif dalam memperjuangkan gagasan Islamisasi Ilmu. Penubuhannya adalah hasil secara langsung *Persidangan Pendidikan Islam Antarabangsa Kali Pertama di Makkah pada tahun 1977*. Semenjak dari penubuhannya, UIAM sentiasa berusaha untuk menghapuskan dualisme pendidikan umat Islam dengan memperkenalkan pendidikan yang bersepadu. Menurut Shaharir Mohamad Zain (1990), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI) adalah dua buah institusi yang berperanan secara aktif dalam mengembangkan gagasan tersebut di Malaysia.

Setakat ini usaha Islamisasi ilmu moden masih berada di peringkat awal dan umat Islam masih lagi menghadapi masalah besar dalam menanggapi cabaran ilmu moden dan pemahaman ilmu agama serta sejarah mereka sendiri.

Sebagai kesimpulan, semangat dan bingkaikerja Islamisasi ilmu moden adalah berasakan al-Qur'an dan Sunnah dan Tradisi Intelektual Islam. Gagasan ini juga mempunyai asas yang kukuh dari sudut sejarah warisan intelektual Islam dan telah dipraktikkan dalam pelbagai tahap.

PREMIS IDEA ISLAMISASI MODEN

Konsep Islamisasi ilmu moden terbina atas beberapa premis utama. Gagasan bermula dengan premis bahawa ilmu moden hari ini tidak neutral. Menurut Wan Mohd Nor (1998), al-Attas adalah orang yang pertama di antara sarjana muslim kontemporari yang menganggap ilmu pengetahuan sebagai suatu yang tidak bebas nilai. Pada faham umum, sifat ilmu pengetahuan adalah berkecuali dan tidak berhubungan dengan tamadun yang mempeloporinya. Akibatnya umat Islam tanpa sedar menganggap semuanya sebagai 'pakej ilmu' dan berusaha mempelajari dan menerimanya secara total tanpa sebarang semakan dan pengubahsuaian.

Umat Islam telah lupa bahawa ilmu moden tidak bebas nilai kerana ia telah dipengaruhi oleh pandangan keagamaan, kebudayaan dan filsafat manusia Barat. Menurut Wan Mohd Nor (1998) ilmu pengetahuan ini adalah hasil dari kebingungan yang meletakkan keraguan dan spekulasi setaraf dengan metodologi ilmiah. Pandangan filsafat Barat yang menyerap masuk ke dalam fikiran umat Islam telah menimbulkan fenomena yang dipanggil 'deislamisasi'. 'Deislamisasi' ini berlaku melalui proses penyamarataan kategori dasar pengetahuan iaitu ilmu *farḍhu ain* dan ilmu *farḍhu kifayah* yang mendorong kepada kebingungan terhadap hakikat masing-masing (al-Attas, 1978). Istilah 'ilmu moden atau kontemporari' sengaja digunakan kerana ilmu pengetahuan yang diperolehi oleh umat Islam yang berasal dari kebudayaan dan peradaban masa lampau seperti Yunani dan India telah diIslamkan.

Ilmu yang menyamar ini sebenarnya adalah lanjutan dari konfrontasi kebudayaan Barat terhadap Islam. Penentangan masa kini adalah dalam bentuk serangan batin yang jauh

lebih hebat iaitu cabaran kekuasaan dan kehebatan tamadun Barat. Ia telah menyerang hati sanubari umat Islam dengan cara memasukkannya secara halus faham ilmu, faham nilai dan konsep kebudayaan menurut perspektif Barat. Oleh itu, masalah utama umat Islam hari ini adalah bertitik-tolak kepada ilmu itu sendiri. Berdasarkan premis itulah muncul gagasan Islamisasi ilmu moden yang bertujuan untuk menyelesaikan krisis pendidikan umat Islam hari ini.

[Di petik dari buku; *Perjuangan Pendidikan dari Kesepaduan ke Islamisasi*,
Dr Noor Hisham Md Nawawi, UMK, 2015.
Halaman 50 - 57]

Konotasi / Maksud Islamisasi dan Dewesternisasi - al-Attas, al-Faruqi dan Sardar

Prof. Syed Mohammad Naguib Al-Attas :

Bertumpu kepada manusia itu sendiri sebagai objek Islamisasi ilmu [ilmu sebagai subjek]. Ini berdasarkan, [1] Posisi umat Islam yang masih berseberangan (menyeberangi) ke Barat. [2] Sumber daya (keupayaan) adalah berada pada akal manusia di mana daya itu mestilah inheren dengan pandangan dunia (world-view) Islam dan nilai-nilai Islam, dan [3] Disiplin ilmu adalah statik, di mana proses Islamisasi itu mestilah berada pada tangan manusia yang beriman, berpandangan Islamik dan berpegangan dengan nilai-nilai Islam.

Prof Ismail al-Faruqi :

Lebih merujuk kepada usaha mengembangkan, membangun dan mengklasifikasikan disiplin-disiplin ilmu moden supaya sesuai dengan pandangan dunia dan nilai-nilai Islam. Al-Faruqi menekankan Islamisasi ilmu itu sendiri sebagai objek, iaitu ilmu-ilmu moden harus dilakukan penyesuaian dengan ajaran dan pandangan dunia Islam. Ia dilakukan dengan lima sasaran dengan 12 anak tangga.

Prof Ziauddin Sardar :

Berpendapat lebih bermanfaat dengan membuat paradigma Islam [Islamic world view] secara langsung, kerana adalah mustahil untuk menghasilkan ilmu pengetahuan Islam dengan menggunakan paradigma yang masih kebarat-baratan. Dengan

itu yang penting ialah membangunkan epistemologi Islam [konsep, hakikat dan kandungan ilmu secara Islam].

Nota : Epistemologi adalah satu dari aspek falsafah di samping metafizik, logik, etika dan estetika.

**Terjemahan *Fadhilat Ta'lim* (Keutamaan Mengajar)
Petikan daripada kitab *Ihya' Ulumiddin*.**

Oleh : Imam al-Ghazali

Terbitan Dar al-Kitab al-Arabi, tanpa tahun. Jld 1, hlm 16-20.

Surah Al-Taubah/ 122 :

﴿ وَمَا كَانُوا الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَآفَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴾
(122)

Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

(Al-Taubah/ 122)

Surah Ali Imran/ 187 :

﴿ وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَتُبَيِّنُنَّهُ لِلنَّاسِ وَلَا تَكْتُمُونَهُ، فَنَبَذُوهُ وَرَاءَ ظُهُورِهِمْ وَأَشْرَوْا بِهِ مِمَّا قَلِيلًا مِّمَّا سَلَّمُوا مَائِشَرْتُونَ ﴾
(187)

Dan (ingatlah) ketika Allah mengambil perjanjian setia dari orang-orang yang telah diberikan Kitab (iaitu): "Demi sesungguhnya! Hendaklah kamu menerangkan isi Kitab itu kepada umat manusia, dan jangan sekali-kali kamu menyembunyikannya". Kemudian mereka membuang (perjanjian setia) itu ke belakang mereka, serta mereka menukarnya dengan mengambil faedah dunia yang sedikit. Maka amatlah buruknya apa yang mereka dapati dari penukaran (Kalamullah dan janjiNya) itu.

(Ali Imran/ 187)

Surah Al-Baqarah/ 146 :

الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَعْرِفُونَهُ كَمَا يَعْرِفُونَ آبَاءَهُمْ وَإِنَّ فَرِيقًا
مِّنْهُمْ لَيَكْتُمُونَ الْحَقَّ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿١٤٦﴾

Orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang Kami berikan Kitab itu mengetahui serta mengenalinya (Nabi Muhammad dan kebenarannya) sebagaimana mereka mengenal anak-anak mereka sendiri. Dan sesungguhnya sebahagian dari mereka berusaha menyembunyikan kebenaran itu, sedang mereka mengetahui (salahnya perbuatan yang demikian).

(Al-Baqarah/ 146)

Iaitu pengharaman bagi 'menyembunyi' ilmu, sebagaimana Allah berfirman dalam perkara syahadah (penyaksian) (dalam Surah Al-Baqarah/ 283) :

وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهْنَ مَقْبُوضَةٌ فَإِنْ أَمِنَ
بَعْضُكُم بَعْضًا فَايُودِ الَّذِي أَوْثَمِنَ أَمْنَتَهُ، وَلَيْتَقَىٰ اللَّهُ رَبَّهُ، وَلَا
تَكْتُمُوا الشَّهَادَةَ وَمَنْ يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُ آثِمٌ قَلْبُهُ، وَاللَّهُ بِمَا
تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٢٨٣﴾

Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang). Kemudian kalau yang memberi hutang percaya kepada yang berhutang (dengan tidak payah bersurat, saksi dan barang gadaian), maka hendaklah orang (yang berhutang) yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang yang diamanahkan kepadanya, dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya. Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya. Dan (ingatlah), Allah sentiasa Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud :

"Tidaklah mendatangkan ilmu oleh Allah kepada seseorang alim melainkan Dia mengambil ikatan janji setia sebagaimana diambil ikatan janji setia ke atas para nabi iaitu : Hendaklah mereka menjelaskan ilmu itu kepada orang ramai dan janganlah mereka menyembunyikannya !"

(Riwayat Abu Nuaim dalam Kelebihan Ahli Ilmu Yang Menjaga Diri dari hadis Ibnu Abbas seumpamanya dan dalam Khal'iyat seumpamanya daripada hadis Abu Hurairah. - Imam Al-Iraqi)

Surah Fussilat/ 33 :

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ
الْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾

Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!"

(Fussilat/ 33)

Surah Al-Nahlu/ 125 :

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْ لَهُم
بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ
أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

*“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat
kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah
dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik;
sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang
yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan
orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.”*

(Al-Nahlu/ 125)

Surah Jumaat/ 2 :

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيَّةِنَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ
وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢﴾

*“Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang
(Arab) yang ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) dari
bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat
Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan
membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta **mengajarkan
mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang
mendalam mengenai hukum-hukum syarak)**. Dan sesungguhnya
mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam
kesesatan yang nyata.”*

(Surah Jumaat/ 2)

Surah Ali Imran/ 164 :

لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ يَتْلُوا
عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ
وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿١٦٤﴾

*“Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmatNya) kepada orang-
orang yang beriman, setelah Ia mengutuskan dalam kalangan mereka
seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada
mereka ayat-ayat Allah (kandungan Al-Quran yang membuktikan
keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari
iktiqad yang sesat), **serta mengajar mereka Kitab Allah (Al-Quran)
dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-
hukum Syariat)**. Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan
Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.”*

(Ali Imran/ 164)

Adapun *hadis-hadis*, sabda Rasulullah s.a.w ketika baginda
mengutus Sayyiduna Muaz bin Jabal r.a. ke Yaman :

Terjemahannya: *“Sungguh, Allah menunjuk jalan
kepada seseorang melaluimu lebih baik bagimu
daripada dunia dan seisinya.”*

(Riwayat Ahmad daripada Sy Mu’az dengan lafaz
berbeza : Sungguh, Allah menunjuk jalan kepada
seseorang melaluimu lebih baik buatmu daripada
unta merah (barangan paling berharga masa itu). Dan
dalam hadis Bukhori & Muslim dari hadis Sahl bin
Saad bahawasanya sabdaan baginda s.a.w. itu dituju
kepada Sayidina Ali r.a. – Imam Al-Iraqi)

Sabda Rasulullah s.a.w :

Terjemahannya : *"Sesiapa yang mempelajari suatu bab daripada ilmu untuk diajarkan orang ramai, diberikan kepadanya ganjaran tujuh puluh orang siddiq."*

[Riwayat Abu Mansur Al-Dailami dalam Musnad Al-Firdaus daripada hadis Ibnu Mas'ud dengan sanad Da'if – Imam Al-Iraqi]

Bersabda Nabi Isa s.a.w :

Terjemahannya : *"Sesiapa yang mengetahui, beramal dan mengajar maka demikian itu dipanggil orang besar di dalam kerajaan langit."*

[Tiada catatan Imam al-Iraqi mengikut cetakan Darul Kitab Al-Arabi ini.]

Sabda Rasulullah s.a.w :

Terjemahannya : *"Apabila hari kiamat nanti Allah SWT berfirman bagi orang-orang 'abid (banyak ibadat) dan mujahid (keluar berjihad) : Masuklah ke syurga. Berkatalah para ulama : Dengan kelebihan ilmu kami mereka beribadah dan berjihad. Maka berfirman Allah Azza wa Jalla : Kalian di sisiKu seperti sebahagian malaikatKu. Mintalah syafaat, kalian akan diberi syafa'at. Lalu mereka pun memberi syafa'at, kemudian memasuki syurga."*

[Riwayat Abul Abbas Al-Zahabi dalam kitab Al-Ilmu dari hadis Ibnu Abbas dengan sanad Dhaif. – Imam Al-Iraqi]

Dan ini sesungguhnya berlaku dengan ilmu yang afektif, bukan dengan ilmu pasif yang tidak merebak.

Sabda Rasulullah s.a.w :

Terjemahannya : *"Sesungguhnya Allah Azza wa Jalla benar-benar tidak mencabut ilmu daripada orang ramai selepas Allah memberikan mereka ilmu itu. Tetapi Allah menghilangkan ilmu itu dengan kehilangan para ulama. Lantas setiap kali hilang (mati) seorang alim hilanglah ilmu yang ada bersamanya sehingga apabila Allah tidak mensisakan lagi melainkan para pemimpin yang jahil. Sekiranya mereka ditanya, mereka berfatwa tanpa ilmu lalu mereka sesat dan menyesatkan."*

[Bukhori & Muslim – Imam al-Iraqi]

Sabda Rasulullah s.a.w :

Terjemahannya : *"Sesiapa yang mengetahui suatu ilmu lalu disembunyikannya, Allah akan mengekang dia pada hari kiamat dengan kekang dari api neraka."*

[Abu Daud, Termizi, Ibnu Majah, Ibnu Hibban dan Al-Hakim, dan disohehkan oleh Al-Hakim dari hadis Abu Hurairah. Kata Imam Termizi hadis hasan. – Imam al-Iraqi]

Sabda Rasulullah s.a.w :

Terjemahannya : *"Sebaik-baik pemberian dan sebaik-baik hadiah ialah kalimah hikmah yang engkau dengarinya lalu engkau simpankannya kemudian engkau sampaikan kepada saudara seIslammu, engkau mengajarnya akan kalimah hikmah itu. Ia setanding ibadah setahun."*

[Riwayat Al-Tabrani dari hadis Ibnu Abbas seumpamanya dengan isnad Dho'if. – Imam al-Iraqi]

Sabda Rasulullah s.a.w :

Terjemahannya : *"Dunia ini dilaknati dan dilaknati apa yang ada di dalamnya melainkan zikrullah subhanahu dan apa yang mendokongnya atau pengajar atau pelajar."*

[Riwayat Termizi dan Ibnu Majah dari hadis Abu Hurairah. Berkata Imam Termizi hadis hasan gharib. – Imam al-Iraqi]

Sabda Rasulullah s.a.w :

Terjemahannya : *"Sesungguhnya Allah subhanahu, malaikatNya, ahli langit dan bumiNya hingga semut di dalam lubangnya dan ikan di lautannya akan berdo'a kepada guru yang mengajar orang ramai akan kebaikan."*

[Riwayat Termizi dari hadis Abu Umamah dan dia berkata hadis gharib dan pada naskhah lain hasan soheh. – Imam al-Iraqi]

Sabda Rasulullah s.a.w :

Terjemahannya : *"Tidaklah memberi faedah oleh seseorang muslim akan saudaranya yang lebih baik daripada suatu bicara indah yang sampai kepadanya lalu disampaikannya."*

[Riwayat Ibnu Abd Al-Bar dari riwayat Muhammad bin al-Munkadir secara mursal seumpamanya. Dan riwayat bagi Abu Nuaim dari hadis Abdullah bin Amru : Tidaklah menghadiahkan seseorang muslim bagi saudaranya suatu hadiah yang lebih baik daripada satu kalimah yang menambahkan petunjuk atau menolaknya dari satu kebinasaan. – Imam al-Iraqi]

Sabda Rasulullah s.a.w :

Terjemahannya : *"Satu kalimah daripada kebaikan yang didengari oleh seorang mukmin lalu diajarinya dan diamalnya adalah lebih baik baginya daripada ibadah setahun."*

[Riwayat Ibnu al-Mubarak dalam kitab al-Zuhd dan al-Raqaiq dari riwayat Zaid bin Aslam secara mursal seumpamanya. Dan dalam Musnad al-Firdaus dari hadis Abu Hurairah dengan sanad Dho'if: Satu kalimah hikmah yang didengari seseorang itu lebih baik daripada ibadah setahun. – Imam al-Iraqi]

Keluar Rasulullah s.a.w pada suatu hari lalu baginda s.a.w. melihat dua majlis; pertama satu majlis berdo'a kepada Allah dan gemar kepadaNya. Majlis yang kedua pula sedang mengajar orang ramai. Lalu bersabda : *"Ada pun mereka itu meminta*

kepada Allah Taala, sekiranya Allah kehendaki diberikannya kepada mereka dan sekiranya Allah menghendaki ditegahkannya. Ada pun mereka yang satu lagi sedang mengajar orang ramai. Sesungguhnya aku diutuskan sebagai pengajar (guru)!" Kemudian baginda menuju kepada mereka (yang mengajar) dan duduk bersama mereka.

[Riwayat Ibnu Majah dari hadis Abdullah bin Amru dengan sanad Dhoif. – Imam al-Iraqi]

Dan sabda baginda s.a.w. :

Terjemahannya : "Perumpamaan apa yang daku dibangkitkan oleh Allah daripada petunjuk dan ilmu ialah seperti hujan yang banyak menimpa suatu bumi. Ada tanah tinggi yang menerima air lalu menumbuhkan tumbuhan dan rerumput yang banyak. Ada tanah tinggi yang menahan air lalu Allah Azza wa Jalla memanfaatkan kepada orang ramai ; mereka minum, memberi minum dan bercucuk tanam. Dan ada setompok tanah yang gersang tidak menampung air dan tidak menumbuhkan tanaman."

[Riwayat Bukhori & Muslim dari hadis Abi Musa r.a. – Imam al-Iraqi].

Maka yang pertama disebutnya sebagai perumpamaan bagi orang yang mengambil manfaat dengan ilmunya, yang kedua disebutnya sebagai perumpamaan bagi orang yang memberi manfaat kepada yang lain dan yang ketiga bagi orang yang disekat daripada keduanya.

Dan sabda baginda s.a.w. :

Terjemahannya : "Apabila mati anak Adam terputuslah amalannya melainkan daripada tiga perkara : pertama ilmu yang dimanfaatkan dengannya..." seterusnya [Riwayat Muslim dari hadis Abu Hurairah. – Imam al-Iraqi.] [Hadis selengkapnya : "Apabila mati anak Adam terputuslah amalannya melainkan daripada tiga perkara : pertama sedekah yang berterusan, kedua ilmu yang dimanfaatkan dengannya, dan ketiga anak yang soleh mendo'akan baginya." – Pent.]

Dan sabda baginda s.a.w. :

Terjemahannya : "Penunjuk jalan ke arah kebaikan seperti pelakunya." [Riwayat Termizi dari hadis Anas r.a. dan beliau berkata gharib. Dan diriwayatkan oleh Imam Muslim, Abu Daud dan Termizi dan beliau mensohehkannya dari Abu Mas'ud al-Badri dengan lafaz : "Sesiapa yang menunjukkan jalan kebaikan maka ganjaran baginya seumpama ganjaran pelakunya." – Imam al-Iraqi.]

Dan sabda baginda s.a.w. :

Terjemahannya : *"Tidak ada kedengnian kecuali pada dua perkara ; pertama, pada seseorang yang dikurniakan oleh Allah Azza wa Jalla suatu hikmah lalu dia menggunakannya dan mengajarkannya kepada orang ramai. Kedua, pada seseorang yang Allah berikannya harta lalu dia gunakannya sehabisnya dalam kebaikan."* [Riwayat Bukhori & Muslim dari hadis Ibnu Mas'ud. – Imam al-Iraqi.]

Dan sabda baginda s.a.w. :

Terjemahannya : *"Rahmat Allah ke atas pengganti-penggantikmu."* Dikatakan : Siapa pengganti-penggantimu? Jawab Baginda s.a.w. : *"Mereka yang menghidupkan sunnahku dan mengajarkannya kepada hamba-hamba Allah!"* [Tiada ulasan Imam al-Iraqi.]

Adapun Aathar (hadis yang berupa ucapan sahabat, tabiin dan salafussoleh), maka kata Sayyidina Umar r.a.: *"Sesiapa yang membicarakan suatu hadis lalu beramal dengannya, maka baginya seumpama ganjaran orang yang beramal dengan amalan itu."* Berkata Ibnu Abbas r.a. : *"Orang yang mengajar kebaikan kepada orang ramai akan memohon ampun baginya oleh setiap sesuatu hingga ikan-ikan di lautan."* Berkata setengah ulama : *"Seorang alim itu memasuki dalam urusan di antara Allah dan makhlukNya, maka perhatikanlah bagaimana cara dia memasuki."* Diriwayatkan bahawa Sayyidina Sufyan Al-Thauri tiba di Asqalan lalu tinggal di situ beberapa lama tiada seorang pun bertanyakannya. Beliau berkata : *"Kembalikan*

bagiku agar aku dapat keluar dari negeri ini. Negeri ini akan mati padanya ilmu pengetahuan." Sesungguhnya beliau berkata demikian kerana kesungguhan di atas keutamaan mengajar dan mengekalkan ilmu.

Berkata Atha' r.a. : *"Aku memasuki kepada Sayyidina Said bin Al-Musayyab sedang beliau menangis. Aku pun berkata : Apa yang menjadikan engkau menangis ? Jawab Sayyidina Said bin Al-Musayyab : Tiada seorang pun yang bertanyakan daku berkenaan sesuatu (ilmu)."*

Berkata setengah para ulama lagi : *"Para ulama adalah lampu sepanjang zaman. Setiap seorang daripada mereka adalah lampu di zamannya, orang di zamannya yang menuntut cahaya dengan si alim itu."*

Dan berkata Al-Hasan rahimahullah. : *"Kalau bukan kerana para ulama nescaya orang ramai menjadi umpama binatang ternakan."* Ertinya, sesungguhnya mereka (para ulama) dengan mengajar mereka mengeluarkan orang ramai daripada batasan binatang ternakan kepada batasan kemanusiaan.

Berkata Ikrimah r.a. : *"Sesungguhnya bagi ilmu ini ada harga."* Ada orang bertanya : *"Apa dia harganya?"* Ikrimah r.a. menjawab : *"Engkau meletakkannya pada orang yang mampu menanggungnya dan tidak mensia-siakannya."*

Berkata Yahya bin Mu'az r.a. : *"Para ulama lebih mencintai umat Muhammad s.a.w. ini daripada ayah dan ibu mereka."* Ada orang bertanya : *"Bagaimana demikian itu?"* Beliau menjawab : *"Kerana sesungguhnya ayah dan ibu mereka menjaga mereka daripada api dunia sedang para ulama itu menjaga mereka daripada api akhirat."*

Dikatakan : **"Permulaan ilmu ialah diam. Kemudian menadah telinga (mendengar). Kemudian menghafaz. Lantas mengamal dan menyebarkannya."**

Dikata orang : **"Ajarlah ilmumu akan orang yang jahil dan belajarlah daripada orang yang alim akan perkara yang engkau tidak ketahui. Bila engkau melakukan demikian, engkau akan mengetahui apa yang engkau tidak tahu dan engkau mampu menjaga apa yang engkau ketahui."**

Berkata Muaz bin Jabal r.a. pada mengajar dan belajar, dan aku (Imam Al-Ghazali) berpandangan hadis ini juga adalah marfu': **"Pelajarilah ilmu sesungguhnya mempelajari ilmu kerana Allah adalah khasyyah (rasa takut yang menghampirkan), menuntutnya adalah ibadah, saling membacanya adalah tasbih, mengkajinya adalah jihad, mengajar orang yang belum mengetahuinya adalah sedekah, mencurahkan kepada ahlinya adalah pendekatan diri kepada Allah. Ia adalah rakan mesra ketika sendirian, teman semasa bersunyan, petunjuk jalan kepada agama Islam, pemberi kesabaran semasa senang dan sukar, penasihat di kalangan teman-teman, kerabat di sisi orang-orang asing, penanda jalan ke syurga. Allah mengangkat beberapa kaum dengannya, lalu menjadikan mereka itu berada dalam kebaikan sebagai pemimpin, ketua dan penunjuk jalan yang diikuti, pemandu arah dalam kebaikan yang dikuti jejak langkah mereka, diperhatikan perbuatan mereka, gemar para malaikat dalam menemani mereka dan dengan sayap-sayap para malaikat membelai mereka, setiap yang basah dan yang kering memohon ampunan bagi mereka sehingga ikan-ikan di lautan dan serangganya, dan binatang buas di daratan dan binatang ternakannya, dan langit dan bebintangnya. Ini kerana sesungguhnya ilmu itu adalah kehidupan jantung hati dari kebutaan, cahaya mata hati dari kegelapan, kekuatan badan**

jasmani dari kelemahan, yang menyampaikan si hamba ke tahap al-abrar (orang yang banyak kebajikannya) dan tingkat-tingkat ketinggian. Berfikir pada ilmu setanding dengan puasa, mempelajarinya setanding dengan ibadah malam. Dengan ilmulah Allah dipatuhi, diibadati, ditauhidi dan di puja-puji. Dengan ilmu juga dapat bersifat warak, berhubung silaturrahim, diketahui halal dan haram. Dan dia jua adalah imam sedang amal pengikutnya, orang-orang yang bahagia diberi ilham dengannya, manakala orang-orang yang celaka dihalang daripadanya. Kami memohon kepada Allah keelokan taufiq." [Riwayat Abu al-Syeikh dan Ibnu Hibban dalam kitab al-Thawab (Ganjaran) dan diriwayatkan juga oleh Ibnu 'Abdil Birr dan dia berkata : Tiada baginya sandaran yang kuat. – Imam al-Iraqi.]

(Diterjemahkan oleh : Mohd Nordin Jaafar,
Pegawai Penyelidik II, ILPK, Nilam Puri.
28 Mac 2018)

Penjelasan Tugas-tugas Guru Mursyid Mu'allim
(وظائف المرشد المعلم)

Petikan daripada kitab *Ihya Ulumiddin*

Oleh : Hujjatul Islam Imam Al-Ghazaly

Terbitan Dar al-Kitab al-Arabi, tanpa tahun.

Jld 1, Hlm 92-97.

Ketahuilah sesungguhnya bagi manusia itu dalam keilmuannya ada empat keadaan, sebagaimana menjaga hartanya : Justeru, bagi tuan punya harta *ketika mengambil faedah* daripada hartanya maka dia menjadi orang yang berusaha. *Ketika menyimpan hasil usahanya* maka dia menjadi orang yang tidak perlu meminta-minta. *Ketika membelanjakan harta* ke atas diri sendiri maka dia menjadi orang yang mengambil manfaat. *Dan ketika berkorban* untuk orang lain maka dia menjadi seorang yang pemurah lagi mengutamakan orang. Dan itu adalah semulia-mulia keadaannya.

Begitulah ilmu, manusia itu menjaga ilmu sebagaimana dia menjaga harta. Maka baginya ada *ketika menuntut dan berusaha*, ada *ketika penghasilan* yang tidak memerlukan meminta-minta, ada *ketika mendapatkan pencerahan* iaitu bertafakkur (merenung jauh) pada ilmu yang dihasilkan dan berseronok dengannya, dan ada *ketika memberi pencerahan*. Dan itulah saat yang paling mulia.

Lalu, **orang yang berilmu, beramal dan mengajar maka dialah orang yang dipanggil 'orang besar' di dalam kerajaan langit.** Sesungguhnya dia umpama matahari yang menyuluh buat orang lain sedang dia sendiri tetap bercahaya.

Dan umpama kesturi yang menyemberbakkan keharuman kepada orang lain sedang dirinya sendiri tetap berbau harum. Manakala orang yang berilmu tetapi tidak beramal umpama kertas tulis yang memberi faedah kepada orang lain sedangkan dia sendiri kosong daripada ilmu. Dan umpama batu asah yang menajamkan benda lain sedang dia sendiri tidak dapat memotong. Begitu jugalah jarum yang memberi pakai pihak lain sedang dia sendiri tetap bertelanjangan dan ibarat lilin yang menerangi orang lain sedang dia sendiri terbakar cair. Sebagaimana disebut :

*Tidaklah dia melainkan sumbu pelita (lilin) yang menyala *menerangi orang ramai sedang dia terbakar lebur*

Selagi mana seorang manusia itu bekerja mengajar maka sungguh dia menjunjung suatu urusan yang agung dan tugas penting yang besar, maka hendaklah dia menjaga adab-adab dan tugas-tugasnya (iaitu lapan perkara) :

1. Tugas yang pertama: Kasihan belas kepada para pelajar dan memperlakukan mereka itu sebagaimana memperlakukan anak-anak sendiri.

Bersabda Rasulullah s.a.w :

(إنما أنا لكم مثل الوالد لولده)

"Sesungguhnya aku buat kalian umpama ayah terhadap anaknya."

[Riwayat Abu Daud, Nasai, Ibnu Majah dan Ibnu Hibban dari hadis Abu Hurairah r.a. - Imam al-Iraqi.]

iaitu **dengan niat membebaskan mereka daripada api neraka di akhirat** dan itu lebih penting daripada dua ibu bapa membebaskan anak mereka daripada api di dunia ini. Lantaran itulah hak guru menjadi lebih besar daripada hak dua ibu

bapa. Sungguh, si ayah adalah sebab kewujudan semasa dan kehidupan fana sedang si guru adalah sebab kehidupan kekal abadi. Kalaulah bukan sebab si guru nescaya terseretlah apa yang dihasilkan dari pihak si ayah menuju kebinasaan yang berterusan. Dan sesungguhnya si guru memberi guna bagi kehidupan ukhrawi yang berkekalan. Aku maksudkan ialah guru ilmu-ilmu akhirat, atau ilmu-ilmu dunia yang diniatkan akhirat dan bukannya diniatkan semata-mata dunia. **Adapun mengajar atas niat keduniaan maka ia adalah kebinasaan dan membinasakan.** Kita mohon perlindungan dengan Allah daripada demikian itu.

Dan sebagaimana hak anak-anak seseorang ialah mereka berkasih sayang dan saling bertolongan di atas tujuan-tujuan tertentu seluruhnya, begitulah jua hak murid-murid seseorang, saling berkasih sayang dan bantu membantu. Hal itu akan berlaku sekiranya tujuan mereka adalah akhirat. Sebaliknya, saling berdengkian dan bermusuhan sekiranya tujuan mereka adalah keduniaan. Sesungguhnya para ulama dan pencinta akhirat sedang bermusafir menuju Allah Ta'ala dengan melalui jalan dunia, tahun demi tahun, bulan demi bulan, persinggahan demi persinggahan. Dan saling bersimpati di kalangan mereka itu adalah sebab kemesraan dan berkasih sayang.

Dengan itu perjalanan menuju syurga Firdaus al-A'la akan penuh dengan keselesaan. Justeru tiada lagi kesempitan untuk kebahagiaan akhirat. Lantaran itu sepatutnya tiada berlaku lagi pertembungan di antara para pencinta akhirat di dunia ini. Sebaliknya tidak akan sedemikian jika para pemburu dunia ini bersesak-sesak akibat sifat kedengkian dalam kehidupan mereka.

Dan orang-orang yang cenderung kepada mencari kedudukan dan pangkat dengan ilmu-ilmu, mereka itu keluar daripada kewajipan firman Allah :

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

"Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."

(Al-Hujurat/ 10)

Dan mereka itu masuk dalam tuntutan firman Allah :

الْأَخِلَاءُ يَوْمَئِذٍ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ إِلَّا الْمُتَّقِينَ ﴿٦٧﴾

'Pada hari itu sahabat-sahabat karib: setengahnya akan menjadi musuh kepada setengahnya yang lain, kecuali orang-orang yang persahabatannya berdasarkan taqwa (iman dan amal soleh).'

(Al-Zukhruf/ 67)

2. Tugas yang kedua : Hendaklah dia mengikuti tuan syariat *solawatullah alaihi wa salaamuhu*. **Tidaklah dia menuntut ganjaran atas memberi faedah ilmu (mengajar) dan tidak berniat mendapat balasan dan ucapan terima kasih.**

Bahkan dia mengajar kerana menuntut keredhaan Allah Taala dan mencari *taqarrub* (mendekat diri) kepadaNya. Dia tidak memandang kurniaan bagi dirinya ke atas mereka meskipun kurniaan sentiasa ada atas mereka. Bahkan dia melihat kelebihan untuk mereka itu ketika mereka mendidik jantung hati mereka untuk mendekat diri kepada Allah dengan menanam ilmu-ilmu padanya seumpama orang yang memberi pinjam tanah kepadamu untuk menanam tanaman untuk

dirimu maka manfaat kepadamu lebih banyak mengatasi manfaat untuk tuan tanah. Bagaimanalah engkau menirunya sebagai kurniaan sedangkan pahalamu dalam mengajar lebih banyak daripada pahala murid di sisi Allah Taala. Dan kalaulah tidak kerana murid tidaklah engkau mencapai ganjaran ini. Maka jangan engkau menuntut ganjaran melainkan dari Allah Taala. Sebagaimana firman *Allah Azza wajalla* :

وَيَقُولُ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مَا لَإِن آجِرِي إِلَّا عَلَى اللَّهِ وَمَا أَنَا
بِطَارِدِ الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّهُمْ مُلْكُوا رَبِّهِمْ وَلِكِنِّي أَرَى كُفْرًا قَوْمًا
يَجْهَلُونَ ﴿٢٩﴾

'Dan (ketahuilah) wahai kaumku! Aku tidak meminta kepada kamu sebarang harta benda sebagai upah menyampaikan agama Allah itu, tiadalah aku harapkan upahku melainkan dari Allah semata-mata; dan aku tidak akan menghalau orang-orang yang beriman (sebagaimana yang kamu minta itu), kerana sesungguhnya mereka akan menemui Tuhan mereka (dan pada hari itu mereka akan menuntut dan menerima hak masing-masing); tetapi aku nampak kamu semua, kaum yang tidak mengetahui apa yang mesti diketahui.'

(Hud/ 29)

Sesungguhnya harta dan apa yang ada di dunia adalah khadam bagi tubuh badan, tubuh badan pula tanggungan dan kenderaan jiwa. Pihak yang dikhidmati ialah ilmu kerana dengan ilmu sajalah jiwa itu menjadi mulia. Maka sesiapa yang menuntut harta dengan ilmu semacam orang yang menyapu bawah tapak kakinya dengan wajahnya untuk membersihkannya. Lantas dia menjadikan perkara yang dikhidmati sebagai khadam dan si khadam sebagai yang dikhidmati. Itu adalah terbalik tanggung langgang. Umpamanya ialah orang yang berdiri di hari pembentangan agung bersama para penjenayah menunduk kepala di sisi Tuhan mereka.

Secara umumnya, kelebihan dan kurniaan itu buat si guru.

Perhatikanlah, bagaimana berakhir urusan agama kepada suatu kaum yang menganggap bahawa tujuan mereka ialah mendekati diri kepada Allah Taala dengan apa yang mereka ada padanya daripada *ilmu fiqh* dan *ilmu kalam* dan mengajar pada kedua-dua dan pada selain kedua itu, sesungguhnya mereka mencurahkan harta dan pangkat dan mereka menanggung bermacam-macam kehinaan dalam memberi khidmat kepada pemerintah-pemerintah untuk mendapat kebebasan jiraayah (*ganjaran/ upah*). Jikalau mereka (pemerintah) meninggalkan perkara tersebut (tidak membayar upah) nescaya mereka akan meninggalkan (khidmat kepada pemerintah) dan tidak lagi dirujuk kepada mereka. Selanjutnya guru itu mengandaikan daripada murid bahawa dia akan membantu si guru pada setiap bencana, menolong walinya, melawan musuhnya, akan bangkit secara terang nyata memenuhi hajatnya, dipergunakan di depannya pada keperluannya. Sekiranya si murid cuai pada hak si guru, meledaklah dia dan si murid menjadi musuh utamanya. Maka hina dinalah si guru yang redha untuk dirinya dengan kedudukan ini kemudian bergembira dengannya. Kemudian tidak segan silu berkata : "Tujuanku daripada mengajar ini ialah menyebarkan ilmu kerana *taqarrub* kepada Allah membantu agamaNya!" Perhatikanlah kepada tanda-tanda sehingga anda dapat lihat pelbagai bentuk terpedaya.

3. Tugas yang ketiga : Jangan meninggalkan sedikit pun daripada menasihati murid.

Bemikian itu dengan menegah muridnya daripada tampil ke depan untuk suatu jawatan sebelum layak menyandanginya, menyibuk dengan ilmu yang tersembunyi sebelum selesai daripada ilmu yang nyata. Kemudian hendaklah guru memberi

ingatan kepada muridnya bahawa **tujuan menuntut ilmu ialah mendekatkan diri kepada Allah Taala, bukan untuk mendapat jawatan ketua, bukan untuk berbangga-bangga dan bukan untuk bersaing.** Dia mendahulukan pada dirinya memandang buruk perkara itu sejauh yang boleh. Tidaklah seorang alim yang jahat dapat membaiki lebih banyak daripada merusakkan. Sekiranya diketahui dari batinnya bahawa si murid tidak menuntut ilmu melainkan kerana dunia, perhatikan kepada ilmu yang dituntutnya : *sekiranya ia adalah ilmu khilaf dalam masalah fiqh, ilmu debat dalam ilmu kalam dan ilmu fatwa dalam perbalahan dan hukum hakam, maka hendaklah guru menegah muridnya daripada belajar ilmu-ilmu tersebut.* Sesungguhnya ilmu-ilmu ini bukanlah ilmu-ilmu akhirat dan bukanlah ilmu yang disebutkan padanya : *'kami pelajari ilmu untuk selain Allah tetapi ilmu itu enggan menjadi kecuali bagi Allah! Sesungguhnya ilmu sedemikian adalah ilmu Tafsir dan ilmu Hadis.*

Mereka yang terdahulu **sibuk dengan ilmu akhirat, mengenali akhlak diri dan cara mengasuhnya.** Apabila murid mempelajari ilmu-ilmu ini dan diniatkan dunia maka tidak mengapa dibiarkannya. Ilmu-ilmu ini akan membuahkan hasil kesungguhan dalam peringatan dan mengikut sunnah. Akan tetapi kadang murid sedar semasa belajar atau di penghujungnya, justeru ada padanya ilmu-ilmu yang menakutkan si hamba kepada Allah, menghinakan bagi dunia lagi mengagungkan akhirat. Hal itu hampir membawa kepada betul di akhirat sehingga ia sedar dengan apa yang disadari orang lain. Berlakulah cintakan penerimaan dan pangkat itu seperti bijian yang ditebarkan sekitar perangkap untuk tertangkap burung. Dan sungguh Allah melakukan demikian terhadap hambaNya, sewaktu Dia menjadikan syahwat untuk makhluk ini sampai kepada berkekalan keturunan dan Dia mencipta juga

cintakan pangkat untuk menjadi sebab bagi menghidupkan ilmu-ilmu Islam. Ini berlaku sungguh dalam ilmu-ilmu ini.

Ada pun perbezaan-perbezaan pendapat yang tulen, perdebatan ilmu kalam dan mengetahui cabang-cabang fiqh yang janggal maka tidaklah memberi tumpuan kepadanya serta tidak pedulikan yang lain melainkan bertambah keras hati, lalai daripada Allah Taala, bergelumang dalam kesesatan, menuntut pangkat – melainkan sesiapa yang dilimpahi rahmat Allah, atau mengadunkan dengan ilmu-ilmu agama yang lain – dan tiada bukti di atas hal ini sebagaimana eksperimen dan penyaksian. Perhatikanlah, ambillah pengajaran dan jilahkan pandangan untuk anda saksikan pencapaian demikian di kalangan para hamba dan negara. Allah jualah tempat mohon pertolongan.

Sesungguhnya sayyiduna Sufian Al-Thauri dilihat dalam keadaan dukacita, lalu dikatakan kepadanya : Apa hal kamu? Beliau menjawab : ***Kita telah menjadi peniaga bagi anak-anak dunia. Seseorang mereka memaksa kita sehingga apabila belajar, dijadikan qadhi atau pekerja atau qahraman (pegawai eksekutif).***

4. **Tugasan yang keempat : *Iaitu tugas mengajar secara seni, mencegah pelajar daripada akhlak yang buruk melalui cara Ta'ridh (pendedahan umum/ sindiran) sebolehnya mungkin, bukan dengan cara berterus terang. Dan dengan cara kasih sayang bukan dengan herdikan.***

Sesungguhnya berterus terang boleh merobekkan tirai kehebatan (maruah diri) dan boleh mewarisi sifat 'berani budoh' menyerang perbezaan pendapat dan menimbulkan gelora kesungguhan atas akhlak yang buruk secara berterusan. Ingatlah sabdaan Rasulullah s.a.w. walhal baginda adalah penunjuk jalan setiap guru :

لو منع الناس عن فت البعر لفتوه وقالوا ما نهينا عنه إلا وفيه شيء

"Kalaulah orang ramai dilarang daripada memecahkan tahi unta nescaya mereka memecahkannya, dan mereka berkata : Tidaklah kita dilarang daripada memecahnya melainkan ada sesuatu di dalamnya."

[Hadis ini aku tidak temuinya - - Imam al-Iraqi.]

Kisah nabi Adam dan Hawa *alaihimasalam* dan apa yang ditegaskan mereka itu akan mengingatkan dikau atas perkara ini. Tidaklah kisah itu disebutkan bersamamu percuma, bahkan agar engkau sedar melaluinya atas jalan pengajaran.

Dan kerana sesungguhnya *ta'ridh* (pendedahan umum/sindir) itu juga menarik jiwa yang mulia dan fikiran yang cerdas kepada merumuskan makna-maknanya, lalu ia memberi guna keseronokan memahami maknanya itu akan menambah minat mendalam pada mengetahuinya, agar dia tahu bahawa demikian itu antara perkara yang tidak jauh daripada kebijakannya.

5. Tugas yang kelima : Sesungguhnya orang yang bertanggungjawab terhadap sesetengah ilmu (suatu mata pelajaran) patut tidak memburuk-burukkan ilmu-ilmu lain dalam diri muridnya seperti guru bahasa Arab ketika kebiasaannya memburukkan ilmu fiqh dan guru fiqh kebiasaannya memburuk-burukkan ilmu hadis dan tafsir.

Sesungguhnya demikian itu semata-mata nukilan dan riwayat. Dan ia adalah urusan orang yang lemah, tiada perhatian bagi akal padanya. Guru ilmu kalam meliarkan (menjauhkan) daripada ilmu fiqh. Dia berkata : *Fiqh itu ilmu cabang. Dan ia bicara pada haid wanita. Di manalah hal itu dibandingkan perbicaraan pada sifat Tuhan Yang Penyayang?* Ini adalah akhlak tercela bagi si guru

yang sepatutnya ia jauhi. Bahkan si guru yang bertanggungjawab terhadap suatu ilmu sewajarnya memperluaskan cara belajar kepada muridnya di dalam bidang ilmu yang lain, dan sekiranya dia seorang guru yang bertanggungjawab terhadap pelbagai bidang ilmu maka wajarlah dia menjaga langkah beransur-ansur dalam meningkatkan kemajuan murid dari satu tahap ke tahap yang lain.

6. Tugas yang keenam : Guru membataskan pengajaran mengikut kadar kefahaman muridnya. Dia tidak mengajar ilmu yang tidak sampai oleh akal fikiran muridnya, lalu meliarkan muridnya atau menimbulkan kekacauan akal muridnya.

Demikian itu mengikut jejak langkah Rasulullah s.a.w. di mana baginda bersabda : "Kami para nabi, kami diperintahkan meletak orang ramai di tempat masing-masing, dan kami berbicara dengan mereka mengikut kadar akal fikiran mereka." [Kami riwayatkannya dalam satu bahagian daripada hadis Abu Bakar ibnu al-Syakhir dari hadis Umar lebih ringkas daripadanya. Di sisi Abu Daud daripada hadis Aisyah : "Inzilunnaasa manazilahum...Dudukkan manusia pada tempatnya." - Imam al-Iraqi.] Maka hendaklah guru menyebarkan ilmu hakikat apabila dia mengetahui bahawa muridnya bebas memahaminya. Sabda Rasulullah s.a.w. : "Tidak ada seorang pun berbicara terhadap satu kaum dengan suatu bicara yang tidak digapai oleh akal mereka melainkan timbul fitnah ke atas sebahagian mereka." [tiada ulasan daripada Imam al-Iraqi.]

Berkata Sayyiduna Ali r.a. sambil mengisyaratkan ke dadanya: "Sesungguhnya di sini ada ilmu yang banyak kalaulah aku dapati baginya orang yang mampu menanggungnya." Benarlah beliau r.a. Hati orang Abrar (banyak kebajikan) adalah kuburan

segala rahsia. Tidak patut seorang alim itu menyebarkan ilmunya segala apa yang dia ketahui kepada setiap orang. Ini jika difahami oleh murid sedangkan dia bukan orang yang layak mengambil manfaat. Maka bagaimanakah pada perkara yang tidak difahami? Berkata Sayyiduna Isa alaihissalam: *"Janganlah kamu menggantungkan batu permata di leher babi. Sesungguhnya hikmah itu lebih baik daripada batu permata dan orang yang membencinya lebih jahat daripada babi."*

Justeru itu dikatakan : Sukatlah bagi setiap hamba itu dengan kayu ukur akalunya. Timbanglah dengan timbangan kefahamannya sehingga engkau selamat daripadanya dan dia beroleh manfaat denganmu. Kalau tidak, berlakulah penafian kerana berbeza pengukuran.

Sesetengah ulama ditanya tentang sesuatu tetapi dia tidak menjawabnya. Maka berkatakah orang yang bertanya: *Tidakkah engkau mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda ; 'Sesiapa yang menyembunyikan ilmu yang berguna, akan datang pada hari qiamat dalam keadaan dikekang mulutnya dengan kekang daripada api neraka.'*? Jawab si alim itu: *"Tinggalkan kekang itu dan pergilah! Sekiranya datang seorang yang faham dan aku sembunyikan ilmu maka kekangan akan daku. Sesungguhnya Allah Taala berfirman: وَلَا تَوَدُّوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالِكُمْ* Janganlah kamu memberi harta kepada orang-orang bodoh (yang tidak pandai mengurus harta) (Al-Nisa/5) sebagai peringatan bahawa menjaga ilmu daripada orang yang merusak dan membahayakannya adalah lebih utama. Tidakkah kezaliman pada memberi kepada orang yang tidak berhak itu lebih rendah daripada kezaliman pada menahan daripada orang yang berhak:

"Apakah aku harus menghambur mutiara, ke hadapan para penggembala?

Lalu mutiara itu menjadi simpanan di sisi penggembala kambing.

Justeru mereka berada dalam kejahilan bagi nilai mutiara.

Maka aku tidak akan berkorban menggantungkannya kepada binatang ternakan.

Sesungguhnya kelembutan Tuhan yang Maha Lembut dengan kelembutanNya.

Dan aku temui orang yang layak untuk ilmu dan kebijaksanaan.

Aku sebarkan barang berguna dan aku mendapat faedah kasih sayang.

Jika tidak, ia tersimpan di sisiku dan tersembunyi.

Maka sesiapa yang memberikan orang-orang jahil suatu ilmu, dia mensia-siakannya.

Dan siapa yang menahan orang yang berhak mendapat ilmu maka dia menzalimi."

7. Tugas yang ketujuh : Sesungguhnya murid yang singkat fikirannya patut diberikan ilmu yang jelas nyata selayak dengannya. Tidak wajar disebutkan buatnya ada lagi ilmu yang halus (batin) di sebalik yang zahir, yang si guru menyimpankannya daripada pengetahuan si murid.

Cara demikian boleh melemahkan minat si murid dalam mempelajari ilmu zahir yang jelas. Dan itu mampu mengganggu jantung hatinya, dan menimbulkan sangkaan murid terhadap guru akan kebakhilan ilmu. Hal ini justeru setiap orang menganggap dia berkeelayakan bagi setiap ilmu yang mendalam. Tiada seorang pun melainkan berpuas hati terhadap Allah Ta'ala pada kesempurnaan akalunya. **Orang yang sangat bodoh**

dan amat lemah akalnya ialah orang yang paling seronok dengan kesempurnaan akalnya. Dengan ini diketahuilah bahawa orang yang terikat dengan ikatan syariat di kalangan orang awam, orang yang telah kuat akidah yang diterima daripada para salaf tanpa tasybih dan tanpa takwil, orang yang di samping itu elok rahsia hatinya dan akal fikirannya tidak menanggung lebih daripada itu, maka tidak wajar diganggu gugat pegangan aqidahnya. Bahkan sepatutnya membiarkan dia bebas dengan kerjanya. Sebenarnya dia jika disebut pelbagai takwilan yang zahir, akan terburailah daripadanya ikatan orang awam dan sukar pula mengikatnya dengan ikatan orang khusus. Lantas, hilanglah benteng yang menghalang dirinya daripada segala maksiat dan bertukarlah dia menjadi syaitan yang degil membinasakan diri sendiri dan orang lain.

Bahkan tidak sepatutnya dimasukkan bersama masyarakat awam ke dalam hakikat ilmu yang mendalam, bahkan berpadaulah bersama mereka di atas mengajar hal ehwal ibadat, mengajar kejujuran dalam kerjaya yang mereka sedang hadapi, dan mengisi hati sanubari mereka dengan minat dan gerun pada syurga dan neraka, sebagaimana yang disebut oleh al-qur'an. Tidak digerakkan ke atas mereka kesamaran, sesungguhnya mungkin bila terikat kesamaran di hatinya dan sukar untuk dileraikannya maka celakalah dia dan binasa. **Ringkasnya, tidak sepatutnya dibuka kepada masyarakat awam pintu perbincangan kerana itu boleh mengendalakan kerjaya mereka yang merupakan tulang belakang makhluk dan talian hayat golongan eksekutif.**

8. Tugas yang kelapan : Hendaklah guru itu beramal dengan ilmunya.

Tidaklah perkataannya mendustakan perbuatannya kerana sesungguhnya ilmu itu difahami dengan mata hati dan amal itu difahami dengan mata kasar, sedangkan pemilik mata kasar itu lebih ramai. *Apabila ilmu menyalahi amal, terhalanglah kebijakan.* Setiap orang yang mengambil sesuatu dan dia berkata kepada orang ramai : *"Jangan diambalnya! Sesungguhnya itu adalah racun yang membinasakan!"*, orang ramai akan memperlekehkannya dan menuduhnya tidak normal. Bertambahlah kelobaan mereka terhadap apa yang dilarang lalu mereka berkata : *"Kalaulah bukan kerana perkara itu yang terbaik dan paling lazat nescaya si dia tidak akan mendahulukan dirinya."*

Perumpamaan guru mursyid daripada murid yang meminta petunjuk jalan ialah umpama ukiran daripada tanah dan bayangan daripada tongkat. Bagaimanalah terukir tanah dengan benda yang tidak boleh mengukir padanya, dan bilalah akan lurus suatu bayang sedangkan tongkatnya bengkok? Justeru itu, dikatakan pada makna yang hampir sama :

"Janganlah engkau menegah daripada suatu perilaku sedangkan engkau melakukan seumpama itu. Keaiban yang besar menimpamu apabila engkau berbuat demikian."

Allah swt berfirman :

﴿ أَتَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْبِرِّ وَتَنْسَوْنَ أَنفُسَكُمْ وَأَنْتُمْ نَتْلُونَ الْكِتَابَ
أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴾

"Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal?"

(Al-Baqarah/ 44)

Dan kerana itulah dosa orang alim dalam maksiatnya lebih besar daripada dosa orang jahil, kerana gelincir orang ramai dengan kegelincirannya amat banyak dan mereka mengikuti si alim yang menyeleweng itu. Dan dalam hadis Nabi s.a.w. menyebut :

"من سن سنة سيئة فعليه وزرها ووزر من عمل بها"

"Sesiapa membuat contoh perjalanan yang buruk maka dia menanggung dosanya dan dosa orang yang beramal dengan amalan buruknya."

(Riwayat Muslim, Tarmizi dan Ahmad)

Justeru itulah Sayyidina Ali r.a. berkata :

"Mematahkan belakangku oleh dua jenis lelaki : pertama, seorang alim yang menceroboh, dan kedua, seorang jahil yang beribadah. Maka orang jahil memperdayakan orang ramai dengan ibadahnya manakala orang alim memperdayakan orang ramai dengan pencerobohannya."

Dan Allah jualah yang Maha Tahu.

(Diterjemahkan oleh : Mohd Nordin Jaafar,
Pegawai Penyelidik II, ILPK, Nilam Puri.

20 Mac 2018. Semakan dibuat pada 06 Mei 2018.)



RUJUKAN